

*Naskhah draf*

**PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA**

---

<b>Bil. 10</b>	<b>Rabu</b>	<b>8 Julai 2009</b>
----------------	-------------	---------------------

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang  
Identifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2008 (Halaman 33)
- Rang Undang-undang  
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 (Halaman 37)

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****RABU, 8 Julai 2009****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta Menteri Kesihatan menyatakan, pendirian kementerian mengenai pandemik virus selesema babi yang kini dikenali sebagai Influenza A (H1N1). Apakah penternakan babi di ladang-ladang di negara ini terkawal dan bebas dari selesema tersebut.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Sirlin]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang diajukan kepada Kementerian Kesihatan pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu Kementerian Kesihatan ingin melakukan pembetulan tentang penggunaan istilah pandemik influenza yang sedang melanda dunia sekarang ini bagi mengelakkan kekeliruan kepada masyarakat atau orang awam. Jangkitan virus Influenza A (H1N1) menyebabkan pandemik influenza di seluruh dunia sekarang ini adalah merupakan virus daripada *stream* yang baru, dengan izin, ataupun lebih dikenali sebagai *novel virus*.

Virus Influenza A (H1N1) ini terhasil daripada proses mutasi atau dikenali sebagai *re-assortment* daripada gen virus influenza yang bercampur di antara gen influenza daripada babi, *swine*, dengan izin, burung, *avian* dan juga manusia. Oleh itu pada 30 April 2009, Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau WHO dalam kenyataannya telah melaporkan bahawa jangkitan Influenza A (H1N1) adalah virus yang baru dan jangkitan berlaku adalah di antara manusia ke manusia sahaja serta tiada risiko orang ramai mendapat jangkitan penularan penyakit ini dengan pengambilan atau penggunaan babi atau produk berasaskan babi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan ladang-ladang babi negara ini terkawal daripada selesema babi, Kementerian Kesihatan telah dan sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia ataupun JPVM dan pada masa ini JPVM adalah merupakan ahli tetap kepada jawatankuasa teknikal antara agensi menangani pandemik influenza yang telah ditubuhkan sejak tahun 2006.

JPVM telah melaporkan penternakan babi di ladang-ladang babi di negara ini adalah terkawal dan pemantauan *surveillance* virus selesema babi ataupun *classical swine flu* dan Influenza A (H1N1) telah dan sedang dilaksanakan.

Sehingga kini sejumlah 17,459 spesimen daripada 672 buah ladang-ladang babi di seluruh negara telah diambil dan 191 spesimen didapati positif untuk virus *classical swine flu* dan tidak ada spesimen yang positif untuk virus Influenza A (H1N1). Bagi tujuan rekod, terdapat sejumlah 776 buah ladang penternakan babi di seluruh negara. *Classical swine flu* tidak berlaku jangkitan kepada manusia, sebaliknya hanya berlaku di kalangan babi sahaja di mana babi mendapat gejala seperti selesema, batuk, keletihan dan juga kurang selera makan.

Pemantauan terhadap ladang-ladang penternakan babi akan diteruskan oleh JPVM untuk mengesan sebarang kejadian luar biasa dan sebarang maklumat akan sentiasa dikongsi bersama dengan Kementerian Kesihatan. Orang ramai tidak perlu merasa bimbang dengan pengambilan atau penggunaan babi serta tidak mengaitkan kejadian Influenza A (H1N1) dengan amalan pengambilan makanan berasaskan babi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn.

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon kementerian untuk menyatakan statistik rakyat yang telah meninggal dunia akibat selesema ini dan nyatakan juga jumlah penghidap penyakit ini setakat ini dan berapa orangkah penghidap selesema jangkitan tempatan yakni bukannya selesema import dan apakah pendirian kerajaan bilakah tahap kecemasan pandemik ini akan dinaik tarafkan? Terima kasih.

**Datuk Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Sirlin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, *alhamdulillah* tidak ada kematian dicatatkan di negara ini yang melibatkan H1N1. Walau bagaimanapun, bilangan kes keseluruhannya di Malaysia adalah setakat 8 pagi pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah 513 kes yang melibatkan kes import sebanyak 378 dan kes tempatan sebanyak 135 kes. Jumlah secara keseluruhan di negara-negara yang mencatatkan kes H1N1 ini adalah sebanyak 135 negara di dunia ini dan jumlah pesakit setakat ini ialah seramai 96,624 orang dan melibatkan jumlah kematian seluruh dunia seramai 433 orang.

Seperti yang saya katakan tadi, Yang Berhormat, jangkitan H1N1 ini adalah jangkitan di antara manusia ke manusia dan ianya tidak mempunyai kaitan dengan babi ataupun ladang babi. Buat pengetahuan Yang Berhormat, pada 11 Jun tahun ini, pihak WHO telah menaikkan tahap amaran pandemik influenza daripada tahap lima kepada tahap enam dan memandangkan pada fasa enam ini, sebenarnya Kementerian Kesihatan, untuk pengetahuan Yang Berhormat juga sejak dari tahun 2005 telah menyediakan pelan *National Influenza Pandemic Preparedness Plan* ataupun lebih dikenali sebagai NIPP bagi menyediakan langkah-langkah persediaan menghadapi apa sahaja bentuk pandemik influenza.

**■1010**

Sesuai dengan saranan WHO, Kementerian Kesihatan akan mengambil langkah-langkah ini bersesuaian dengan fasa 6, pandemik iaitu mengaktifkan Jawatankuasa Kebangsaan antara kementerian untuk menangani wabak fasa 6 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Di samping itu pihak kerajaan juga akan mengaktifkan Majlis Keselamatan Negara untuk menyelaraskan aktiviti pencegahan dan kawalan yang perlu dilaksanakan dan aktiviti *surveillance* pencegahan dan juga kawalan seperti yang dinyatakan di dalam NIPP tadi akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, tindakan *social distancing* iaitu untuk membanteras penularan penyakit akan diambil sekiranya terdapat penularan tempatan seperti yang dilaporkan di negara kita telah mencatatkan jumlah penularan tempatan.

Contohnya, seperti yang kita ketahui penutupan sekolah-sekolah, institusi dan juga pembatalan majlis perhimpunan yang melibatkan perhimpunan yang ramai. Yang Berhormat, kementerian amat yakin bahawa dengan kerjasama daripada semua pihak serta sokongan padu dari seluruh rakyat negara ini ia dapat meminimumkan lagi kesan serta impak dari pandemik influenza di Malaysia ini.

**Datuk Maijol Mahap:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekarang ini saya difahamkan bahawa ramai rakyat Malaysia termasuk saya sendiri mendapatkan suntikan *anti-flu*. Akan tetapi saya difahamkan juga bahawa *anti-flu* ini tidak berkesan untuk mencegah influenza 'A' ini. Kalaulah betul perkara ini Yang Berhormat, apakah pendirian atau tindakan kementerian untuk mendapatkan ubat yang sesuai bagi imunisasi kepada rakyat kita di Malaysia ini supaya mereka lebih dapat dilindungi daripada penyakit yang baru ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan tadi. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebenarnya vaksin yang digunakan di negara ini pada ketika ini adalah dikenali sebagai vaksin *seasonal flu* kerana vaksin *specifically* atau secara spesifiknya yang untuk ditawarkan kepada penyakit H1N1 ini memerlukan masa dan tempoh enam bulan untuk di *develop*, dengan izin.

Jadi, untuk pengetahuan Yang Berhormat vaksin *seasonal flu* ini adalah vaksin yang digunakan sekarang dan sebenarnya vaksin *seasonal flu* yang kita gunakan ini mempunyai komponen dari virus influenza A H3N3 dan juga influenza A H1N1 dan juga influenza 'B'. Jadi jenis virus sekarang ini ditentukan oleh pertubuhan kesihatan sedunia WHO.

Dan apa yang disarankan dari segi vaksin influenza *seasonal flu* ini sebenarnya ia berkesan ke atas virus influenza yang sedia ada di persekitaran kita. Jadi untuk tempoh pada masa ini, vaksin *seasonal flu* ini adalah vaksin yang diambil untuk memastikan ia digunakan secara menyeluruh.

Sebenarnya apa yang dilakukan sejak tahun 2007, petugas barisan hadapan kita telah diberikan pelalian untuk vaksin *seasonal flu* ini. Ini bagi membantu mereka untuk mempunyai imuniti dari segi penyakit H1N1. Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, walau bagaimanapun pelalian ini sebenarnya akan mengurangkan risiko individu daripada menjadi tempat virus influenza bermutasi atau dikenali sebagai *reassortment* dan proses ini menyebabkan virus menjadi kurang bahaya.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**2. Puan usha Nandhini a/p S. Jayaram** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, bilangan yang sedang mengikuti program “*Train and Place*” anjuran kementerian dan bagaimanakah sambutan terhadap program ini.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah Mazlan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan yang dikemukakan kepada Kementerian Sumber Manusia. Saya ingin memaklumkan bahawa krisis ekonomi global turut memberi kesan kepada Malaysia. Penguncupan ekonomi di negara-negara yang merupakan rakan perdagangan Malaysia seperti Amerika Syarikat, Eropah dan lain-lainnya mengakibatkan kekurangan permintaan untuk hasil dan produk Malaysia. Impak yang paling ketara ialah kesan dalam pekerjaan di mana majikan-majikan terpaksa memberhentikan pekerja sama ada secara tetap, sementara ataupun mengurangkan upah.

Latihan dan penempatan adalah satu pendekatan yang digunakan untuk membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan. Oleh sebab bilangan belia dan siswa menganggur juga tinggi, maka program ini juga dibuka kepada mereka. Matlamat utama program ini adalah untuk memberi latihan kemahiran baru kepada mereka yang telah diberhentikan bekerja. Dengan itu meningkatkan tahap kebolehan pekerjaan dan membantu dari segi penempatan pekerjaan. Semasa latihan dijalankan untuk jangka masa tiga bulan hingga enam bulan, pelatih-pelatih diberi elaun sebanyak RM500 hingga RM800 seorang.

Program latihan dilaksanakan oleh penyedia latihan yang dilantik oleh Kementerian Sumber Manusia dan penyedia latihan berkenaan disyaratkan untuk membantu Kementerian Sumber Manusia membuat penempatan kepada peserta yang dilatih setelah mereka menamatkan latihan dengan jayanya.

Sehingga 7 Julai 2009, jumlah pendaftaran yang diluluskan untuk mengikuti program latihan dan penempatan ini sehingga ini ialah seramai 23,326 orang dan seramai 9,098 peserta sedang menyertai program latihan dan penempatan ini pada masa ini di seluruh negara. Ini termasuklah sejumlah 2,046 pekerja yang diberhentikan.

Sehingga kini belum ada penempatan dibuat kerana peserta program belum menamatkan latihan kerana program latihan ini hanya bermula pada April 2009 ini. Terima kasih.

**Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah, apakah benar bahawa program "*Train and Place*", anjuran kementerian mendapat sambutan yang kurang dan dingin di kalangan peserta. Sekiranya benar, apakah faktor-faktor yang telah dikenal pasti sebagai punca mengapa program ini kurang mendapat sambutan? Terima kasih.

**Dato' Maznah Mazlan:** Terima kasih Yang Berhormat. Sama ada sambutan ini dingin atau tidak, sukar saya katakan di sini kerana bulan hadapan baru kita akan membuat analisa terperinci setelah kumpulan pertama tamat latihannya. Akan tetapi saya ingin memaklumkan kerana matlamatnya ialah untuk menempatkan mereka yang diberhentikan bekerja.

Mungkin saya boleh memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa semenjak negara ini dilanda oleh krisis ekonomi, kita dapati bahawa bilangan jumlah yang diberhentikan kerja di seluruh negara ialah 38,729 yang mana seramai 29,718 adalah warga tempatan. Daripada 29,718 ini Jabatan Tenaga Kerja telah dapat menempatkan mereka yang dibuang kerja bekerja kembali sebanyak 29.97% iaitu 8,905 orang dan untuk program latihan dan penempatan ini melibatkan 2,046 orang.

#### ■1020

Saya rasa Yang Berhormat, setakat ini bilangan yang kita tidak dapat kesan, yang telah diberhentikan kerja, sama ada ini kerana mereka telah mengambil wang sumbangan setelah mereka berhenti kerja untuk berniaga, balik kampung, ataupun telah mendapat pekerjaan dan tidak mendaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja ialah seramai 32%. Akan tetapi saya yakin pada akhir bulan Julai ini nanti apabila kita tamat latihan, sebahagian daripada mereka yang mengikut program latihan dan penempatan ini kita betul-betul dapat mengetahui sama ada program ini berjaya atau tidak.

Kedua, saya percaya selain daripada program latihan dan penempatan ini, kementerian juga mempunyai program-program lain untuk membantu mereka yang berdaftar untuk mendapat pekerjaan di kementerian ini seperti program latihan *trained and retain* iaitu kita dan majikan bekerjasama supaya mereka yang sudah tidak berfungsi di bahagian-bahagian majikan yang tertentu kerana kurang pengeluaran, mereka ini kita latih di dalam organisasi yang sama supaya mereka tidak diberhentikan dan boleh bekerja di bahagian-bahagian lain di dalam organisasi yang sama. Selain daripada itu kita juga mempunyai program yang dipanggil *trained and replace*, dengan izin, latih dan ganti kerana kita juga akan tidak menyambung permit pekerja-pekerja asing di dalam sektor-sektor tertentu seperti perkhidmatan, keselamatan dan lain-lain serta melatih warga Malaysia yang tidak bekerja untuk menggantikan tempat-tempat itu. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahannya ialah sejauh manakah penglibatan syarikat-syarikat GLC dalam menyahut seruan ini dan apakah ia merupakan suatu tindakan jangka panjang kepada pihak kerajaan dalam program latihan dan penempatan ini.

**Dato' Maznah Mazlan:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja di seluruh negara kita mempunyai lebih 80 cawangan. Insya-Allah akhir Ogos ini, 22 lagi pusat di tempat-tempat awam yang mudah dikunjungi oleh mereka yang ingin mencari pekerjaan akan dibuka dan semua ini kita buka tanpa mengira sama ada ia adalah GLC, syarikat, perseorangan dan apa bentuk syarikat atau majikan sekali. Ini menjawab soalan Yang Berhormat bahawa GLC juga bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia untuk mendaftarkan pekerja-pekerja sekiranya mereka terlibat dengan pemberhentian untuk sama-sama mengikuti program Kementerian Sumber Manusia. Terima kasih.

**3. Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah tindakan yang dikenakan kepada mereka yang membuang sampah di tempat-tempat yang tidak dibenarkan (*illegal dumping ground*) dan apakah cara kementerian memantau supaya masalah ini tidak berlaku.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Senator, saya mengambil kesempatan pada pagi ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara yang baru.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Lajim Ukin:** Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada khidmat bekas Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh yang telah pun berkhidmat selama dua penggal di Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanggungjawab untuk mengenakan tindakan ke atas mereka yang membuang sampah di tempat-tempat yang tidak dibenarkan ataupun *illegal dumping* adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan - PBT yang berkaitan dan juga kerajaan-kerajaan negeri.

Namun begitu, apabila Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Tahun 2007, Akta 672 dikuatkuasakan kelak, tindakan pemantauan akan dijalankan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui dua agensi di bawahnya iaitu Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara dan juga Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

Di bawah akta ini, Akta 672 - kesalahan pembuangan sampah secara haram akan dikenakan penalti tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada enam bulan dan tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya sekali. Terima kasih.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah, apakah ada kajian tahap pencapaian atas Program Kitar Semula yang telah dilancarkan oleh kerajaan selama ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Lajim Ukin:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan Ahli Yang Berhormat terkeluar daripada soalan ini. Jadi, saya tidak ada rekod tentang soal kajian ini. Namun demikian saya akan menjawab secara bertulis kepada Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mulakan soalan tambahan saya, saya ingin hendak mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah dilantik sebagai Speaker Dewan Negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Dan juga tidak lupa untuk mengucapkan terima kasih kerana telah mengiktiraf seorang wanita untuk menjadi Timbalan Speaker. Terima kasih...  
[Tepuk]

Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana telah datang sendiri untuk menjawab soalan saya.

Kita dengar tadi macam-macam, kompaun sudah dikenakan RM10,000 hingga RM100,000 dan lesen premis akan dibatalkan dan lain-lainnya. Ini bermakna satu tindakan yang drastik jugalah yang diambil. Masalahnya, saya terbaca satu artikel sehinggakan papan tanda yang mengatakan "*Dilarang Membuang Sampah Di sini*" pun ditimbus dan ditimbun dengan sampah.

Kalau boleh saya hendak bertanya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa banyak? Saya tidak minta statistik, saya hendak tahu adakah penangkapan bagi mereka yang membuat kesalahan ini. Saya tahu ini pihak PBT yang menangkap di bawah kementerian tetapi pernahkah ditangkap, sebab kalau difahamkan mereka akan buang sampah tengah malam dan sebagainya. Melainkan individu yang secara sewenang-wenang sedangkan... Minta maaf, bukan saya hendak puji *Singapore* tetapi untuk menunjukkan contoh. Di *Singapore* seorang kawan lalu, bila dia buka tisu dan tisu itu terjatuh, seorang budak sekolah boleh mengambil dan memungut tisu, lalu di depan dia dan buang ke dalam tong sampah sehinggakan kawan saya kata dia tersipu-sipu, dia amat malu, *very embarrassing*, dengan izin.

Selepas itu saya berharaplah kalau boleh tindakan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, apakah arahan terbaru kalau tidak ada tangkapan, tidak ada apa-apa, maka sewenang-wenangnya sebab ini tidak baik untuk kesihatan masyarakat, untuk kita rakyat Malaysia.

Sudahlah ada H1N1 dan sebagainya, apa lagi selepas ini dan juga malu kepada pelancong-pelancong yang datang ke tempat kita. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Lajim Ukin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pihak berkuasa tempatan (PBT) ada mempunyai aktanya sendiri. Dalam PBT itu sendiri kalau di Sabah dan Sarawak di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan jika di Kuala Lumpur di bawah Exco Kerajaan Tempatan ataupun Perumahan, terpulanglah mana-mana Exco. Jadi, memang saya dapat tahu bahawa PBT juga ada menangkap di seluruh negara. Ramai juga mereka yang telah membuang sampah di sana sini telah ditangkap. Akan tetapi sebagaimana yang kita ketahui tabiat manusia tidak akan berubah walaupun dendanya sebegitu besar. Sedangkan kesalahan najis dadah yang dihukum mati pun masih lagi ada orang yang mahu menjual dadah dengan pelbagai cara.

Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk menjelaskan tentang Akta 672 ini. Apabila akta ini dikuatkuasakan kemudian, maka di sinilah sebenarnya kementerian mempunyai tanggungjawab di bawah satu jabatan dan satu agensi yang akan menentukan sejauh mana tahap kebersihan semua PBT dengan memenuhi beberapa pendekatan.

#### ■1030

Pertamanya kerajaan telah meluluskan tiga syarikat untuk menswastakan pembuangan sampah, *landfill*, pembersihan taman awam dan sebagainya, tetapi sekarang ini dalam kajian kerajaan kerana hasil daripada kajian kementerian kita bahawa kalau kita swastakan, kita memerlukan perbelanjaan yang agak besar, iaitu tidak kurang daripada RM2 bilion hingga RM3 bilion setahun untuk dibelanjakan bagi membiayai untuk mengutip sampah, membersihkan taman-taman, longkang, *landfill* dan sebagainya.

Jadi untuk itu, kerajaan hanya mengutip lebih kurang RM900 juta sahaja, maknanya tidak sampai RM1 bilion pun setahun. Jadi komitmen Kerajaan Pusat agak tinggi dalam soal penswastakan ini. Jadi inilah yang sedang dikaji dan sedang diperhalusi oleh pihak kementerian saya dan juga EPU tetapi mahu atau tidak mahu, apakah kita masih membiarkan PBT ini dengan kawasan yang tidak bersih dengan kita mahu menjayakan negara kita untuk mencapai Wawasan 2020, mahu atau tidak mahu Kerajaan Pusat akan bertindak dan akan mengambil langkah sama ada kita terus menswastakan pungutan sampah, pembersihan taman-taman dan yang lain-lainnya, tetapi juga dengan kaedah-kaedah yang lain mungkin sama ada ianya diuruskan oleh kerajaan negeri ataupun akan diuruskan oleh Kerajaan Pusat melalui Akta 672. Terima kasih.

4. **Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin** minta Menteri Penerangan, Komunikasi, Kesenian dan Kebudayaan menyatakan, tidakkah kementerian bercadang untuk mengkorporatkan FINAS bagi membolehkannya menerbitkan filem bermutu tinggi berasaskan Dasar Perfileman Negara.

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi, Kesenian dan Kebudayaan II [Puan Heng Seai Kie]:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Penerangan, Komunikasi, Kesenian dan Kebudayaan belum bercadang untuk mengkorporatkan FINAS. Walau bagaimanapun, bagi memastikan peranan FINAS menjadi lebih berkesan pihak kementerian akan mengkaji semula kemungkinan untuk menyatukan fungsi dan peranan FINAS dan Filem Negara.

Selain itu, bagi membudayakan budaya korporat, FINAS telah menyediakan pelan strategi jangka panjang dan petunjuk prestasi utama strategi ke arah usaha untuk memastikan penerbitan filem-filem yang bermutu tinggi di masa akan datang. Sekian terima kasih.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Timbalan Menteri yang telah menjawab soalan tadi. Soalan ini saya kemukakan kerana terdapat hari ini kita menghadapi masalah tidak ada kefahaman daripada anak-anak muda khususnya tentang sejarah dan patriotisme filem-filem patriotik.

Oleh kerana filem-filem ini adalah tinggi harganya dan jarang penerbit-penerbit filem mampu untuk menerbitkan filem-filem demikian, maka itu sekiranya FINAS dapat di *corporatize* kan dan dapat buat *joint venture* dengan penerbit-penerbit filem tempatan, jadi kita dapat menghasilkan filem-filem bermutu seperti filem-filem patriotik, filem-filem yang berunsur sejarah kerana sejarah itu amat penting.

Maka itulah cadangan ini saya diminta untuk bertanya sama ada, walaupun tidak di *corporatize* kan, tidakkah ada dan boleh dibuat *joint venture* seperti pernah berlaku dahulu memang sudah pun disuarakan semasa Menteri Penerangan, Tan Sri Mohamed Rahmat dahulu untuk di *corporatize* kan, tiba-tiba kementerian itu berpindah, jadi tidak jadi.

Jadi oleh kerana itu, Filem Negara telah menerbitkan dua filem patriotik seperti *Embun* dan *Paloh*. Oleh kerana itu, kalau dapat FINAS disatukan tadi yang dimaksudkan dan bagaimana pula kalau pengusaha-pengusaha filem tempatan dapat membuat *joint venture* dengan FINAS bagi menerbitkan filem-filem patriotik dan juga filem sejarah. Terima kasih.

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Kerajaan memang maklum tentang masalah yang dihadapi oleh penerbit-penerbit tempatan dan juga kepentingan tentang filem patriotik ini. Jadi sebagai langkah bagi menerbitkan filem yang bermutu tinggi, walaupun FINAS tidak bercadang buat masa ini untuk membuat *joint venture*, tetapi FINAS telah pun menyediakan dana-dana seperti berikut bagi menggalakkan ataupun membantu penerbit-penerbit filem tempatan dalam penerbitan filem yang bermutu, iaitu termasuklah filem patriotik. Antaranya ialah Skim Pinjaman Filem Cereka dengan jumlah RM50 juta, Dana Pembangunan Seni Filem dan Multimedia dengan jumlah RM1.52 juta dan Dana Filem Dokumentari dengan jumlah RM6.5 juta. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Wong Siong Hwee. Saya juga dapat lihat Profesor Dato' Dr. Firdaus tadi sudah banyak kali bangun. Yang Berhormat bercadang hendak tanya soalan tambahan? Selepas Dato' Wong Siong Hwee, Profesor Dato' Dr. Firdaus.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua pada semalam dilantik sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Jadi soalan tambahan saya, apakah KPI FINAS dalam usaha membangunkan industri filem negara dan menerbitkan filem bermutu tinggi yang dapat bersaing di pasaran antarabangsa. Sekian, terima kasih.

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Wong atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Jadi FINAS sebagai sebuah badan perfileman terutama sekali di Malaysia yang ditubuhkan untuk menggalakkan memelihara dan memudahkan pembangunan industri perfileman tempatan telah menetapkan petunjuk prestasi utama strateginya, iaitu KPI antaranya ialah dia telah menyiapkan dua pelan garis panduan sebagai Petunjuk Prestasi Organisasi, iaitu KPI untuk 2009 dan KPI untuk Pelan Strategi Jangka Panjang bagi tempoh 2009 hingga 2013.

Jadi kedua-dua KPI untuk 2009 dan juga Pelan Strategi Jangka Panjang ini adalah digubal berdasarkan dasar perfileman negara bagi membangunkan industri filem Malaysia dan menerbitkan filem bermutu tinggi yang dapat bersaing di pasaran antarabangsa.

Melalui KPI ini telah dikenal pasti enam perkara utama yang menjadi teras strategi kepada FINAS iaitu:

- (i) pembangunan modal insan;
- (ii) permodalan dan insentif;
- (iii) pembangunan teknologi dan infrastruktur;
- (iv) pembangunan filem dokumentari, animasi dan kenegaraan;
- (v) promosi dan pemasaran; dan
- (vi) pengurusan pentadbiran dan perundangan.

Sekian, terima kasih.

**Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin melanjutkan soalan tentang dasar perfileman negara yang disebut dalam soalan ini. Saya faham bahawa dasar perfileman negara digubal dalam tahun 1990-an dahulu, saya sendiri terlibat dalam proses penggubalan itu, tetapi dukacita setelah dasar itu digubal, saya tidak dapat melihat bahawa pelaksanaannya dilakukan secara sewajarnya.

Oleh kerana itu saya ingin bertanya, adakah langkah-langkah yang sistematik di pihak Kementerian memantau pelaksanaan dasar perfileman negara ini supaya apa yang dicadangkan dalam dasar itu benar-benar dapat dilaksanakan, kerana saya ingat dasar perfileman negara itu mengarah kepada pembentukan sebuah negara bangsa, *nation building*. Jadi yang kita takutkan kalau-kalau dasar perfileman negara ini menjadi dasar-dasar yang lain yang banyak diabaikan. Oleh kerana itu saya rasa perlulah dasar-dasar ini dipantau dengan sistematik dari semasa ke semasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1040

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Dasar Perfileman Negara sebenarnya telah diwujudkan pada tahun 1987, dan antaranya saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat, ia merupakan satu kaedah bagi menjana perkembangan industri perfileman tempatan supaya dapat terus maju ke hadapan dan mampu mengangkat filem-filem tempatan ke peringkat antarabangsa.

Oleh sebab bagi memastikan bahawa dasar ini akan dicapai dan berjalan lancar, oleh itu FINAS telah pun diwujudkan sebagai satu badan untuk menyokong dan membantu bagi memastikan ia bersama-sama dengan Jabatan Filem Negara ke arah pencapaian dasar ini, sekian terima kasih.

**Dato Sri Empiang Jabu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya juga mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara Malaysia.

5. **Dato Sri Empiang Jabu** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, mengapa walaupun terdapat kekerapan perbincangan dua hala di antara Kerajaan Malaysia dan Indonesia namun masalah jerebu akibat pembakaran terbuka yang berpunca di Indonesia masih lagi belum dapat ditangani.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut sama mengucapkan tahniah dan syabas di atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua ke jawatan Presiden Senat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan hari ini sekali dengan empat lagi soalan masing-masing daripada Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin, Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang, Yang Berhormat Dato' Yip Kum Fook dan Yang Berhormat Dr. M. Malasingam a/l Mutukumar yang dijadualkan untuk 13 Julai 2009 serta soalan daripada Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, pada 14 Julai 2004, memandangkan soalan-soalan ini adalah mengenai isu yang sama dan saling berkaitan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dibenarkan Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada tahun 2008 negara kita mengalami masalah jerebu merentas sempadan yang teruk, seperti tahun 2006. Antara sebab-sebabnya ialah kerajaan Indonesia dalam mengurangkan titik panas di wilayahnya. Selepas beberapa mesyuarat *Ministerial Steering Committee (MSC) on Transboundary Haze Pollution* dengan izin, yang dianggotai oleh Malaysia, Brunei, Indonesia, Thailand dan Singapura.

Kerajaan Indonesia telah melaksanakan satu *Plan of Action (POA)* untuk mengurangkan bilangan titik panas di negara Indonesia. Di bawah POA ini, Indonesia mensasarkan untuk mengurangkan titik panas atau *hot spot* sebanyak 50% pada tahun 2008, berbanding tahun 2006. Hasil daripada usaha-usaha ini, didapati bilangan titik panas di Indonesia telah berjaya dikurangkan dalam tempoh 2006-2008. Mengikut laporan yang dibuat oleh *ASEAN Regional Specialized Meteorological Center (ASMC)* pada Mesyuarat Ketujuh, Jawatankuasa Pemandu Menteri-menteri ASEAN tersebut di Brunei pada 29 April 2009, kerajaan Indonesia telah berjaya mengurangkan titik panas di Kalimantan dari 26,516 pada tahun 2006 kepada 6,482 pada 2008, dan di Sumatera dari 22,590 kepada 10,767 dalam tempoh tersebut.

Untuk meningkatkan kerjasama dengan kerajaan Indonesia, Kerajaan Malaysia dan Singapura telah pun melaksanakan beberapa program di bawah Perjanjian Persefahaman atau *Memorandum of Understanding (MoU)*, dengan izin. Bagi Malaysia kerjasama dimeterai dengan wilayah Riau, Sumatera dan bagi Singapura dengan wilayah Jambi, Sumatera. Di bawah MoU tersebut, Malaysia telah membina sekatan saluran atau *canal blocking* di kawasan tanah gambut di lima desa dalam wilayah Riau. Selain itu, Malaysia juga telah mengadakan Bengkel Amalan Pembersihan Tanah tanpa pembakaran atau *zero burning* kepada Ketua-ketua Masyarakat dan Latihan Pemadam Api kepada Sukarelawan Pemadam Api di Wilayah Riau, untuk tujuan amaran awal kejadian jerebu, Malaysia telah membina sebuah stesen pengawasan kualiti udara di Bagan Siapi-api di wilayah tersebut.

Oleh yang demikian, kerajaan Malaysia berharap langkah-langkah pencegahan dan kawalan tersebut diteruskan oleh Indonesia untuk menangani masalah jerebu merentasi sempadan, demi kepentingan negara-negara di rantau ini. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, status kualiti udara pada masa kini di seluruh negara bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2009, mencatat bacaan indeks pencemaran udara atau IPU pada tahap sihat iaitu IPU tidak melebihi 100 pada kebanyakan masa. Namun begitu terdapat dua kawasan iaitu Klang dan Kuala Lumpur telah mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat, iaitu melebihi 100 iaitu pada 12 Jun 2009 untuk tempoh satu hari, itu pun hanya untuk satu hari sahaja. Walau bagaimanapun, status kualiti udara terkini di seluruh negara telah bertambah baik, dan tiada lagi kawasan yang mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat sehingga ke hari ini.

Masalah jerebu yang berlaku sukar untuk diramal sama ada akan berlaku setiap tahun atau tidak, kerana ia bergantung kepada bilangan aktiviti pembakaran terbuka dan juga keadaan cuaca. Namun begitu kerajaan sentiasa memantau keadaan dan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk mengawal keadaan jerebu dari kualiti udara secara berterusan sepanjang tahun. Langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) pembinaan sekatan saluran atau empangan, *check dam* di kawasan-kawasan gambut yang kritikal;
- (ii) pembinaan Menara Tinjau, *works tower* bagi mengawasi pembakaran terbuka di kawasan tanah-tanah gambut;
- (iii) meningkatkan aktiviti pemantauan dan akhirnya mempertingkatkan penguasaan.

Semenjak tahun 2003-2008, sebanyak 2,378 kompaun telah dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar ke atas kesalahan melakukan pembakaran terbuka di bawah seksyen 29, Akta Kualiti Awam Sekeliling 1974 dengan kutipan kompaun berjumlah RM3.5 juta, manakala bagi kes-kes yang dihadapkan ke mahkamah sebanyak 97 kes, telah disabitkan kesalahan di bawah akta yang sama dan jumlah denda yang dikenakan adalah RM1 juta, sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nampaknya jawapan itu cukup lengkap, tak ada soalan tambahan? Terima kasih. Sila, Puan Hajah Zainun binti A. Bakar

■1050

**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya juga untuk mengucapkan tahniah dan syabas kerana Yang di-Pertua telah dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara.

**6. Puan Hajah Zainun binti A. Bakar** minta Menteri Pelajaran menyatakan, rasional dan kesan cadangan kementerian untuk menghadkan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mengambil sepuluh mata pelajaran sahaja terutamanya kepada calon-calon aliran Sains-Agama.

**Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih dan terima kasih juga kepada Puan Zainun.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** Tuan Yang di-Pertua, terdapat lima pertanyaan berkaitan menghadkan sepuluh mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Pertanyaan-pertanyaan tersebut daripada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun binti A. Bakar hari ini, Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah pada hari ini juga, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Yeow Chai Thiam pada 9 Julai, Yang Berhormat Senator Tuan Rawisandran a/l Narayanan pada 13 Julai dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahim juga pada 13 Julai.

Oleh kerana pertanyaan yang dikemukakan saling berkaitan, saya memohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab kesemua pertanyaan tersebut secara serentak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, dibenarkan Yang Berhormat dan saya juga memberi keutamaan kepada penanya-penanya soalan yang lain tadi sekiranya ada. Silakan Yang Berhormat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia komited melakukan pelbagai langkah baru demi menjayakan proses Pencerahan Pendidikan Negara. Langkah mengehadkan sepuluh mata pelajaran untuk SPM, memartabatkan semula bahasa Melayu, merombak sistem pentaksiran, cadangan wajib lulus bahasa Inggeris dan hari ini pengumuman penting mengenai dasar PPSMI adalah bukti pencerahan itu.

Walaupun mulai daripada tahun 2010 calon SPM dihadkan mengambil maksimum sepuluh mata pelajaran tetapi calon aliran agama sains dibenarkan mengambil sebelas mata pelajaran tetapi mulai daripada tahun 2011, pelajar semua aliran dimuktamadkan mesti mengambil sepuluh mata pelajaran sahaja.

Soalan itu bertanya apa rasionalnya? Rasionalnya pertama ialah pelajar tidak terlalu *exam oriented*, dengan izin. Kedua, potensi pelajar lebih mudah dan fokus dibangunkan secara komprehensif dan intensif. Ketiga, pengkhususan dan penguasaan mereka dalam satu bidang keilmuan dibuat lebih awal sebelum memasuki IPT dan yang keempat, pelajar dan guru mempunyai masa mencukupi untuk aktiviti kokurikulum supaya potensi akal, jasmani, rohani dan emosi dibangunkan secara seimbang. Soalan juga bertanya apakah kesannya. Kesannya ialah pendidikan tidak lagi menjadi satu bebanan seperti beratnya beg sekolah tetapi proses ilmu untuk penghayatan yang benar-benar bersifat abadi mendidik ku dapat dilaksanakan.

Maka barulah kita boleh melahirkan modal insan yang menjadikan negaranya maju mengikut acuannya sendiri. Tuan Yang di-Pertua, itu yang dimaksudkan pencerahan pendidikan. Terima kasih.

**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Timbalan Menteri. Cadangan kerajaan untuk mengehadkan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mengambil sepuluh mata pelajaran pada tahun 2011 telah mendapat pelbagai reaksi daripada semua lapisan masyarakat kerana pelajaran menjadi tunjang pembinaan modal insan negara. Mengehadkan pelajar mengambil sepuluh mata pelajaran akan menyekat perkembangan dan kebolehan pelajar termasuk membantutkan percambahan ilmu dan untuk terus berkembang dan mempelbagaikan ilmu.

Akibatnya, minda pelajar akan menjadi jumud. Mengehadkan 11 mata pelajaran kepada calon aliran ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar:** ...Aliran Sains. Sikit saja, penerangan. Aliran Sains-Agama akan menyebabkan mereka terpaksa menggugurkan dua subjek teras agama iaitu sama ada Tasawuf, Ulum Syariah atau Al-Quran Sunah yang sebelum ini hanya satu.

Soalan tambahan saya, adakah kerajaan sedar mengambil lebih sepuluh mata pelajaran sebenarnya tidak membebankan calon khususnya calon aliran Sains-Agama, malah menyekat kemampuan dan kebolehan pelajar yang bertentangan dengan prinsip *education rights*, dengan izin hak pendidikan dan tanpa peperiksaan akan menyebabkan pelajar kurang bersungguh-sungguh, pelajar sambil lewa dan akhirnya akan menjejaskan masa depan mata pelajaran agama sendiri serta membantutkan usaha untuk melahirkan generasi Ulul Albab yang serba boleh dan bertakwa. Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya pendemokrasian pendidikan ini ialah apabila kita berjaya melakukan proses pencerahan tadi iaitu penguasaan ilmu, ilmu yang dihayati. Sebab itulah kalau dia ingin mengambil subjek-subjek yang lain, yang tidak diwajibkan dia mengambil sebagai peperiksaan, maka sebenarnya itu adalah proses pendemokrasian. Dia boleh mengambil subjek-subjek lain tapi bukan untuk tujuan peperiksaan. Kenapa dia nak dijadikan sebagai peperiksaan?

Yang penting ialah yang teras tadi. Yang teras, kita tidak ubah termasuklah Pendidikan Agama ataupun Pendidikan Moral dan pendidikan teras ini kita kekalkan kepada enam tapi kalau aliran Sains-Agama, maka pendidikan terasnya ialah, mata pelajaran terasnya ialah lima termasuklah pelajaran Sains, Matematik dan sebagainya dan dia boleh mengambil mata-mata pelajaran lain yang lebih penting sebenarnya.

Sebab itu sebenarnya tidak merugikan pelajar tersebut. Sebab itu saya katakan tadi bahawa yang lebih penting ialah dia lebih fokus dan dia lebih mudah menghayati ilmunya dan dia tidak menjadi terlalu *exam oriented* ataupun *obsess* kepada sijil semata-mata. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Puan Mumtaz. Selepas itu Tan Sri Jins Shamsudin.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapakah jumlah subjek-subjek elektif yang ditawarkan oleh Kementerian Pelajaran kepada pelajar-pelajar SPM selain daripada subjek teras dan apakah kajian konklusif yang telah dibuat oleh Kementerian Pelajaran sehingga mengehadkan pelajar mengambil sepuluh mata pelajaran dan berapakah kadar kegagalan pelajar-pelajar yang telah mengambil lebih daripada sepuluh mata pelajaran daripada tahun 2000 hingga kini sehingga menyebabkan kementerian mengambil langkah yang sedemikian. Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** Tuan Yang di-Pertua, untuk aliran Sains, empat mata pelajaran elektif ialah Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik Tambahan. Saya ingin menjelaskan di sini contohnya, kalau dia mahu mengambil bidang perubatan, adalah memadai dia mengambil mata pelajaran elektif sains iaitu Kimia, Biologi dan Matematik Tambahan sahaja dan kalau dia mahu mengambil bidang kejuruteraan, dia boleh menggugurkan subjek Biologi dan mengambil mata pelajaran elektif seperti Fizik, Kimia dan Matematik Tambahan.

Sebab itulah pada kita yang lebih penting ialah apakah pengkhususan yang mahu diambilnya supaya dia lebih dapat menumpukan ilmu yang ingin dikuasai dan bagi saya, yang penting di sini ialah supaya mereka tidak melihat itu sebagai bebanan yang menyukarkan proses pembangunan modal insan. Sebab itu saya kata tadi bahawa subjek teras tetap pada enam mata pelajaran tetapi lima mata pelajaran subjek teras kalau mereka aliran sains ataupun aliran sains agama tadi. Sebenarnya jumlah yang mengambil mata pelajaran yang melebihi daripada sepuluh ini sebenarnya tidaklah begitu ramai. Sebab itu sebenarnya tidak membawa sebarang apa-apa kesan yang buruk pun jika sekiranya dasar ini, keputusan ini dilaksanakan.

■ 1100

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran. Pertanyaan tambahan saya ialah berhubung dengan SPM, wajib lulus bahasa Inggeris. Kalau itu sudah dilaksanakan atau diputuskan, adakah memberi waktu yang cukup sekurang-kurangnya tiga tahun untuk membolehkan mereka mempelajari bahasa Inggeris. Yang kedua, secara kebetulan juga, pada tahun 1956, kerajaan, Kementerian Pendidikan telah pun mengumumkan bahawa setiap pegawai kerajaan mestilah lulus bahasa Melayu pada ketika itu. Adakah dasar ini masih dilaksanakan? Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan itu tidak terlalu berkaitan tetapi ingin saya menjelaskan bahawa syarat wajib lulus bahasa Inggeris ini, masih di peringkat cadangan dan dia menjadi sebahagian daripada transformasi kurikulum dan juga sistem penaksiran yang mahu kita laksanakan. Ini menunjukkan bahawa kerajaan di samping mahu memartabatkan bahasa Melayu, kita juga mahu mengukuhkan penguasaan bahasa Inggeris.

Ia hanya dilaksanakan setelah kita meyakini kita sudah cukup persediaan, baik dari segi menyediakan guru bahasa Inggeris yang berkualiti ataupun guru opsyen bahasa Inggeris, khususnya di luar bandar. Kita juga mampu menyediakan P&P untuk guru bahasa Inggeris yang lebih efektif.

Kemudian menyediakan pengajaran bahasa Inggeris bukan hanya bertujuan komunikasi tetapi mungkin balik kepada sistem yang asal dulu iaitu Inggeris dengan *grammar* yang betul. Mungkin kita juga akan menyediakan IPG yang lebih banyak khusus untuk bahasa Inggeris di samping mengambil guru-guru bahasa Inggeris daripada luar negara. Setelah kita meyakini cukup persiapan ini, maka ia akan dilaksanakan.

Kita tidak membuat suatu dasar *over write* dengan izin, iaitu kita buat keputusan tanpa persiapan seperti mana yang berlaku sebelum ini, yang mungkin akan menimbulkan banyak masalah. Sebab itu Kementerian Pelajaran dalam hal ini sebenarnya, kita membuat keputusan setelah kita meyakini kita ada persiapan. Bahasa Inggeris hanyalah merupakan satu cadangan tetapi Alhamdulillah hampir 85% yang bersetuju dan dasar PPSMI yang akan diumumkan pada hari ini pun diumumkan sekali, dengan apakah persiapan-persiapan, sebelum ia dilaksanakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, silakan Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad.

**7. Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah strategi-strategi jangka pendek dan panjang dan projek-projek yang telah dan akan dilaksanakan di kawasan Koridor Pembangunan Ekonomi Utara (NCER) yang boleh mengurangkan kadar pengangguran (*unemployment rate*) yang kian meningkat di sana.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan S. K. Devamany]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan mengenai Koridor Pembangunan. Tuan Yang di-Pertua, matlamat mengurangkan kadar kemiskinan dan pengangguran sememangnya menjadi fokus dalam strategi utama bagi membantu Wilayah Ekonomi Koridor Utara atau NCER mencapai wawasannya, untuk menjadi wilayah ekonomi bertaraf dunia menjelang tahun 2025.

Antara strategi jangka panjang dan pendek bagi menangani isu serta kadar pengangguran di NCER ialah melalui usaha tiga penjuror iaitu:

- (i) meningkatkan kemahiran modal insan;
- (ii) menggalakkan perkembangan industri keusahawanan; dan
- (iii) untuk menambah peluang pekerjaan dalam organisasi-organisasi sedia ada.

Bagi matlamat pertama tadi, iaitu meningkatkan kemahiran modal insan, sebanyak RM118.9 juta telah diperuntukkan bagi membiayai program-program berkaitan modal insan di NCER. Selain itu terdapat pelbagai projek peningkatan kemahiran berasaskan keperluan pasaran dan di peringkat asas sedang giat dijalankan dalam sektor-sektor pelancongan, pertanian dan pembuatan. Bagi membantu usaha mengurangkan kadar pengangguran, latihan-latihan untuk setiap bahagian rantai nilai industri dari penyelidikan hingga ke peringkat operasi, pengeluaran dan *front office* turut dilaksanakan. Ia daripada *downstream* ke *upstream*.

Sebagai contoh, bagi sektor pelancongan, latihan berkaitan pengurusan hospitaliti, penyediaan makanan, kulinari serta pemandu pelancong telah mula dilaksanakan. Bagi sektor pembuatan pula, bagi mengelakkan pemberhentian kerja dalam iklim ekonomi semasa, beberapa program latihan dalam pekerjaan sedang dijalankan.

Contohnya syarikat itu ataupun orang-orang yang diberhentikan diambil, di *absorb* daripada industri dan dilatih selama setahun dan dipulangkan balik kepada industri setelah pulihnya ekonomi. Dalam program-program seperti ini, syarikat-syarikat yang terlibat tidak akan memberhentikan pekerja mereka. Adalah diharapkan apabila ekonomi bertambah baik, para pekerja ini akan bersedia untuk meningkatkan produktiviti serta tahap pengeluaran yang lebih efisien.

Bagi strategi yang kedua tadi iaitu, perkembangan industri keusahawanan, sebanyak RM40 juta di bawah pakej rangsangan ekonomi, telah dikhaskan untuk melahirkan usahawan-usahawan berkemahiran yang diperlukan. Seterusnya membantu usaha mengurangkan kadar pengangguran di NCER. Sebagai contoh, bagi golongan muda yang mempunyai minat dalam bidang pembangunan, permainan teknologi, latihan yang memberikan pendedahan teknikal seperti *java 3D*, *PS glove* dan juga *JOGL programming framework* akan disediakan.

Selain itu, bagi program golongan ibu tunggal pula, satu projek pembangunan pusat penjagaan bersepadu sedang giat dilaksanakan di Kulim, Kedah. Dalam projek ini, golongan wanita dan ibu tunggal akan dibimbing menjadi tenaga kerja utama dalam bidang penjagaan kanak-kanak, *catering*, dobi serta salon kecantikan. Maka, wanita atau ibu tunggal itu akan dilatih secara *holistic*, itulah dia punya konsep. Bagi menambahkan peluang pekerjaan pula iaitu strategi ketiga tadi, dalam organisasi sedia ada. Pihak berkuasa Koridor Utara telah mengambil langkah-langkah khusus, bagi meningkatkan pelaburan baru atau perluasan aktiviti di kalangan sektor swasta di Koridor Utara.

Misalnya, melalui pelbagai program promosi serta penyediaan pakej insentif yang telah dijalankan dan disediakan oleh pihak koridor, telah dapat menarik kemasukan pelabur tempatan dan asing ke kawasan NCER sebanyak RM8.3 bilion. Ini telah dapat mewujudkan peluang pekerjaan di kawasan NCER. Contohnya projek pelancongan dan juga di Langkawi kita ada Projek MICE. Sebanyak RM4 bilion yang akan dipelopori oleh Sime Darby, di Pulau Banding, *ecotourism* oleh MK Land dan juga projek *agro* besar-besaran di Bukit Tangga untuk Jagung. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Ya, Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** [*Bangun*]

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta penjelasan bagaimanakah kedudukan halal *hub* di Padang Besar, Perlis. Sejauh manakah status NCER setakat ini? Kalau hendak dibandingkan dengan Wilayah Pembangunan Iskandar. Terima kasih.

**Tuan S. K. Devamany:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkembangan halal *hub* di utara Perlis itu masih dalam peringkat awal berbanding dengan tempat-tempat lain, kerana Koridor Utara itu dimulakan pada Julai 2007. *Framework legislative* nya telah dipersiapkan pada awal tahun 2008. Sekarang barulah penjaan projek itu, sedang giat berlaku pada tahun 2009.

Maka kita telah mengambil masa selama setahun, setahun setengah untuk memperkasakan masalah-masalah tanah, masalah pengambilan dan masalah mendapat kelulusan-kelulusan di peringkat PBT dan peringkat negeri. Sekarang projek itu sedang giat berjalan dan kalau sekiranya Yang Berhormat ingin secara terperinci boleh saya bekalkan secara bertulis. Terima kasih.

■ 1110

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed. Yang Berhormat juga dari wilayah utara?

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Ya saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Setelah dilancarkan NCER pada pertengahan 2007 berapa banyakkah projek yang telah dilancarkan dan berapa ramaikah kontraktor yang beralamat dan beroperasi di utara diberi peluang? Terima kasih.

**Tuan S. K. Devamany:** Terima kasih Yang Berhormat. Buat makluman Yang Berhormat, setakat ini sasaran pelaburan untuk Rancangan Malaysia Kesembilan untuk koridor adalah RM28 bilion dan daripada RM28 bilion itu sebanyak RM9.92 bilion iaitu 33% telah dijayakan, *secured* sehingga 31 Januari 2009. Bulan Jun belum diperkemarkan lagi dan akan mengambil masa dua tiga bulan untuk mendapatkan maklumat terkini. Daripada jumlah 40 projek yang telah dikenal pasti dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak 17 projek telah dilaksanakan iaitu 42.5% dan maklumat mengenai berapakah pengusaha-pengusaha daripada Pulau Pinang ataupun daripada tempatan itu yang telah mendapat projek ini, perkara saya tidak ada maklumat dalam tangan kerana ini memerlukan perincian terhadap semua projek yang dilaksanakan.

Akan tetapi percayalah Yang Berhormat sekiranya ada pihak-pihak di Pulau Pinang yang mempunyai keupayaan dan kewibawaan sudah pastinya mereka akan diberi peluang kerana ini merupakan projek-projek yang dijanakan oleh pihak swasta dan juga pembangunan koridor adalah untuk menjana penglibatan pihak swasta. Kerajaan menjadi pemudah cara. Maka dalam konteks ini kita kena beri ruang kepada *market flow*.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Utara.

**Tuan S. K. Devamany:** Ya utara. Yang Berhormat kata utara. Terima kasih kerana keterbukaan itu. Maka kita harapkan bahawa pengusaha-pengusaha swasta akan dapat mengambil peluang yang sedia ada kerana ini adalah satu ruang yang begitu besar sekali untuk sesiapa masuk dan sektor-sektor yang difokuskan untuk makluman Yang Berhormat supaya balik dan ceritakan pada peringkat swasta untuk NCER ialah:

- (i) *modern agriculture*, pertanian canggih, moden;
- (ii) *tourism*, pelancongan menjadi fokus;
- (iii) ENE, *electrical and electronic industry*;

- (iv) pembuatan dan reka bentuk, *manufacturing and design, logistic industry*;  
dan
- (v) *human capital industry* khususnya pendidikan.

Inilah lima fokus dan tolonglah cari pengusaha dan Sime Darby adalah penjananya. Ada pejabat di Pulau Pinang, ada pejabat di sini tolong jumpa dengan mereka. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ya, Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari koridor timur, Tuan Yang di-Pertua saya juga mengambil kesempatan sebelum membuat pertanyaan tambahan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang baru.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat tapi soalan tambahan itu perlu khusus kepada wilayah utara sahaja. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Wilayah utara merupakan satu daripada koridor-koridor yang telah diisytiharkan. Di dalam koridor-koridor ini termasuklah koridor utara ada wilayah pembangunan-wilayah pembangunan yang lain. Jadi dalam hal ini pertanyaan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua bagaimana projek-projek yang khusus dilaksanakan oleh koridor, koridor utara misalnya dapat kita asingkan, kenal pasti daripada projek-projek yang dilaksanakan oleh agensi-agensi lain.

Adakah misalnya sebagai contoh pendek, dahulu pernah kita tengok kalau di kawasan-kawasan tertentu satu *signboard* yang mengatakan satu lagi projek Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Adakah ini akan digunakan oleh pembangunan koridor utara dalam hal ini untuk menyatakan ini satu lagi Projek Ekonomi Koridor Utara. Jadi bagaimana caranya perkara yang seumpama ini dapat dibezakan ataupun dikenal pasti antara satu sama lain? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagaimana hendak membezakan?

**Tuan S. K. Devamany:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kita relalah melihat permintaan Yang Berhormat itu. Saya berasa soalnya begitu makro sekali. Tak payahlah Yang Berhormat risau kerana walaupun koridor merupakan satu entiti persekutuan di mana ia dijanakan untuk menggerakkan ekonomi lebih pesat kita tidak lupakan bahawa agensi-agensi kerajaan yang bertempat di peringkat daerah, peringkat negeri masih memainkan peranan. Contohnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang mempunyai agensi di peringkat negeri dan peringkat daerah yang merupakan sistem penyampaian yang induk. Selain daripada itu kita juga ada PBT yang memainkan peranan dalam penjaan projek.

Bagi makluman Yang Berhormat, Jemaah Menteri dalam mesyuarat 23 April 2008 dan 23 Julai 2008 telah memutuskan supaya laporan status kemajuan projek dipantau setiap tiga bulan oleh semua pihak yang terlibat dalam projek supaya tidak berlaku pertindihan, supaya tidak berlaku replikasi, supaya ada penyelarasan dari segi penggunaan tanah, fokus sektor-sektor dan juga penjana tenaga supaya tidak ada masalah antara satu agensi dengan satu agensi. Walaupun, papan tanda-papan tanda dipamerkan ianya adalah satu kegiatan pengiklanan sahaja tetapi dari segi induk pelaksanaan projek, kemantapan, penyelarasan dan keindukannya tidak terabai.

**Seorang Ahli:** Apa yang penting ada lambang BN.

**Tuan S. K. Devamany:** Apa yang penting itu ada lambang BN. Terima kasih... *[Ketawa]* Ini kerana suasana politik sudah berubah Tuan Yang di-Pertua. Maka saya rasa pihak-pihak yang terlibat Jemaah Menteri juga memutuskan diwujudkan hubungan yang lebih mantap antara PBK dengan kementerian agensi berkaitan dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan mesyuarat akan dibuat kerap kali untuk tujuan ini. Sekiranya Yang Berhormat ingin tahu mengenai koridor timur jumpalah secara peribadi. Kita boleh bincang.

**8. Puan Hajah Fatimah binti Hamat** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, setiap tahun selepas peperiksaan SPM diumumkan didapati ramai pelajar yang gagal melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi. Mereka kehilangan arah tuju dan bimbingan hingga menimbulkan banyak masalah kepada negara. Apakah kerajaan tidak bercadang untuk menambah lebih banyak pusat-pusat vokasional atau yang setaraf untuk meningkatkan tenaga mahir dalam negara sekali gus mengurangkan masalah belia semasa.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Tuan Wee Jeck Seng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada masa kini Kementerian Belia dan Sukan mempunyai 16 buah Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dengan kapasiti pelajar yang boleh diisi sehingga 11,000 orang peserta. Ke arah mempertingkatkan tenaga mahir negara dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian telah merancang untuk mewujudkan enam buah IKBN baru yang dijangka siap pada tahun 2010 dan dapat menampung tambahan seramai 3,000 orang pelajar bagi setiap sesi pengambilan.

Selain itu dalam memenuhi permintaan bagi latihan kemahiran, kementerian juga akan menambah kapasiti program pembiayaan tempat latihan di mana para pelajar menjalani latihan kemahiran di pusat-pusat latihan swasta yang dilantik. Pada masa ini seramai 6,128 orang pelajar sedang menjalani latihan di 70 buah pusat latihan swasta di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Fatimah binti Hamat.

**Puan Hajah Fatimah binti Hamat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Setelah ditingkatkan institut-institut pengajian tinggi khusus untuk belia-belia ini dan lain-lain pusat kursus dan latihan berapa peratuskah lagi belia-belia lepasan SPM secara puratanya setiap tahun yang masih lagi menganggur dan apakah kerajaan ataupun kementerian tidak bercadang untuk mengisi ruang-ruang belia ini dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah untuk mereka? Terima kasih.

■1120

**Tuan Wee Jeck Seng:** Terima kasih Yang Berhormat. Angka itu menunjukkan keseluruhan. Saya tidak dapat pada masa kini tetapi untuk maklumat Yang Berhormat, sebenarnya untuk latihan kemahiran ini bukan sahaja Kementerian Belia dan Sukan yang menyediakan keseluruhan, termasuk kementerian lain termasuk Kementerian Sumber Manusia juga mempunyai institut kemahiran.

Akan tetapi, bagi Kementerian Belia dan Sukan walaupun IKBN ini setahun mempunyai dua pengambilan dan tidak dapat menampung keseluruhan lepasan pelajar SPM, namun Kementerian Belia dan Sukan juga berusaha gigih di mana selain daripada pemilihan tempat latihan, *buyer place* yang saya katakan tadi itu untuk menambahkan bilangan.

Baru-baru ini, kementerian juga buat satu cadangan di mana mengadakan satu program perantis. Program perantis ini adalah bagi mereka yang tidak layak untuk mendapatkan tempat di IKBN di mana ditawarkan untuk menjalankan kemahiran di tempat kerja yang telah dikenal pasti. Kementerian akan memberi peluang atau membantu dari segi elaun di mana kursus tersebut dijalankan selama enam bulan. Majikan akan dapat RM200,000 elaun, manakala peserta dapat RM300 selama enam bulan dijalankan kemahiran tersebut.

Baru-baru ini telah dapat menawarkan lebih daripada 3,000 pelajar dan itu satu usaha untuk menambah lebih bilangan kepada pelajar yang mungkin mempunyai minat dan peluang. Itu telah disiapkan, yang lain kemungkinan saya beri secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**Puan Usha Nandhini a/l S. Jayaram:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua di atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Puan Usha Nandhini a/l S. Jayaram:** Pertanyaan tambahan saya. Yang Berhormat Timbalan Menteri, berdasarkan program-program yang dijalankan di IKBN, apakah mekanisme pemantauan pihak kementerian dana apakah wujud program-program susulan bagi golongan belia yang mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan di IKBN. Terima kasih.

**Tuan Wee Jeck Seng:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang sesuatu institut telah diadakan mesti ada mekanisme atau kaedah untuk pemantauan untuk memastikan kualiti dan memastikan pelajar mendapat pengkhususan yang lebih sesuai atau pun tepat.

Jadi, Yang Berhormat maksud tindakan susulan, ialah sebenarnya IKBN bukan sahaja memainkan peranan untuk mengajar pelajar secara formal tetapi dalam masa-masa tertentu seperti hujung-hujung minggu, IKBN juga menawarkan kepada belia-belia di persekitarannya, kepada mereka yang berminat, mereka boleh membuat pendaftaran untuk mengadakan kursus-kursus jangka masa pendek seperti ICT dan juga bahasa Inggeris. Kesemua kursus-kursus yang ditawarkan itu tidak memerlukan apa-apa bayaran, akan ditanggung oleh kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Daljit Singh Dalliwal:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**9. Dato' Daljit Singh Dalliwal** minta Menteri Kewangan menyatakan Garis Panduan Kad Kredit dikuatkuasakan di bawah seksyen 104 BAFIA 1989 tidak dilaksanakan dengan tegas oleh pihak Bank Negara Malaysia dengan pihak bank menuntut semua transaksi '*fraud*' daripada pemegang kad kredit walaupun terdapat bukti-bukti jelas bahawa transaksi adalah oleh pihak lain. Bank-bank mendapati mengambil alih mudah untuk menuntut daripada pelanggan dan tidak berminat untuk mengamalkan langkah-langkah keselamatan yang dapat membanteras kegiatan melanggar undang-undang oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya masuk jawapan saya, izinkan saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan sebagai Presiden Senat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia sentiasa memantau agar syarikat kad kredit mematuhi garis panduan yang telah pun dikeluarkan. Sekiranya terdapat ketidakpatuhan terhadap mana-mana garis panduan, Bank Negara Malaysia mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan sewajarnya ke atas syarikat kad kredit terbabit di bawah kuasa yang termaktub di dalam Akta Sistem Pembayaran 2003 atau pun dengan izin, *Payment System Act*.

Bagaimanapun, tindakan hanya akan diambil selepas siasatan yang menyeluruh dilakukan ke atas ketidakpatuhan tersebut dan jenis tindakan yang diambil adalah bergantung kepada tahap ketidakpatuhan. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan daripada garis panduan Bank Negara Malaysia, setiap aduan yang diterima daripada pemegang kad kredit mengenai transaksi yang tidak sah ataupun *unauthorized transaction* dengan izin, syarikat kad kredit dikehendaki melakukan siasatan terperinci bagi memastikan bahawa laporan adalah sahih dan pemegang kad kredit tidak melakukan penipuan serta membuat laporan dalam lingkungan masa yang munasabah dan praktikal.

Syarikat kad kredit juga perlu mengambil kira perihal dan keadaan setiap kes yang dikemukakan pemegang kad kredit. Sekiranya pemegang kad kredit tidak puas hati dengan keputusan siasatan syarikat kad kredit, maka pemegang kad kredit bolehlah merujuk pertikaian transaksi yang tidak sah tersebut kepada Biro Pengantaraan Kewangan ataupun (BPK).

BPK telah pun ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2005 sebagai sebuah badan bebas bagi membantu menyelesaikan pertikaian di antara pengguna dengan penyedia perkhidmatan kewangan termasuk pengeluar kad kredit.

BPK telah diterajui oleh individu-individu yang mempunyai pengalaman termasuk bekas-bekas hakim untuk mengendalikan pertikaian yang dikemukakan oleh pihak pengguna. Jika pihak pengguna, pemegang kad kredit masih tidak berpuas hati dengan keputusan pihak BPK, maka mereka mempunyai pilihan untuk mengambil tindakan undang-undang bagi menyelesaikan pertikaian mereka. Bagaimanapun, syarikat kad kredit dikehendaki mematuhi keputusan BPK. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Datuk Haji Rizuan. Dato' Daljit ada soalan? Ya, selepas Datuk Rizuan, Dato' Daljit. Datuk Rizuan dahulu.

**Dato' Daljit Singh Dalliwal:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, Datuk Rizuan. Selepas itu Dato' Daljit.

**Dato' Daljit Singh Dalliwal:** Okey.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya mengenai pengeluaran kad kredit kepada pelajar sama ada pelajar sekolah atau universiti. Ibu bapa yang berada membenarkan pemberian kad kredit suplemen kepada anak mereka ataupun pelajar itu sendiri dapat meyakinkan pihak bank sehingga mereka diberi kad kredit utama.

Persoalannya, apakah garis panduan dan syarat-syarat kelulusan kad kredit utama atau suplemen kepada pelajar-pelajar? Keduanya, sehingga kini berapakah kes pelajar-pelajar pemegang kad kredit yang menghadapi tindakan mahkamah ataupun di isytihar *bankruptcy*? Terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Rizuan. Bank Negara Malaysia memang tidak mengawal ataupun tidak campur tangan bila institusi perbankan ini mengeluarkan kad kredit asalkan mereka ataupun semua institusi kewangan ini mematuhi cara-cara dan juga syarat-syarat yang dikenakan kepada mereka sebelum seseorang diberikan kad kredit.

Pada pendapat saya, kebanyakan pelajar-pelajar yang mempunyai kad kredit adalah merupakan kad kredit *supplementary*, dengan izin. Beberapa kes pelajar yang terlibat yang didakwa ke mahkamah, saya tidak mempunyai maklumat yang terperinci. Mungkin, jika Yang Berhormat berminat saya boleh memberi secara bertulis. Dan ari segi syarat-syarat pemberian kad kredit ini, semua institusi perbankan ataupun kewangan yang berhak untuk mengeluarkan kad kredit kepada pemohon-pemohon harus mengikut garis panduan yang telah pun disediakan iaitu seperti berikut:

- (i) mengenai gaji bulanan seseorang pemohon;
- (ii) *credit standing* dengan izin pemohon; dan
- (iii) sama ada pemohon ini mempunyai rekod yang baik di mana beliau berhak untuk mendapat kad kredit.

Syarat-syarat lain juga ditetapkan tetapi yang khususnya ialah dia punya *income*, dia punya gaji bulanan. Dia kena capai setakat satu jumlah, kalau tidak memang tidak diberikan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Daljit Singh Dalliwal:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■1130

Soalan tambahan saya ialah mengapakah pihak bank tidak mahu menyekat transaksi itu apabila mereka sedar bahawa transaksi yang tidak sah sedang berlaku. Mengapa pihak berkuasa tidak mengarahkan bank berkenaan supaya menanggung kos sedangkan transaksi itu tidak dibuat oleh pemegang asal dan bank menyedari hakikat ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Daljit. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bila ada sesuatu pertikaian di antara pemegang kad kredit dan juga institusi kewangan yang mengeluarkan kad kredit itu, kita harus meneliti macam mana pertikaian telah pun berlaku. Bukan semua kes kita salahkan institusi kewangan yang mengeluarkan kad kredit, oleh sebab itulah kita mempunyai satu sistem di mana satu siasatan terperinci harus dilakukan terlebih dahulu.

Kadang-kadang didapati juga peratusan besar juga oleh kerana kecuaiannya pemegang kad kredit sendiri yang menyebabkan kadnya telah pun dihilangkan ataupun dicuri dan jatuh dalam tangan orang yang tidak bertanggungjawab. Maka berlakulah kes-kes transaksi yang tidak dianggap sah. Oleh yang demikian, Bank Negara berpendapat bahawa kita mempunyai satu garis panduan dan kita juga mempunyai satu sistem di mana siasatan diadakan. Jika terdapat pertikaian lagi, kita pula merujuk kepada PBK yang saya katakan tadi yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia.

Ini adalah cara yang lebih baik sekali sebab kalau kita lihat dari rekod, pada tahun 2008 walaupun kita mempunyai begitu banyak kad kredit di pasaran sekarang ini. Setakat ini lebih kurang 11 juta kad telah pun dikeluarkan kepada pemegang kad kredit. Pada tahun 2008, hanya 541 kes sahaja yang diterima dan di dalam 541 kes ini bukan salah institusi kewangan yang mengeluarkan kad. Peratusan besar seperti yang saya katakan tadi adalah kerana kecuaiannya dan sebab-sebab atas alasan pemegang kad kredit sendiri. Sekian.

**10. Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan secara terperinci, apakah yang dimaksudkan dengan APEX Universiti dan adakah anugerah ini diberikan kepada satu universiti sahaja.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Dr. Hou Kok Chung]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya ingin menjelaskan bahawa program pemajuan untuk kecemerlangan atau dalam bahasa Inggerisnya *Accelerated Programme for Excellence* dengan izin, dan singkatannya APEX, adalah satu daripada tiga inisiatif utama Kementerian Pengajian Tinggi dalam mentransformasikan pengajian tinggi negara. Proses penilaian sesebuah institusi untuk mengikuti program APEX dijalankan secara objektif, progresif dan bersandarkan kemampuan masa depan sesebuah institusi tersebut.

Tiga kriteria asas yang digunakan dalam pemilihan bagi program APEX ialah:

- (i) mempunyai pelan transformasi dan strategi yang jelas serta mantap yang melibatkan hampir keseluruhan warga universiti dan diterajui oleh naib canselornya, serta terdapat juga tanda-tanda berlakunya perubahan paradigma dan budaya cemerlang di institusi tersebut;
- (ii) mempunyai strategi pengurusan perubahan yang kukuh dan berterusan malah telah memulakan visi dan transformasinya sejak tahun 2001 lagi;
- (iii) kesediaan untuk berubah, inovatif dan mempunyai objektif yang seiring dengan pembangunan lestari dunia.

Buat masa ini hanya satu universiti sahaja yang telah dipilih bagi program APEX iaitu Universiti Sains Malaysia. Kementerian Pengajian Tinggi belum bercadang untuk membuka program ini kepada IPT yang lain. Sekian.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam jawapan Yang Berhormat tadi, USM adalah sebuah universiti yang telah mendapat pengiktirafan APEX. Akan tetapi agak memalukan jugalah apabila baru-baru ini USM telah membuat satu kesilapan yang amat besar.

Apakah kriteria yang diguna pakai selain apa yang telah ditetapkan, yang diberi oleh kementerian tadi menentukan anugerah ini kepada universiti yang kebanyakannya penuntut datangnya daripada luar negara juga layak diberi pertimbangan. Mengapakah UIA tidak disenaraikan sebagai universiti APEX. Adakah oleh kerana pelajar-pelajarnya datang daripada seluruh pelosok dunia dan juga mungkin kerana nama Islam ada di universiti itu. Terima kasih.

**Dr. Hou Kok Chung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apa yang telah berlaku di USM adalah malang sekali. Sebenarnya sebelum kita pilih USM sebagai APEX Universiti, kita telah menubuhkan jawatankuasa. Seperti yang saya sebut tadi, dalam tiga kriteria ini semua diambil kira dan USM telah dipilih sebagai APEX Universiti. Kita telah melalui satu proses yang *quite transparency*. Sekian, terima kasih.

**Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ada kaitan yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi. Dalam perkara yang berlaku baru-baru ini iaitu dalam masalah sistem komputer dalam pengambilan pelajar baru, apakah jaminan agar masalah ini tidak berulang. Terima kasih.

**Dr. Hou Kok Chung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi telah menyerahkan kepada pengurusan USM untuk mengambil tindakan yang sesuai terhadap pegawai atau pegawai-pegawai tersebut. Ini adalah sesuai dengan status autonomi yang diberikan kepada USM. Pada masa ini USM sedang menumpukan kepada kelancaran kemasukan pelajar-pelajar baru dan saya yakin pengurusan USM akan menyusul tindakan. Sekian.

**Tuan Pau Chiong Ung:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, adakah kejadian masalah teknikal kemasukan pelajar-pelajar di USM baru-baru ini akan menjejaskan pelaksanaan program APEX di USM khususnya berhubung pemberian autonomi pengambilan pelajar.

**Dr. Hou Kok Chung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang saya kata tadi, apa yang telah berlaku di USM adalah malang sekali. Namun Kementerian Pengajian Tinggi masih menganggap program APEX ini adalah baik untuk diteruskan. Kementerian tiada cadangan untuk menarik balik autonomi pengambilan pelajar di USM kerana masalah sebenar sudah pun dikenal pasti dan tindakan-tindakan untuk menambah baik sistem tersebut sedang diambil. Ini termasuk menjadikan sistem di UPU sebagai penanda aras ataupun *benchmark* dengan izin. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Kamarudin bin Ambok.

**Dato' Kamarudin bin Ambok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**11. Dato' Kamarudin bin Ambok** minta Perdana Menteri menyatakan, bagaimanakah kerajaan memperkukuhkan kedudukan dan penyertaan kaum bumiputera dalam sektor ekonomi bagi menjayakan objektif kerajaan yang lebih telus dan terbuka dalam keadaan politik dan ekonomi semasa kini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan S. K. Devamany]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana mengemukakan soalan ini yang merupakan satu soalan yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk membenarkan saya menjawab soalan ini sedikit panjang kerana menjernihkan ketaksaan dan kemusykilan mengenai hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, komitmen berterusan kerajaan untuk memperkukuhkan kedudukan dan penyertaan kaum bumiputera dalam sektor ekonomi tanpa mengira keadaan ekonomi dan politik telah jelas dibuktikan melalui anjakan kepada pelaksanaan model baru ekonomi seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru kita. Melalui model baru ini, usaha akan diperkemas untuk membangunkan usahawan bumiputera dengan cara mempertingkatkan penyertaan mereka yang lebih *significant* dalam kegiatan ekonomi negara agar mereka menikmati hasil kekayaan dan kemakmuran negara serta tidak ketinggalan berbanding dengan kaum lain.

■ 1140

Tuan Yang di-Pertua, bagi mencapai matlamat tersebut usaha telah dilakukan secara menyeluruh dengan cara menggalakkan penyertaan pihak swasta untuk sama-sama terlibat dalam membantu usaha bumiputera melalui pendekatan inisiatif pembangunan *cluster*.

Melalui pendekatan ini usaha difokuskan kepada meningkatkan penyertaan usahawan bumiputera yang lebih signifikan dalam sektor ekonomi yang dikenal pasti strategik yang mana sektor swasta berperanan sebagai peneraju utama manakala kerajaan bertindak sebagai pemula cara bagi memastikan pendekatan ini dapat dilaksanakan secara berkesan. Melalui konsep *cluster* ini, pelbagai program khusus sedang dijalankan bagi meningkatkan penyertaan bumiputera yang signifikan dalam keseluruhan rangkaian nilai ekonomi sektor berkenaan. Sehingga kini sebanyak 13 *cluster* telah diwujudkan dalam bidang-bidang strategik seperti pembinaan, *agro-business*, ICT dan telekomunikasi, industri automotif, logistik dan pengangkutan dan lain-lain lagi.

Kerajaan yakin langkah ini akan memberi kesan jangka panjang yang positif kepada usaha untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam bidang pertumbuhan strategik. Selain itu fokusnya adalah pembinaan kapasiti melalui program-program pembangunan usahawan bumiputera yang disediakan oleh agensi-agensi sebagai contohnya, MARA, Inskan, latihan kemahiran, institut latihan kemahiran dan lain-lain. Usahawan bumiputera akan terus diberikan pendedahan terhadap ilmu serta kemahiran untuk membantu mereka supaya lebih bersedia untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan dengan mengguna pakai dengan izin, *best practice* supaya risiko kegagalan dapat dikurangkan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, aspek pembiayaan turut diberi perhatian khusus. Langkah kerajaan memberi tambahan peruntukan kepada TEKUN sebanyak RM100 juta adalah antara tindakan yang telah dilakukan untuk memastikan usahawan yang menjalankan perniagaan mikro tidak menghadapi masalah dalam mendapatkan pembiayaan seterusnya menggalakkan pembangunan industri kecil dan sederhana di negara kita.

Langkah ketiga adalah Tuan Yang di-Pertua melalui cara usaha sama tulen. Seajar dengan konsep *1Malaysia* yang dilaung-laungkan dan diperkenalkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, usaha untuk menggalakkan kerjasama antara usahawan bumiputera dan bukan bumiputera juga akan terus ditingkatkan melalui konsep usaha sama tulen, dengan izin, *genuine joint ventures*. Melalui konsep ini usahawan bumiputera dan bukan bumiputera akan saling berkongsi ilmu serta langkah pengurusan perniagaan terbaik dalam sektor ekonomi terpilih yang mampu menjana pendapatan negara. Konsep ini akan terus diperkukuhkan bagi memastikan kekayaan negara dirasai oleh semua kaum. Pada masa yang sama mengukuhkan pembangunan masyarakat, perdagangan dan perindustrian bumiputera.

Pelancaran Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) seperti yang diumumkan baru-baru ini juga jelas memperlihatkan komitmen kerajaan untuk membangunkan usahawan bumiputera. Melalui Ekuinas bantuan akan diberikan kepada syarikat-syarikat bumiputera yang dikategorikan berupaya disenaraikan dan akan membantu meningkatkan ekuiti bumiputera dalam jangka masa panjang. Seiring dengan penubuhan Ekuinas juga syarat ekuiti 30% bumiputera ke atas syarikat-syarikat yang ingin senaraikan saham di bursa saham telah dimansuhkan. Peranan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) juga telah dikaji semula bagi menyokong langkah kerajaan untuk mewujudkan perniagaan bumiputera yang benar-benar kukuh dan mempunyai daya saing serta daya tahan untuk meneruskan kelangsungan operasi perniagaan mereka.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa di sebalik usaha berterusan kerajaan akan memperkenalkan pelbagai langkah yang boleh memberi manfaat kepada usahawan bumiputera aspek pemantauan dan penyelarasan terhadap usaha-usaha ini juga akan terus dijalankan dari masa ke semasa bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program tersebut dapat terjamin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok dan saya juga beri peluang kepada Yang Berhormat Datuk Dr Profesor Ismail b. Md Saleh selepas ini.

**Dato' Kamarudin bin Ambok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, bagaimanakah kerajaan dapat memulihkan dan membantu IKS bumiputera untuk meneroka pasaran baru luar negara agar krisis ekonomi yang sedang dilalui kini dapat diatasi?

**Tuan S. K. Devamany:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa industri kecil dan sederhana merupakan penjana ekonomi yang begitu penting sekali, *small and medium industries*. Maka pemulihannya merupakan satu hala tuju yang utama dalam menjana semula ekonomi negara.

Pasaran baru di peringkat antarabangsa pada masa kini perlu kita tahu bahawa krisis ekonomi telah melembapkan keadaan kerana kita banyak bergantung kepada sektor pembuatan dan apabila ekonomi US, UK dan juga Australia, New Zealand, Eropah telah menerima pukulan tsunami ekonomi maka terpaksa eksport kita dikurangkan begitu mendadak sekali.

Kita nampak baru-baru ini ada pemulihan. Saya dengar baru-baru ini permintaan pembuatan kita semakin meningkat di peringkat luar negara. Untuk makluman Yang Berhormat, kita terpaksa melalui masa ini. Mungkin ini telah mengajar banyak peniaga-peniaga IKS supaya mempunyai daya tahan yang lebih hebat. Orang yang benar-benar *genuine*, tulen tetap akan mengharungi masalah ini. Kerajaan akan membantu IKS-IKS seperti ini dengan bantuan dana contohnya Bank Negara. Melalui Bank Negara sebanyak RM2 bilion telah diberi melalui institusi-institusi bank untuk disalurkan dengan jaminan 80% daripada Bank Negara dan 20% daripada bank untuk membantu syarikat-syarikat yang menghadapi masalah dana. Ini adalah bantuan yang diberi.

Selain daripada itu pekerja-pekerja yang telah diberhentikan, terpaksa diberhentikan diserap oleh Kementerian Sumber Manusia dan diberi latihan semula, *retrenchment training* untuk diserapkan semula kepada industri-industri kemudiannya. Kerajaan akur dan memahami penderitaan dan juga kesusahan IKS ini. Di peringkat antarabangsa pula, kita terpaksa mengubahkan seperti mana yang saya katakan semalam iaitu anjakan paradigma. Jangan bergantung kepada industri-industri tradisional. Kita kena mencari *niche-market*, Kita kena cari pasaran inovatif dan kreatif kerana kita tidak mampu bersaing dengan India dan negeri China dengan pasaran kerja yang begitu besar sekali, begitu murah dengan pengeluaran barangan-barangan yang boleh bersaing di peringkat antarabangsa. Kita kena cari barangan-barangan ataupun produk-produk yang inovatif dan kreatif yang dapat bersaing dan menembusi pasaran antarabangsa.

Kita kena tukar hala tuju IKS kita ke arah menyusun semula dan menempatkan diri mereka untuk masa depan yang lebih mencabar. Saya rasa krisis ini satu rahmat untuk menukar paradigma kita. Itu sahaja. Terima kasih.

**Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pelantikan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Datuk.

**Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh:** Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan yang pertama tadi ada dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kerajaan sedang membina satu modul baru ekonomi Malaysia.

Apakah sebenarnya ciri-ciri modul ekonomi ini dan sejauh manakan ciri-ciri ini menepati dengan kehendak untuk membina ekonomi bumiputera?

Seterusnya juga dinyatakan dalam jawapan tadi ialah adanya apa yang dipanggil sebagai pembangunan *cluster* untuk membantu industri-industri bumiputera. Sungguhpun 13 *cluster* telah diwujudkan namun daripada segi kejayaannya, apakah bukti-bukti yang menunjukkan ianya telah berjaya? Terima kasih.

**Tuan S. K. Devamany:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Cara-cara kerajaan akan mereka bentuk semula model baru ekonomi ini akan berfokus kepada menjanakan sektor swasta sebagai penjana ekonomi utama.

■1150

Maka dengan ini kerajaan akan menyediakan banyak insentif dari segi *regulatory* dan kewangan untuk membantu supaya sektor swasta menjadi tonggak utama dalam menggerakkan ekonomi negara. Yang kedua, dari segi insentif dan memberi hala tuju kepada sektor-sektor ini untuk memberi fokus kepada sektor-sektor yang kreatif dan inovatif kerana kalau tidak kita akan ketinggalan.

Maka mungkin kerajaan juga akan memberi banyak insentif dari segi R&D, Penyelidikan dan Pembangunan kepada pelbagai industri untuk mencari kaedah-kaedah baru untuk bersaing di persada dunia. Seterusnya, menyediakan tenaga kerja yang berupaya bersaing di peringkat dunia. Bukan sekadar untuk kerja biasa tetapi kerja-kerja yang *high end*, dengan izin. Seterusnya, untuk mengantarabangsakan dunia korporat kita, peniaga-peniaga kita, usahawan kita melihat pasaran baru di peringkat luar kerana negara kita mempunyai 25 juta orang penduduk sahaja.

Maka 25 juta orang penduduk ini tidak boleh bersaing dengan gergasi-gergasi yang mempunyai satu bilion penduduk, 300 juta penduduk dari segi pasaran. Maka kita perlu menembusi di peringkat antarabangsa untuk menggerakkan ekonomi kita. Inilah hala tuju-hala tuju modal baru. Ada banyak lagi perkara-perkara yang tersurat dan tersirat yang mungkin akan mengambil masa yang panjang untuk saya bincangkan.

Namun dari segi *cluster* pula yang ditanyakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, *cluster-cluster* ini sudah ada hala tujunya. Itu sebabnya kalau kita nampak MECD ini iaitu Kementerian Usahawan dan Pembangunan Koperasi telah dileraikan dan diagih-agihkan setiap satu jabatan itu kepada pelbagai kementerian. Contohnya MITI telah mengambil INSKEN dan Keusahawanan. Contohnya Kementerian Usahawan dan Pembangunan Koperasi telah mengambil *franchise vendor*. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan telah diletakkan di bawah JPN. MARA telah dimasukkan ke dalam KKLW. Juga SEDC telah dimasukkan ke bawah Kementerian Kewangan. Seterusnya Bank Rakyat dan juga Bank Pembangunan telah dimasukkan ke dalam Kementerian Kewangan. TEKUN pula di bawah Kementerian Pertanian.

Maka kita berikan pengkhususan. Setiap ini yang begitu induk kepada *cluster* itu. Kemudiannya difokuskan dengan lebih mendalam supaya pembangunannya lebih ketara. Namun fokus itu memang sudah okey. Saya rasa memang baik.

**Datuk Akbar bin Ali:** Boleh saya bangun mencelah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini masa soalan tambahan. Saya tidak membenarkan soalan ini dicelah. Kalau Yang Berhormat ada perkara-perkara lain yang hendak dibangkitkan...

**Datuk Akbar bin Ali:** Saya ada soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jikalau soalan tidak mengapa. Soalan tambahan mungkin saya boleh benarkan satu lagi.

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih di atas kemurahan Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi saya rasa macam ini lah. Bolehkah kita jawab dalam bentuk yang lebih meyakinkan selaras dengan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita tidak bercakap mengenai input tetapi kita bercakap mengenai output dan impak.

Jadi kita jangan jawab dalam bahasa bersastera tetapi kita bercakap dalam bentuk data. Apakah output dan impak dari segala program input yang telah Yang Berhormat huraikan tadi? *I am more interested on the output and the impact in statistic.*

**Tuan S. K. Devamany:** Cukup, cukup.

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih.

**Tuan S. K. Devamany:** Saya mengucapkan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya terasa nada-nada kesinisan dalam soalan tambahan Yang Berhormat. Perkataan-perkataan yang digunakan tadi bukan bernada sastera tetapi perkataan-perkataan yang sering digunakan dalam ekonomi. Konsep output ini tertera dalam KPI yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada semua Menteri dan sedang diperturunkan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri dan bakal akan diturunkan kepada semua kakitangan kerajaan yang akan merealisasikan visi ini.

Oleh sebab konsep ini baru diberikan maka output itu masih belum jelas lagi, apakah yang akan terjadi contohnya daripada segi dadah. Oleh sebab baru sahaja dua, tiga bulan perkara ini diperkenalkan berilah peluang untuk kita. Saya tahu Yang Berhormat *statistician* dan statistik ini atau pun perangkaan ini mungkin menjadi satu perkara yang begitu penting untuk Yang Berhormat. Namun berilah masa kerana *output* hanya akan setelah pelaksanaan. Ini adalah sesuatu yang baru dikeluarkan. FIC baru sahaja dilonggarkan, 27 subsektor baru sahaja dilonggarkan. Baru sebulan. Maka kita perlukan masa. Jadi bersabarlah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk jawapan-jawapan soalan lisan telah cukup.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3) dengan ini saya ingin menjemput Yang Berhormat Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin mempengerusikan Majlis Mesyuarat Dewan Negara pada hari ini.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

[Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin ***mempengerusikan Mesyuarat***]

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG IDENTIFIKASI ASID DEOKSIRIBONUKLEIK (DNA) 2008**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah 'bahawa Rang Undang-undang ini dipertimbangkan dalam Jawatankuasa sebuah buah Majlis". ***[7 Julai 2009]***

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

#### **Fasal-fasal 1 hingga 27-**

**Tuan Pengerusi:** Silakan.

**11.58 pg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Yusop]:** Tuan Pengerusi, saya ingin meneruskan perbahasan peringkat Jawatankuasa sehubungan dengan isu yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri. Isu selanjutnya yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ir. Haji Zamri berkaitan dengan fasal 23 ini, di mana beliau telah melahirkan kebimbangan dalam kerjasama dengan penguatkuasaan asing. Kemungkinan maklumat yang diberikan boleh menjejaskan keselamatan negara.

Tuan Pengerusi, seperti mana yang telah saya jelaskan semasa perbahasan di peringkat dasar tempoh hari, bahawa profil DNA mengandungi maklumat dalam bentuk 15 angka dan maklumat jantina. Dalam kerjasama dengan agensi penguatkuasaan asing, maklumat profil DNA ini bersama identiti pemilik profil DNA berkaitan sahaja jika terdapat pepadanan atau *matching* dibekalkan kepada pihak yang memohon.

Oleh itu memandangkan maklumat yang dibekalkan ini adalah merupakan maklumat identifikasi individu sahaja, ia nya tidak menjejaskan keselamatan negara. Seterusnya, beliau juga menyentuh berkaitan dengan fasal 18 iaitu mengenai isu penghapusan profil DNA yang mana beliau ingin bertanya mengapa perlu menunggu tempoh enam bulan untuk menghapuskan profil tersebut.

Peruntukan fasal 16 merupakan penghapusan profil dan maklumat DNA. Ketua Bank Data DNA hendaklah menghapuskan dalam tempoh enam bulan selepas diberitahu oleh Ketua Polis Daerah fakta *three* yang tersebut dalam perenggan (a), (b), (c), (d) dan (e) dalam fasal berkaitan ini.

■1200

Peruntukan ini jelas memperuntukkan bahawa penghapusan profil dan maklumat DNA daripada indeks orang disyaki boleh dibuat pada bila-bila masa dalam tempoh enam bulan. Oleh itu penghapusan boleh dibuat kurang daripada tempoh enam bulan tersebut tetapi tempoh maksimum yang diperuntukkan dalam rang undang-undang ini adalah enam bulan. Malahan ada terdapat di negara-negara lain melepaskan profil dan membuat DNA ada dalam tempoh setahun.

Bagaimanapun Tuan Pengerusi, bahawa dalam fasal 26(2)(a) di mana ada diberikan kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan yang lebih terperinci berkaitan dengan penghapusan DNA ini. Jadi dalam proses peraturan-peraturan ini dibuat bahawa kalau ada cadangan-cadangan daripada Yang Berhormat Senator bolehlah dikemukakan untuk kita mengambil perhatian semasa peraturan-peraturan ini dibuat di bawah fasal 26 ini nanti.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin menyentuh berkaitan dengan fasal-fasal yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz. Perkara-perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz adalah berkaitan dengan fasal 9, yang mana beliau membangkitkan kenapa fasal 9 yang berkaitan kuasa Ketua Bank Data untuk membetulkan butir-butir dalam profil dan maklumat DNA dimasukkan dalam rang undang-undang ini. Di mana ianya tidak terdapat peruntukan yang serupa di dalam undang-undang yang lain.

Tuan Pengerusi, fasal ini dimasukkan adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada Bank Data DNA untuk membetulkan butir-butir profil dan maklumat jika berlaku kesilapan berkaitan dengan *typo error* dan sebelum pembedulan dibuat bahawa Ketua Bank Data DNA ini haruslah berpuas hati berkaitan dengan keterangan yang secukupnya bagi Ketua Data Bank ini untuk melaksanakan kemasukan pembedulan *typo error* itu supaya dapat dibetulkan.

Peruntukkan ini adalah untuk memberi jaminan bahawa pindaan tidak boleh sewenang-wenangnya dipinda. Hanya tertakluk kepada dua perkara seperti yang saya nyatakan tadi. Pertamanya ia adalah berkaitan dengan *typo error* dan kedua selepas Ketua Bank Data DNA berpuas hati bahawa ada kesilapan *typo error* itu dibuat. Dalam rang undang-undang ini juga memperuntukkan kesalahan jika terdapat perbuatan mengganggu, bersubahat atau cuba mengganggu sampel atau profil atau maklumat di bawah...

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Saya pohon mencelah.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Saya habiskan dahulu. Fasal 19 dan 22. Ini menunjukkan bahawa rang undang-undang ini membentangkan kewajipan bagi pihak Ketua Bank Data DNA ini menjaga kerahsiaan dan juga kesahihan maklumat-maklumat yang diperolehi oleh beliau.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin dapat penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekiranya pembetulan ini hanya boleh dibuat sekiranya terdapat *typo error*, adakah bermaksud bila dibuat ujian DNA ini laporan yang dikemukakan bukan laporan automatik *print out from the computer* adakah ia bermaksud bila laporan ini dikeluarkan ianya disalin semula sehingga mengakibatkan *typo error* itu berlaku? Bagaimana dengan cadangan saya untuk pembetulan yang seperti ini mesti diwujudkan satu jawatankuasa bagi membantu Ketua Bank Data agar tidak timbul sebarang keraguan ke atas pembentang tersebut. Terima kasih.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Tuan Pengerusi, berkaitan dengan *typo error* ini, *anything can happen, which is beyond our control*. So untuk melindungi supaya pindaan-pindaan dibuat maka kita memberikan peruntukan untuk membolehkan pindaan-pindaan dibuat ada dengan syarat-syarat yang ketat yang perlu dipatuhi dahulu sebelum pindaan dibuat. Daripada segi jaminan berkaitan dengan pembetulan ini, oleh kerana kalau daripada segi rekod yang disimpan adalah dengan menggunakan *software* yang direka khusus yang membolehkan jika ada pindaan dibuat, ia akan direkodkan di dalam *software* berkenaan. Di samping ada pengauditan oleh badan akreditasi di Malaysia ini iaitu Jabatan Standard Malaysia.

Jadi oleh kerana itu keselamatan membuat pembetulan adalah terjamin dan dengan demikian kementerian berpendapat tidak ada keperluan untuk menubuhkan satu jawatankuasa.

Tuan Pengerusi, seterusnya Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz juga memohon penjelasan bahawa struktur ayat di bawah fasal 17(1) rang undang-undang berkaitan dengan kuasa Ketua Bank Data DNA menyimpan dan melepaskan sampel intim dan sampel bukan intim, tidak betul. Apa yang dipertikaikan daripada segi *drafting* peruntukan ini yang mana pada pandangan Yang Berhormat seharusnya dibuat di dalam dua peruntukan. Apa yang saya ingin jelaskan di sini bahawa peruntukan-peruntukan dalam undang-undang ini adalah dibuat oleh pakar-pakar perundangan daripada Jabatan Peguam Negara yang mempunyai kemahiran khusus yang bertugas di Bahagian Penggubalan.

Jadi apa yang dipaparkan peruntukan ini seperti yang terpapar dalam rang undang-undang ini adalah berdasarkan prinsip penggubalan yang diguna pakai.

Kalau kita lihat daripada segi peruntukan di dalam fasal ini iaitu yang mana berbunyi "Ketua Bank Data DNA hendaklah menyimpan dengan selamat dan terjamin semua sampel intim dan sampel bukan intim yang diambil bagi maksud analisa forensik DNA. Bahagian sampel yang difikirkan wajar oleh Ketua Bank Data DNA dan tanpa kelengahan memusnahkan mana-mana bahagian yang tinggal".

Di sini ada dua *limp*, *limp* yang pertama yang mana Ketua Bank Data DNA hendaklah menyimpan dengan selamat dan terjamin semua sampel intim dan bukan intim yang diambil bagi maksud analisa forensik DNA, bahagian sampel yang difikirkan wajar oleh Ketua Bank Data DNA.

*The second limp, which should be interpreted conjunctively* dengan izin, iaitu tanpa kelengahan memusnahkan mana-mana bahagian yang tinggal, *that refers to the first limp* iaitu berkaitan dengan data sampel intim dan bukan intim yang disimpan di dalam Bank Data DNA itu yang mana difikirkan itu tidak sesuai maka tanpa melengah memusnahkan bahagian-bahagian yang tinggal. Saya rasa, dari segi ini jelaslah. Saya rasa mana-mana peguam ataupun *layman* mungkin boleh memahami dan menginterpretasikan peruntukan, seperti yang termaktub di dalam fasal 17 ini.

■1210

Tuan Pengerusi, seterusnya berkaitan dengan fasal 22. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz juga mempersoalkan mengapa hukuman bagi kesalahan bersubahat atau cuba melakukan kesalahan, melebihi setengah daripada tempoh maksimum, bagi kesalahan mengganggu profil atau maklumat DNA. Ini dalam proses untuk memperuntukkan hukuman. Ada prinsip-prinsip yang digunakan.

Dalam konteks ini, kalau kita lihat seksyen 15(1) Kanun Keseksaan, menyatakan kalau ada *offences* yang berbentuk *attempt* ataupun *abetment*. Di mana *punishment* adalah di bawah *Penal Code* atau mana-mana undang-undang atau *by any other written law with imprisonment or fine* dengan izin, *or with combination of such punishment. Such attempt or abetment to cause such an offence to be committed. In such attempt or abetment does not..., does any act towards the commission of such offence. Where no express provision is made by this code or by such other written law as the case maybe.*

*So, the punishment of such attempt or abetment shall be punished with such punishment as is provided for the offence. Provided that any term of imprisonment imposed shall not exceed one-half of the longest term provided for the offence.* Prinsipnya adalah di bawah seksyen 15(1) *Penal Code*, yang saya sebutkan tadi, yang mana ia menghadkan kepada *one-half of the longest term provided for the offence*. Jadi, sebab itu akta ini, *which is other written law*, dengan izin, selain daripada kanun keseksaan.

Tuan Pengerusi, seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz juga ada mempersoalkan berkaitan, sama ada undang-undang ini berbentuk *retrospective effect* ke atas pengambilan sampel banduan atau penagih. Ini saya sudah jawab dalam perbahasan di peringkat dasar. Saya rasa boleh rujuk balik dalam Hansard. Yang akhir sekali, saya sudah jawab soalan ini Yang Berhormat. Saya rasa, itu sahaja isu-isu yang telah dibawa. Kalau ada perkara-perkara yang masih belum dijawab, saya memohon supaya dapat dikemukakan kepada pihak kementerian, yang mana saya boleh menjawab secara bertulis.

**Fasal-fasal 1 hingga 27** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN 2009**

### **Bacaan Kali Yang Kedua Dan Ketiga**

**12.18 tgh.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan mengenai penubuhan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan dan untuk mengadakan peruntukan mengenai fungsi dan kuasanya dan mengenai perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir]:** Saya mohon menyokong.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Ahli Yang Berhormat, silakan.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jabatan Peguam Negara, Ketua Polis Negara, Kementerian Dalam Negeri dan Pejabat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta agensi kerajaan berkaitan yang lain, telah mengkaji peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan draf Rang Undang-undang Suruhanjaya Penambahbaikan Integriti Agensi Penguatkuasaan yang dicadangkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai alternatif kepada Rang Undang-undang Suruhanjaya Aduan Khas 2007.

Setelah selesai meneliti kajian itu, telah menggubal Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 dengan mengambil kira peranan suruhanjaya perkhidmatan lain yang sedia ada. Serta agensi-agensi lain seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Biro Pengaduan Awam di Jabatan Perdana Menteri dan Urus Setia Jawatankuasa Kerja Pelaksanaan Penambahbaikan PDRM di Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Rang Undang-undang ini digubal berasaskan pendekatan rang undang-undang yang dicadangkan dalam Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia.

#### ■1220

Selepas ini disebut Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan PDRM yang semata-mata merangkumi anggota PDRM sahaja mengikut terma rujukan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan PDRM pada masa itu. Penubuhan sesuatu suruhanjaya bebas bagi mengawasi agensi kerajaan yang terlibat dalam penguatkuasaan undang-undang amatlah baik bagi mengesan, menyiasat dan mencegah perbuatan menerima rasuah dan salah laku di kalangan pegawai penguatkuasaan selain anggota polis.

Suruhanjaya bebas yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan PDRM adalah berasaskan model di New South Wales di Australia dan United Kingdom. Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan PDRM mengesyorkan bahawa model di New South Wales Australia dan United Kingdom telah berjalan dengan baik dan telah berjaya mewujudkan pasukan polis yang berwibawa dan berfungsi dengan efektif.

Oleh itu, kerajaan percaya bahawa penubuhan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini satu cara yang berkesan untuk memastikan doktrin, undang-undang, peraturan dan prosedur dipatuhi bukan sahaja oleh PDRM tetapi oleh semua agensi kerajaan yang disenaraikan dalam jadual kepada rang undang-undang ini.

Kerajaan berpendapat bahawa penubuhan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan akan dapat meningkatkan akauntabiliti, membantu mengembalikan dan serta mengekalkan kepercayaan orang ramai dan sektor swasta terhadap institusi penguatkuasaan kerajaan dan dengan adanya Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini, hasrat rakyat jelata untuk mewujudkan sistem *ombudsman* juga tercapai.

Suruhanjaya ini boleh memastikan bahawa pegawai penguat kuasa tidak bertindak di luar kuasa mereka dan pegawai penguat kuasa tahu dengan jelas akan ruang lingkup salah laku yang disenaraikan oleh rang undang-undang ini. Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini merupakan satu langkah ke hadapan bagi negara kita di samping meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan yang dititik beratkan oleh kerajaan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini akan menerima aduan daripada orang ramai mengenai salah laku pegawai penguat kuasa dari agensi kerajaan yang disenaraikan dalam jadual kepada rang undang-undang ini dan menjalankan siasatan bebas ke atas aduan tersebut. Dari segi bidang kuasa dan fungsi suruhanjaya ini, ia akan melengkapinya mekanisme yang sedia ada kerana suruhanjaya ini akan memastikan tindakan undang-undang yang betul diambil terhadap pegawai penguat kuasa berdasarkan jenis kesalahan yang dilakukan.

Suruhanjaya ini juga memberikan hak memeriksa para saksi dan hak memberi hujahan lisan serta hak diwakili oleh seorang peguam. Rang undang-undang ini merupakan langkah seterusnya oleh kerajaan ke arah mengembalikan kepercayaan rakyat kepada institusi kerajaan dan memastikan bahawa penyiasatan setiap agensi kerajaan dijalankan dengan teratur berdasarkan prosedur dan undang-undang agar dapat meningkatkan tahap profesionalisme dalam cara pekerja agensi yang terlibat.

Keanggotaan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan dan prosedurnya akan memastikan wujudnya ketelusan dalam apa-apa keputusan dan syor yang dibuat berhubung dengan aduan yang diterima.

Secara amnya Tuan Yang di-Pertua, semua pendengaran yang dijalankan oleh suruhanjaya adalah terbuka kepada umum dan dapatannya, *findings*, akan diumumkan. Ini sekali gus akan mencerminkan ketelusan dan mengukuhkan kepercayaan rakyat terhadap Pegawai Penguat Kuasa PDRM dan juga agensi kerajaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini terbahagi kepada tujuh bahagian iaitu:

- (i) Bahagian I yang memperkatakan perkara permulaan, mengandungi tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa akta, pemakaian akta serta *brief* beberapa perkataan dan ungkapan yang digunakan;
- (ii) Bahagian II mengandungi perkara yang berhubungan dengan penubuhan dan fungsi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan termasuklah keanggotaan, pembayaran saraan, hak tempoh jawatan, pengosongan jawatan dan mesyuarat;
- (iii) Bahagian III adalah mengenai pentadbiran suruhanjaya yang mengandungi perkara mengenai pelantikan setiausaha, dan juga ketua pegawai eksekutif, pegawai dan kakitangan suruhanjaya perunding, penubuhan jawatankuasa aduan, pasukan petugas dan jawatankuasa lain, pengeluaran kad kuasa serta penggunaan kakitangan atau kemudahan agensi lain dan kerjasama dengan agensi lain;

- (iv) Bahagian IV mengandungi peruntukan mengenai pengurusan aduan dan menyatakan kuasa am suruhanjaya mengenai pengurusan aduan, bahagian ini juga memperuntukkan ruang lingkup salah laku pegawai penguat kuasa yang boleh diadakan oleh orang ramai kepada suruhanjaya supaya disiasat oleh suruhanjaya dan sesiapa pun boleh membuat aduan kepada suruhanjaya, dan suruhanjaya sendiri boleh memulakan penyiasatan atas inisiatif sendiri;
- (v) Bahagian V Tuan Yang di-Pertua, adalah mengenai kuasa penyiasatan suruhanjaya. Suruhanjaya diberikan kuasa untuk mendapatkan dokumen atau benda lain, mengadakan pendengaran awam, memberi hak orang berkepentingan untuk hadir, kuasa untuk memeriksa saksi, kuasa untuk menggeledah dengan waran dan pendedahan dan permintaan tanpa waran, selain itu bahagian ini juga memperuntukkan obligasi undang-undang ke atas seseorang untuk memberikan maklumat kepada suruhanjaya dan membenarkan seseorang melantik wakil undang-undangnya dalam sesuatu pendengaran yang diadakan suruhanjaya;
- (vi) Bahagian VI adalah mengenai kesalahan dan mengandungi perkara-perkara berkenaan dengan ugutan terhadap saksi dan penghinaan; dan
- (vii) Bahagian VII adalah mengenai perkara am dan mengandungi perkara seperti dana, pemakaian akta badan berkanun, akaun dan laporan tahunan 1980, pembukaan laporan tahunan, perlindungan kepada pesuruhjaya, pegawai dan kakitangan suruhanjaya, pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948, perkhidmatan awam, obligasi kerahsiaan, keizinan untuk memulakan dan menjalankan pendakwaan, pembuatan peraturan-peraturan dan kuasa Perdana Menteri untuk meminda jadual.

Tuan Yang di-Pertua, sejak bacaan kali pertama rang undang-undang ini, pelbagai reaksi serta pendapat positif telah diterima dari pelbagai pihak dan direncanakan di dalam media massa. Pendapat yang konstruktif dan membina sememangnya akan membantu dalam memupuk kesedaran umum dan mendorong agensi kerajaan yang terlibat untuk menambah baik prestasi mereka.

Seperti biasa, terdapat golongan yang kurang faham dan tidak mengetahui akan perjalanan jentera pentadbiran dan pengurusan di negara ini. Kerajaan menerima reaksi-reaksi tersebut dengan hati yang terbuka kerana kerajaan berniat murni dalam membentangkan rang undang-undang ini. Kerajaan bersedia menjawab segala pertanyaan dan menjelaskan sebarang kemusykilan yang timbul, dan juga bersedia mendengar cadangan yang bernas dan adil.

Dengan ini, kerajaan berharap bahawa perbahasan rang undang-undang ini nanti akan membuktikan kematangan serta keikhlasan Ahli-ahli Dewan yang mulia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibaca kali kedua sekarang. Sekian.

■1230

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Ada siapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir]:** Saya mohon menyokong.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan mengenai penubuhan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan dan untuk mengadakan peruntukan mengenai fungsi dan kuasanya serta mengenai perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dijemput yang terhormat Datuk Akbar.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** *[Bangun]*

**Datuk Akbar bin Ali:** Sebelum saya pergi kepada membahaskan rang undang-undang ini, izinkan saya mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi penghargaan kepada mantan Tuan Yang di-Pertua kita iaitu Tan Sri Dr. Abdul Hamid Pawanteh. Beliau sesungguhnya telah memberikan sumbangan yang cemerlang dan gemilang kepada Dewan yang mulia ini. Saya juga tidak boleh bercadang untuk menghuraikan satu per satu pencapaian cemerlang beliau itu kerana kita sama-sama telah mendapat peluang menonton *video clip* pada malam Isnin lalu.

Namun izinkan saya merakamkan penghargaan yang tinggi ini dalam beberapa ungkapan pantun.

*Hanyut kayu dari bukit,  
Dari gunung berkati-kati,  
Sumbangan jasa bukan sedikit,  
Tidak bertanggung sampai ke mati,*

*Tanjung Puteri sudah terbilang,  
Bunga tanjung di dalam dulang,  
Sumbangan Tan Sri cemerlang gemilang,  
Kami sanjung dan kami julang.*

*Bagaimana hendak ikat-ikat dengan durinya,  
Bagaimana kami tidak ingat, hati baik dengan budinya*

Dalam pada itu Dewan ini juga bertuah kerana telah mendapat ganti yang juga cemerlang dan gemilang berdasarkan prestasi beliau sebagai Timbalan Yang di-Pertua. Begitulah adat dunia.

*Fasih tumbuh di tanjung jati,  
Sawah padat padi di huma,  
Patah tumbuh hilang berganti,  
Begitulah adat resam dunia.*

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan rang undang-undang di hadapan kita ini, saya ingin menarik perhatian bahawa pembentangan SIAP kali ini adalah merupakan satu rangkaian usaha Kerajaan Barisan Nasional untuk memenuhi janji kata di kota. Janji ini telah dipahatkan dalam manifesto pilihan raya Barisan Nasional pada tahun 2004 dahulu. Sebahagian daripada rangkaian usaha yang saya sebutkan tadi adalah untuk melengkapkan lagi SPRM yang telah kita luluskan pada bulan Disember lalu. Komitmen, iltizam yang tinggi ini harus kita hargai.

Tuan Yang di-Pertua, integriti adalah satu konsep yang *encompassing*, dengan izin, lebih komprehensif dengan apa yang biasa kita dengar, jujur atau *honesty*, dengan izin. Ia merangkumi amanah nilai-nilai tinggi yang lain seperti akauntabiliti dan kebertanggungjawaban. Sehubungan dengan ini, oleh kerana ia saya katakan tadi bahawa ia adalah satu konsep yang menyeluruh, maka saya ingin bezakan antara integriti dan *honesty* yang kadang-kadang kita fikir ia adalah sama.

Kalau saya memetik daripada buku, "*Living With Honour*" yang ditulis oleh Khera Shiv dan saya berikan contoh usaha untuk memudahkan kefahaman untuk membezakan *honesty* dan integriti ini. Saya berikan contoh sedemikian, katakanlah 'A' dan 'B'. 'A' bertanya kepada 'B', "Jikalau saya tertinggal sejuta ringgit ini, adakah " akan ambil." 'A' bertanya kepada 'B'. 'B' pula menjawab, "Kalau tidak ada sesiapa nampak, saya akan sapu seratus juta ini."

Di sini kita dapat lihat 'B' dengan jawapan sedemikian, dia adalah seorang yang *honest* dan jujur iaitu di dalam hatinya dia akan ambil duit seratus juta yang tertinggal itu. Akan tetapi dia tidak ada integriti kalau dia ada integriti, orang nampak atau tidak nampak dia tidak ambil wang bukan miliknya. Itu beza antara *honesty* dan integriti sepertimana yang terpahat dalam karya *living with honour*. Sehubungan dengan itu saya ingin merakamkan penghargaan kepada dua tokoh pegawai polis yang baru-baru ini dilaporkan dalam akbar. Kedua-dua ini menolak upah insentif yang dikatakan bernilai RM500 ribu. Adanya insan-insan seperti ini dalam pentadbiran kerajaan khususnya polis seperti Koperal Mohd Surani Sarbini dan Lans Koperal Mohd Tarmizi Arbayee.

Jika ada insan seperti ini mereka akan memberikan cahaya dan harapan kepada rakyat Malaysia khususnya dan *mankind* amnya. Bahawa ada insan-insan yang mengamalkan integriti. Ini akan membantu meningkatkan keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap institusi kerajaan terhadap sektor awam yang mana cuba diperkukuhkan lagi melalui SIAP ini.

Kebetulan pula dalam suasana ekonomi yang gawat yang mana kita serang tsunami ekonomi yang berpunca daripada Amerika Syarikat. Tahap keyakinan terhadap kerajaan dan ekonomi amat rendah seperti mana yang digambarkan oleh indeks BCI serta *Consumer Sentiment Index* di mana ianya menurun agak ketara. Antara suku tahun ini berbanding dengan suku tahun yang lalu, ia menurun bagi dua-dua indeks ini antara 37% hingga 47%. Jadi keyakinan adalah satu komoditi yang cukup mahal pada masa ini, lebih mahal daripada emas. Maka pembentangan SIAP ini adalah amat sesuai dari segi masa dan ketikanya untuk mengembalikan semula keyakinan yang telah terhakis itu.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan juga dengan integriti yang hendak saya perkatakan ini, kita tidak perlu pergi jauh daripada Dewan ini, kita harus lihat dalam Dewan ini sendiri. Sebahagian daripada integriti adalah melaksanakan tanggungjawab dengan penuh jujur serta integriti. Sehubungan itu saya mengucapkan kepada para anggota pekerja bagi Dewan Negara kerana membekalkan kemudahan ICT ini yang mana ia membantu Ahli-ahli Dewan seperti saya untuk melaksanakan tugas dengan lebih berkesan lagi.

#### ■1240

Sesungguhnya kemudahan ICT ini, pada diri saya sendiri, ia amat membantu, terutama untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang segera melalui internet. Kemudahan ini amatlah saya hargai kerana ia menyumbang ke arah meningkatkan keberkesanan dan kecekapan. Cuma orang Melayu di Melaka ini, kita boleh cakap cekap, kita boleh cakap licin. Kalau cakap pagar, dia jadi "pagau". Kalau dia ular, jadi "ulau", tapi kita tidak boleh guna perkataan lancar. Tidak betul-betul kalau salah sebut, ya. Yang Berhormat Datuk Osman sekarang, tahniah Datuk Osman.

Cuma saya merayu untuk memperkukuh dan memantapkan lagi integriti Ahli Dewan Negara supaya kita boleh melaksanakan tugas dengan lebih baik lagi, saya mengharapkan segala syor, pandangan yang kami kemukakan, yang dimasukkan di dalam *Hansard*, diambil tindakan susulan oleh semua kementerian yang berkenaan dan dilaporkan semula kepada kita melalui kemudahan ICT ini. Yang demikian, kita akan tahu apakah tindakan susulan yang sedang dan telah diambil terhadap segala pandangan dan syor kita, supaya kita faham ia telah pun diusahakan. Yang mana pula belum diusahakan, maka barulah dia boleh memberikan *full satisfaction*, dengan izin, terhadap tanggungjawab kita.

Sekarang ini, saya sendiri tidak tahu apakah tindakan-tindakan susulan yang telah diambil ataupun langsung tidak akan diambil. Kalau begitu apa guna yang saya beriya-ya bercakap di Dewan ini? Melakukan *research* sendiri dan sebagainya supaya saya dan kawan-kawan lain dapat memberi sumbangan yang bermakna kepada Dewan ini dan seterusnya kepada rakyat.

Jadi, saya merayulah akan diadakan anjakan paradigma dari cara bekerja yang lama, yang mana kita tidak tahu tindakan susulan yang diambil, kepada anjakan yang baru di mana kita dimaklumkan segala syor dan pandangan yang dikemukakan. Ayat-ayat yang mengatakan, mana-mana yang selalu disebut oleh Menteri dan Timbalan Menteri, ayat biasa yang kita dengar, 'mana-mana yang saya tidak jawab, akan dijawab kemudian', 'mana-mana yang tidak sempat saya jawab, tindakan akan diusahakan oleh pegawai-pegawai saya', Ini saya rasa tidak berlaku, kerana saya tidak dapat pun jawapan bertulis bagi mana-mana jawapan yang tidak sempat dijawab di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada rang undang-undang ini, memanglah semua agama, semua ideologi membenci rasuah dan mengharapkan integriti yang tinggi. Dalam agama Islam, kita boleh lihat banyak hadis dan ayat al-Quran, yang memperkatakan perkara ini. Sebagai contoh, di dalam Hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad dan Hakim, baginda Rasulullah berkata, 'Rasulullah SAW melaknat orang yang memberi rasuah, yang menerima rasuah dan yang menjadi perantara'. So, ketiga-tiga kumpulan ini, pemberi, penerima dan perantara, dilaknat oleh Tuhan. Juga terdapat banyak ayat dalam *Quranul Karim*, antaranya, dalam Surah *al-Baqarah*, ayat 188. Dalam *Bible Timothy* 6:10, *Christianity* juga membenci rasuah. "*The love of money is the root of all evil*". *Confucianism* juga membenci rasuah dan mengharapkan integriti. *Confucius* berkata, bukan sahaja yang rasuah, "*don't even talk about profit*", dengan izin. "*Don't even talk about profit...*", kerana "*...profit, pitching the nation into grave danger*", ayat 1:1. Begitu juga dengan agama Hindu. Dalam *Bhagavad-Gita* 3:27, "*the greedy desire is the great evil, the enemy of the soul*". Musuh roh kita. Maka itu, apa yang diusahakan oleh kerajaan untuk membasmi rasuah dan meningkatkan integriti, dia melangkaui, melampaui semua agama, semua keturunan, *ethnicity* dan sebagainya.

Di peringkat dunia sekarang, saya rasa semua Yang Berhormat pun tahu. Trendnya ialah, untuk meningkatkan integriti seperti yang diawasi, dipelopori oleh badan-badan dunia yang mahu mewujudkan *the good governance*, dengan izin. Tadbir urus yang baik seperti badan-badan *UNCAC*, *OECD*, *Transparency International*, yang mana Yang Berhormat Mulia Raja pernah berkhidmat di sana, saya difahamkan, Bank Dunia, dan juga *World Economic Forum*. Malangnya, mengikut kajian-kajian yang dibuat, kalau saya ambil salah satu *indicator* iaitu, *CPI*. Dia bukan *Consumer Price Index*. *Corruption Perception Index*. Betul Yang Berhormat Mulia, ya? Berdasarkan kajian dua tahun, antara 2007 dan 2008, negara-negara yang mana telah merekodkan CPI yang tinggi, hampir 10, 10 terbaik, 0 terburuk. Contohnya Denmark, negara-negara yang mencatatkan tinggi indeksinya, macam yang saya kata tadi telah menunjukkan trend menurun.

Bermakna integritinya semakin rendah, persepsi korupsinya *inversely* semakin meningkat. Contohnya Denmark, dari 9.4 turun kepada 9.3. New Zealand juga sama, 9.4 turun kepada 9.3, manakala Finland lebih teruk, 9.4 turun kepada 9.0, dan UK sendiri, turun dari 8.4 kepada 7.7.

Ini bermakna, persepsi-persepsi bahawa kononnya, rasuah berleluasa di negara-negara membangun, sebenarnya juga berleluasa di negara-negara maju. Ini diakui sendiri oleh *Chairperson T.I.*, yang mana beliau mengatakan *corporate scandal* di negara-negara maju, saya *quote*, '*undermines the credibility of the wealthiest nation in calling for greater action by low income countries*'. Ini kita lihat, bagaimana Enron ranap, bagaimana Madoff menipu berbilion-bilion ringgit dan akhirnya, ranap sistem kewangan di Amerika Syarikat, kerana *greedy*, kerana rasuah dan kurangnya integriti. Ia diakui juga oleh *Vice-Chair T.I.* yang mana beliau berkata, saya *quote*, '*criticism by rich countries or corruption in poor one has little credibility, while their financial institution sits on wealth stolen from the world's poorest people*'. Dicuri daripada negara-negara yang miskin. Begitulah, teruknya *corruption* di negara-negara maju, namun mereka pula masih boleh *survive* walaupun perit sekarang. Akan tetapi, rasuah di negara membangun yang miskin, sekiranya ia terus dilaksanakan, ia menjadi pilihan antara hidup dan mati.

**•1250**

Kerana wang untuk air contohnya wang untuk membina hospital mungkin tersalah sasaran berlaku ketirisan yang menjadikan mereka yang sakit akan mati, yang tidak mempunyai air bersih akan juga mati, kerana mengikut perangkaan *United Nations* kira-kira 2/3 penduduk dunia tidak mendapat bekalan air yang bersih. Tuan Yang di-Pertua, berapa kos dari segi ekonomi kerana perbuatan rasuah? Kerana tidak adanya integriti. Mengikut anggaran yang dibuat ia bernilai USD150 bilion. Kira-kira RM540 bilion. Ia bersamaan sembilan kali ganda kutipan hasil LHDN Malaysia yang kita bercakap pada hari Isnin lalu. Iaitu kira 75% GDP Malaysia.

Kalau duit ini tidak hilang ia masuk ke dalam sistem kerajaan sebagai hasil, maka dia dapat membantu membasmi kemiskinan. Bukan 2010 tetapi mungkin tahun 2000 dahulu dan dalam masa yang sama kita Ahli Dewan Negara ini, mungkin boleh dapat imbuhan yang lebih tinggi, kemudahan yang lebih baik setanding dengan kawan-kawan kita di Indonesia.

Pada masa ini, kemudahan kita, imbuhan kita jauh lebih rendah berbanding dengan negara yang lebih miskin daripada kita iaitu Indonesia.

**Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah:** Apabila Yang Berhormat menimbulkan soal imbuhan itu, apa benar agaknya yang terkilan di hati Yang Berhormat imbuhan yang tidak cukup itu. Apa lagi bila dibandingkan kita dengan Indonesia. Tentang kemudahan-kemudahan penyelidikan? Tentang apa-apakah atau kemudahan berbahasan yang agak singkatkah? Kadang-kadang satu soalan itu dapat soalan tambahannya dihadkan kepada dua orang. Adakah ini termasuk kemudahan dalam perbahasan atau adakah ini relevan? Minta maaf.

**Datuk Akhbar bin Ali:** Soalan ini cukup baik, dia memberi ruang lebih luas untuk saya menari. Akan tetapi supaya saya tidak membuang masa yang begitu banyak tentang ini, perkara ini telah disentuh dengan panjang lebar oleh mantan Senator bersara.

Saya baru tahu hari ini. Senator setelah bersara, dia macam anggota tentera juga. Boleh guna perkataan bersara. Senator (R) macam jeneral bersara, so Senator bersara. Saya baru tahu hari ini, jadi saya hendak kongsilah dengan Yang Berhormat dengan mana-mana yang hendak *retire* hujung-hujung tahun ini... [Dewan riuh]

Telah disentuh dengan panjang lebar oleh mantan Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee dan juga telah disentuh oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi. Cuma saya hendak katakan dalam konteks integriti, sekurang-kurang dalam Dewan ini ada dua jenis Senator bagaimana kedudukan ekonominya sebelum menjadi Senator. Satu, sebelum dia menjadi Senator pendapatannya jauh lebih tinggi dan mungkin *expenditure* nya tidak begitu tinggi. Satu kumpulan lagi ialah pendapatannya jauh lebih tinggi berbanding dia setelah menjadi Senator.

Sebelum menjadi Senator pendapatannya katakan RM10,000 setelah menjadi Senator pendapatannya lebih kurang RM9,000. Akan tetapi perbelanjaannya meningkat kerana kalau dahulu pendapatannya RM1,000, RM950 dia punya. Apabila menjadi Senator, pendapatannya mungkin menjadi RM2,000, tetapi RM3,000 orang punya... [Tepuk] Jadi kebajikan inilah perlu diambil kira supaya integriti dapat dipelihara. Bagi kumpulan yang nombor satu tadi tidak mengapa. Dia boleh dengan izin, *maintain the same life style* dan sebagainya dan tidak perlu melakukan apa-apa di luar bidang undang-undang.

Akan tetapi bagi kumpulan yang kedua dia ada beberapa pilihan untuk menampung pendapatan yang kurang dan perbelanjaan yang meningkat. Satu, dia akan dilabelkan Senator yang kedekut kerana dia tidak mampu melayan kehendak rakyat. Kalau sebelum menjadi Senator, orang kahwin boleh beri RM10 Yang Berhormat, sekarang kalau beri RM20 satu kampung akan dijajikan. Sekurang-kurang RM50, kalau tidak dia simpan pemberian Senator ini, inilah RM20 yang Senator beri.

Satu cawangan akan tahu, satu bahagian akan tahu. Orang mati perlu beri. Kalau dahulu kita sedekah *Al-Fatihah* sahaja pun boleh. Sekarang tidak sedekah 'rimau' akan jadi *story* yang panjang. Anak hendak masuk universiti sekarang ini, datang ke rumah minta. Sedangkan peruntukkan Senator hanyalah RM68,000 setahun berbanding RM1 juta bagi wakil rakyat dan bila kita tanya kenapa tidak boleh tambah? Oh, Senator tiada kawasan hendak jaga.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Sedikit Yang Berhormat, minta laluan.

**Datuk Akhbar bin Ali:** Okey.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** RM68,000 itu untuk Senator yang dari BN sahaja, kami tidak dapat... [Ketawa]

**Datuk Akhbar bin Ali:** Saya rasa tidak susah itu hendak dapat. Masuklah BN... [Ketawa][Dewan riuh] *That's no free lunch* ya. Okey, yang saya hendak katakan ini, betul Senator tidak ada kawasan, kawasan Adun, kawasan Parlimen tetapi kawasan kita satu negeri.

**Beberapa Ahli:** Satu Malaysia.

**Datuk Akhbar bin Ali:** Dan satu Malaysia, ya. Ini yang berlaku. Kalau tadi Dato' Mukhriz bolehlah tolong bawakan cerita ini sedikit ya kepada Yang Amat Berhormat dan Yang Berhormat Datuk Liew ya, Yang Berhormat.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Yang Berhormat, maksudnya perlu tepat, perlu sebut betul-betul.

**Datuk Akhbar bin Ali:** Seterusnya, tadi saya katakan pilihan pertama dilabelkan sebagai Senator kedekut. Pilihan kedua, mencari kerja-kerja lain, mencari projek supaya kita ada duit, lepas itu kita boleh beri pada rakyat dan ini akan berlaku kemungkinan berlaku *conflict of interest* dan ini akan mencemar integriti kita. Jadi pilihan kedua juga tidak cantik. Pilihan yang ketiga ialah kita minta sedekah dan sebagai ahli Dewan yang mulia ini sanggupkah kita jadi peminta sedekah? Saya adalah dahulu *statistician*. Saya kata diri saya dahulu *I was a professional beggar* kerana *statistician* seorang profesional, tetapi perlu minta sedekah supaya beri maklumat. Adakah setelah jadi Senator juga saya perlu jadi profesional *beggar*? Pilihan keempat saya rasa kurang menarik juga, ya Yang Berhormat Tan Sri.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Yang Berhormat, saya minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya tertarik tentang Yang Berhormat mengatakan kita tidak ada kawasan ya atau tidak? Sebenarnya kawasan kita bukan negeri tetapi seluruh Malaysia kawasan kita lebih luas sebenarnya. Di mana-mana pergi, saya selalu pergi banyak tempat dijemput untuk berceramah, sambil berceramah dia hulur surat, dia bilang minta derma dan setiap kali pergi saya sentiasa dapat.

Jadi ini kita beri kerana kita rasa kita ada peruntukkan. Jadi, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan Dewan yang mulia ini, semua peruntukkan saya, saya berikan habis. Tahun lepas sudah habis, tidak ada satu sen pun, saya berikan kerana itu adalah sumbangan kita sebagai Ahli Dewan Negara, kita telah diberi peruntukkan sebanyak RM200,000 tiap-tiap satu penggal. Satu penggal RM200,000. Jadi saya sudah beri RM400,000 habis semua sekali. Jadi maka itu juga bolehlah kita memberikan penghargaan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga supaya nama mereka dihormati kerana kita juga menyumbang kepada rakyat. Apa pandangan Yang Berhormat mengenai peruntukkan ini rasanya tidak cukup sebab selalunya belum sampai hujung tahun peruntukkan itu sudah habis? Jadi kalaulah boleh kita menyuarakan supaya peruntukkan itu ditambah bukan untuk kita tetapi untuk rakyat. Satu Malaysia, prinsip *1Malaysia* itu, "Rakyat Didahulukan...". Jadi, kita dahulukan rakyat. Duit kita pun kita beri kepada rakyat dan "...Pencapaian Diutamakan". Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Yang Berhormat Datuk Akhbar bin Ali, oleh sebab masa, bolehkah kita tangguh sehingga pukul 2.30 petang.

**Datuk Akhbar bin Ali:** Ahli yang menurut perintah.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Ahli-ahli yang Berhormat, perbahasan kita ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang. Terima kasih.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali untuk menyambung ucapan.

**2.32 ptg.**

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya meneruskan ucapan saya dan menjawab apa Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk (Dr.) Jins timbulkan tadi, saya ingin meneruskan apa yang saya sengaja berhentikan kerana pada masa saya berucap tadi, Tuan Yang di-Pertua menyerahkan tugas kepada Dato' Hajah Samsiah. Ini kerana pujian lebih molek dibuat di belakang. Kalau di depan, mungkin ditakrifkan sebagai ada unsur-unsur hipokradi.

Apa yang hendak saya cakap ini bukan pujian dan kerana itu saya boleh bercakap lebih molek di depan. Kita semua Yang Berhormat Senator insaf dan sedar bahawa tanggungjawab Tuan Yang di-Pertua sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara, Dewan yang mulia ini amat besar, amat berat. Justeru itu, kita semua akan sama-sama membantu meringankan tugas Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berbahagia Tan Sri, kitalah yang membantu mencungkil dan membuka ruang yang luas dan menampilkan kecemerlangan beliau. Kita akan teruskan usaha seperti itu. Jadi kita akan terbang bersama-sama, Tuan Yang di-Pertua, kita akan sama-sama...

*Ke gunung kami mendaki,*

*Ke laut kami renangi,*

*Patah atap kerana buluh,*

*Terbang melayang burung tempua,*

*Patah sayap bertongkat paruh,*

*Namun terbang bersama kita dengan Tuan Yang di-Pertua*

*Akan tetap terbang bersama... [Tepuk].*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Datuk Akbar bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins tadi ada menegaskan sebenarnya apa yang saya telah katakan awal bahawa ada *misconception*, dengan izin, salah faham bahawa kononnya kita tidak mempunyai kawasan seperti wakil rakyat. Sebenarnya kawasan kami, seperti mana yang ingin saya tegaskan sekali lagi, menekankan lagi apa yang Tan Sri telah perkatakan dan apa yang diutarakan awal oleh Dato' Profesor, kawasan kita lebih luas daripada kawasan Dewan Undangan Negeri, lebih luas daripada kawasan Parlimen, lebih luas daripada

sebuah negeri, malah kawasan kita, konstituen kita adalah satu Malaysia. Ini benar-benar satu Malaysia, konsep *1Malaysia* yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Menteri yang mana memanglah rakyat perlu kita dahulukan.

Sehubungan apa yang saya perkatikan tadi, untuk meningkatkan integriti dan untuk meningkatkan prestasi kita sehubungan dengan rangkap kedua *1Malaysia*, jadi saya ingin meneruskan pilihan selanjutnya apa yang saya katakan tadi. Mula-mula saya sudah kata kita ada pilihan menjadi senator yang kedekut, kita ada pilihan untuk mencari kerja lain menampung perbelanjaan yang tidak cukup, dan kita boleh menjadi peminta sedekah dan *option* yang satu lagi, pilihan yang satu lagi ialah mencuri. Untuk hendak dapat sumber yang lebih bagi menampung perbelanjaan yang memang tinggi. Akan tetapi kita semua di sini sebagai Ahli Dewan yang mulia kita tidak pilih itu sebagai cara untuk mencari pendapatan yang halal. Maka kita pergi pula pada pilihan yang satu lagi, iaitu mendapat secara rasuah.

Ini bertentangan dengan rang undang-undang yang kita hendak bentangkan ini yang mana kita mahu meningkatkan integriti di kalangan pegawai-pegawai penguat kuasa tetapi kita pula hendak melaksanakan unsur-unsur yang bercanggah dengan integriti sudah tentu tidak kena. Sehubungan dengan itu, dengan sokongan bulat daripada kawan-kawan, sokongan yang jitu dan padu, saya ingin mengemukakan beberapa syor untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan senator dalam melaksanakan tanggungjawabnya yang mana secara langsung impak bersihnya boleh membantu meningkatkan lagi integriti kami, maka saya cadangkan satu gaji untuk Ahli Yang Berhormat Senator dinaikkan.

Pada masa ini, gaji dan elaun kita hanyalah setaraf dengan Gred 54 dalam sektor awam. Kita di sini adalah penggubal undang-undang tetapi tahap kita lebih rendah daripada JUSA C. Kalau kita *equate*, dengan izin, dengan sektor awam, dengan kemudahan yang lebih melalui gaji dan elaun yang ditingkatkan itu, saya yakin kami dapat melaksanakan tugas kami dengan lebih cekap lagi dan penuh integriti. Lebih-lebih lagi kalau kita banding dengan rakan-rakan kita di Singapura. Oh, Singapura tidak boleh kita bandingkan ia sebuah negeri yang kaya. Akan tetapi kalau kita banding dengan Indonesia dan Thailand yang menurut pertumbuhan *GDP* nya lebih rendah daripada kita, *GDP per capita* nya jauh lebih rendah daripada kita, malah tahap *GDP* kita, ya, kalau diukur dengan PPP, *Purchasing Power Parity* kita lebih tinggi daripada Rusia. Akan tetapi kemudahan yang kita dapat lebih rendah daripada Indonesia dan Thailand.

Selain daripada itu, kita juga memohon supaya ditambah sedikit lagi elaun *driver*. Yang kita dapat hanyalah RM1,200 sebulan dan itu hanya cukup-cukup untuk gaji kalau kita ambil *driver* yang tidak ada pengalaman.

## ■ 1440

Kalau ada pengalaman, minta maaf tidak boleh dapat. Selain daripada itu, kalau kita bawa *driver* kita ke mari kita kena bayar dia elaun makan. Kita kena tanggung elaun hotel. Daripada manalah nak dapat duit ini? Kata orang Melaka, daripada manalah nak cekau duit ini? Hujung tahun pula Yang Berhormat Senator Dato Sri Shahrizat, ada elaun hari raya nak kena bagi, elaun bonus seperti juga pegawai kerajaan dapat. Mana nak cari duit ini? Itulah sebabnya sebahagian Senator saya rasa tidak mampu membayar gaji sepenuh masa *driver*. RM1,200 tidak cukup. Jadi, seterusnya kita minta. Elaun...

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Izinkan saya mencelah.

**Datuk Akbar bin Ali:** Sekejap..

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Sekejap.... Ya, terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan imbuhan-imbuhan itu semua mengenai Senator. Satu mungkin Yang Berhormat terlepas sedikit pandang iaitu *insurance coverage*, dengan izin, untuk para Senator ataupun para Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Undangan Negeri. Adakah pihak kerajaan atau pihak yang berwajib dapat melihat *the 'neat' policy*, dengan izin, kerana ada rakan Senator kita yang baru ini mengalami kecederaan kerana *accident* baru-baru ini. Saya rasa dia *accident*, retak sana, retak sini. Sakit menanggung dua ke tiga bulan.

Saya rasa kalau tidak ada perlindungan insurans yang ada pada para Senator, manalah dia hendak dapat lagi? Dia kena tanggung sendiri. Kalau bolehlah, pihak yang berwajib melihat kehendak ataupun keperluan para senator dan para wakil rakyat seluruh negara yang berkhidmat untuk negara dan mereka tidak kkuatir, keluarga mereka tidak kkuatir kalau mereka mengalami kecederaan di dalam apa jua peristiwa, *accident* kah. Apa jualah, ugutan, mereka tidak risau sangat sebab ada perlindungan yang sewajarnya. Apa pendapat Yang Berhormat?

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa bukan sahaja saya seorang tetapi semua ahli di dalam Dewan ini bersetuju dengan cadangan Dato' tadi. Saya fikir itulah salah satu cara yang paling ekonomik untuk melindungi para Senator, Ahli Dewan Negeri dan Ahli Dewan Rakyat dan boleh dimurahkan lagi tanggungan kewangannya kalau kita bayar melalui *group insurance*, insurans berkumpulan, berkelompok dia akan menjadi lebih murah Tuan Yang di-Pertua. Itu saya *in cooperate* sebagai sebahagian daripada syor saya. Terima kasih. Seterusnya, kita selalu dilaung-laungkan supaya kita menjadi *first class citizen*, *first class* pegawai kerajaan, *first class* menteri, malah kita dilaung-laungkan juga menjadi *first class* Senator. Laungan itu tidak cukup, boleh terus menjadikan kita *first class*, *world class* Senator. Kita memerlukan selain daripada usaha kita sendiri, kita perlukan bantuan untuk menjadikan kita betul-betul menjadi Senator yang *first class*, *world class*.

Apa yang saya maksudkan ialah dalam keadaan sekarang yang mana kita sudah pun melangkah daripada *agro base economy* kepada *industrialization driven economy* kepada *productivity driven economy* dan kita sudah pergi kepada *knowledge base economy* dan sekarang kita pergi kepada *innovation driven economy*. Daripada *primary* kepada *secondary* ke *tertiary* tahap ekonomi tetapi kemudahan yang diberikan kepada tiga bertahap *third class*. Kita tidak ada kerani, kita tidak ada *office boy*, kita tidak ada *research officer*, bagaimana kita boleh melaksanakan tugas ini dengan sebaik-baiknya? Saya sendiri, saya kena jadi kerani, saya jadi *office boy*, saya jadi *research officer* sedangkan kita ada lapan, sembilan bil untuk dibentangkan dalam masa enam hari. Ini semua memerlukan *research* kalau kita hendak memberikan sumbangan yang berkesan dan membina kepada Dewan yang mulia ini. Indonesia ada ini. Apatah lagi Amerika Syarikat ada ini. Sedangkan kita semua ini Senator. Kita semua ini bertaraf Obama dahulu sebelum dia menjadi Presiden... [Ketawa] Akan tetapi kita tidak ada kemudahan seperti Obama.

Jadi, saya cadangkan supaya sekurang-kurangnya kita diberi seorang RO bukan berkelulusan SPM. Mesti tahap kelayakannya sekurang-kurangnya *first degree*, maka imbuhan nya juga setaraf orang yang berijazah. Maka barulah dia dapat membantu kita terutama dalam perkara-perkara yang bersifat penyelidikan dan kerja-kerja lain yang boleh membantu meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kita. Benar, kita ada 15 orang RO di bawah. Akan tetapi saya sudah lalui ini dan saya berterima kasihlah sumbangan yang telah dapat diberikan. Akan tetapi, keadaan sumbangan yang dapat diberikan itu tidak sama kalau kita mempunyai RO sendiri. Kenapa tidak sama? Ini kerana mereka kena *serve*, kena memberikan perkhidmatan bukan kepada seorang.

Akan tetapi kepada semua Senator yang lain, kepada semua Ahli Dewan Rakyat yang lain. Maka sudah tentu dia tidak dapat memberikan perhatian yang penuh kepada kita seorang atau dua orang. Dalam pada itu bila dia sudah bersetuju untuk membantu kita, dia pula minta cuti. Bila *time* kita telefon, dia masih bercuti. Jadi, kita tidak boleh marah dia hendak bercuti dan kita tidak menentukan dia patut cuti atau tidak patut cuti. Ini semua menyumbang ke arah ketidakberkesannya, ketidakcekapan kita di dalam mengendalikan tugas kita. Di sinilah pentingnya kita mesti ada RO sendiri untuk membantu kita. Kalau tidak boleh tiga, empat orang, kadang-kadang setengah orang pun cukup. *Half loaf is better than nothing*. Akan tetapi oleh sebab manusia itu tidak boleh setengah, kita mintalah seorang dahulu. Minta banyak-banyak, mungkin Dato Sri Shahrizat pun tidak boleh menyokong di dalam Mesyuarat Kabinet.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kita memohon agar peruntukan yang diberi kepada kita iaitu sebanyak RM200,000 bagi tempoh tiga tahun atau lebih kurang RM68,000 setahun, kita minta apalah salah kiranya kita diberikan sekurang-kurangnya RM200,000 setahun. Maka mudahlah kita melaksanakan konsep rakyat didahulukan... [Tepuk] Satu lagi ialah kita ada elaun telefon ini. Inilah, ini juga kita kena bayar.

Selepas itu kita kena bayar faks dekat rumah, kita kena bayar telefon rumah, semuanya satu. Kita disuruh efisien dan efektif dalam zaman IT. Akan tetapi kalau saya hendak beli ini, *broadband* ini duit sendiri ini... [Menunjukkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat]

Kalau ada ini, kita akan jadi lebih efisien. Mana pun kita cucuk dekat laptop kita boleh dapat *services internet*, boleh tengok e-mel dan sebagainya. Ini yang membantu kepada kecekapan, Dato Sri Shahrizat... [Ketawa] Jadi, kalau kita tidak ada ini, kita kena bayar *streamix* tiap-tiap bulan. Itu semua tidak boleh bayar, itu semua duit sendiri. Jadi, faks kena bayar, telefon rumah kena bayar, *handphone* kena bayar, *streamix* kena bayar, ini pun kena bayar. Harga dia RM400 lebih tetapi tiap-tiap bulan, *fixed* RM98.00. Nasib baik saya ambil *fixed*, saya guna berjam-jam pun tak apa. Akan tetapi ini semua duit. Tidak ada duit, tak boleh kuit.

Sehubungan dengan itu, saya mintalah oleh sebab kebetulan Yang Berhormat Dato Sri Shahrizat, ini pun kelmarin kita sudah bantu dia dekat Kepong. Bukan hendak mengungkit-ungkit tetapi orang kata, "Ada ubi, ada batas". Bukankah? Ini kerana isteri saya dahulu rapat dengan Dato Sri Shahrizat semasa saya tinggal di Bukit Maluri, beliau... Bukit Kepong, dia...., bukan Bukit Kepong. Itu Tan Sri Jins di Kepong. Jadi kita mintalah. Dah kawan-kawan yang lama yang dahulu khabarnya jadi Senator. Sekarang sudah jadi timbalan menteri, duduk di Dewan sana. Ada dahulu jadi menteri juga bertahap Senator, tetapi sudah lupakan kami. Kita tidak tahulah benar atau tidak ungkapan Dr. Mahathir, "*Melayu mudah lupa*", tetapi saya cukup yakin kali ini, Melayu yang ini, Dato Sri Shahrizat tidak mudah lupa... [Ketawa]

■1450

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Saya mohon mencelah.

**Datuk Akbar bin Ali:** Dipersilakan.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bila tadi Yang Berhormat Datuk Akbar sebut, dia kata macam Dato' Sharizat bagus. Maknanya kita minta pandangan Yang Berhormat, kalau hendak lantik Yang Berhormat Menteri, hendak diberi Senator biarlah bagi kepada wanita, kerana wanita ini memang bagus selalu... [Ketawa]

**Datuk Akbar bin Ali:** Saya ingat begini, perempuan iaitu wanita tidak dijadikan daripada kaki lelaki untuk dipijak-pijak. Tidak juga dijadikan daripada kepala lelaki untuk disanjung-sanjung. Difahamkan wanita dijadikan daripada rusuk lelaki, tidak jauh dari jantung dekat dengan hati untuk di kasih, di sayang dan dicintai, hanya pemisah cangkul penggali. Oleh kerana itu dan sebagai Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan baru-baru ini ada *sensitive gender seminar*. Kita masih jauh dari sasaran *millennium development goal* (MDG) atas keluhan dan permintaan Yang Berhormat Sharifah Azizah tadi saya setuju.

Akan tetapi saya tidak setuju *gender equality*, saya setuju *gender sensitivity* sebab dalam konsep Islam kita kena berhati-hati, apa dia itu *equality*. Kalau itu tidak diselesaikan dengan betul dari segi syariah maka kita akan rosak iman. Sebagai contohnya orang akan selalu kata perempuan membenarkan *equal* maka dalam faraid, tidak boleh satu untuk perempuan dan dua untuk lelaki. Itu kononnya nampak tidak *equal*. Ini perlu diselesaikan. Namun begitu ada *equality* dari segi Islam supaya tidak disalah faham. Benar syurga di bawah tapak kaki suami. Dato' Sri Sharizat, syurga di bawah tapak kaki suami Dato' Sri Shahrizat, ya? Dia geleng itu. Akan tetapi benar juga syurga di bawah tapak kaki ibu. Maka Islam mengambil kira kedua-dua gender. Di situlah konsep *equality Islam*.

Kembali kepada apa yang hendak saya cakap tadi, tentang imbuhan dan sebagainya. Kita haraplah rakan-rakan kita yang jadi Senator, sebagai Yang Berhormat Timbalan Menteri dan apatah pula sebagai Yang Berhormat Menteri penuh. Suarakanlah keluhan, rintihan dan permintaan ini, ditimbangkan segera kerana sudah lama diperkatakan. Saya tahu Yang Berhormat Dato' Hajah Samsiah telah bawa perkara ini dua tiga tahun. *Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad*, saya juga difahamkan sudah lama bawa perkara ini. Cuma inilah masa kita mahu melihat sejauh mana kewibawaan, ketangkasan, keberkesanan, kecekapan, kelembutan lidah Yang Berhormat Dato' Sri Sharizat dapat membantu Senator-senator di sini dan mungkin juga Ahli Dewan Rakyat di sana.

Ini adalah kerana kita berani bercakap lebih kuat sedikit daripada bulan Disember semasa membentangkan Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama, dan pada bulan Mac dan April semasa membentangkan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua. Ini kerana daripada RM7 bilion Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama dan daripada RM60 bilion dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua, kita tidak minta satu sen pun untuk kita. Kita pertahankan, kita *argue*, dan kita bincang untuk kepentingan rakyat. Akan tetapi pada kali ini, benarkanlah kita bersuara untuk kepentingan rakyat melalui kita.

Seterusnya saya ingin berbalik kepada soal pokok tadi, impak rasuah yang saya kata nilainya RM540 bilion, sembilan kali ganda kutipan hasil dalam negeri dan 75% nilai GDP Malaysia. Saya sudah cakap tadi tentang sumbangan-sumbangan itu dan kalau kita dapat selamatkan RM540 bilion ini. Maka kita dapat mengurangkan defisit yang mana telah meningkat daripada 4.8% kepada sekitar 7% kerana sumbangan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua.

Jadi di sini, dalam keadaan ekonomi yang dikatakan kalau ikut *The Chairman of Federal Reserve, USA, Ben S. Bernanke*. Sudah nampak tanda-tanda *green shoot* tetapi mengikut *the latest estimates* oleh *World Bank*. Unjuran pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun ini bukan semakin menurun berdasarkan *the latest figure* tetapi semakin meruncing. Daripada -1.7% menurun kepada -2.9%, jadi keadaan tidak bertambah baik.

Mengikut *Economist Intelligence Unit (EIU)*, *green shoot* yang diperkatakan itu, besar kemungkinannya *in quotation "the fall dawn"*. Ini kerana pertumbuhan ekonomi tidak dilihat sebagai *the L-shape*, jauh sekali *V-shape* dan mungkin tidak *U-shape*. Apa yang besar kemungkinan sekarang ialah pertumbuhan ekonomi kita mungkin berbentuk *W-shaped*. Itulah sebabnya kenaikan sekarang yang ada sedikit *discovery* itu, adalah kerana dua sebab, pakej rangsangan dan *restocking* oleh syarikat. Ia dilihat oleh IEU berkemungkinan *W-shaped*.

Namun begitu kita beruntung kerana wawasan dan ketegasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama dan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua, nampaknya ia telah memberi tanda-tanda awal berdasarkan *leading indicator*. *The smooth six month graft* menandakan bahawa pertumbuhan ekonomi Malaysia dari segi haluannya akan berubah, daripada defisit kepada *something* yang mungkin positif. Namun *quickly* saya ingin tegaskan, kita hanya bercakap kejatuhan (*the dropping*) itu yang akan mengecil. Kejatuhan itu mungkin berhenti secara perlahan tetapi belum lagi *recover* kepada tahap yang *sustainable*.

Ini kita kena bezakan antara dua ini bila kita membaca terutamanya, *Index Purchasing Manager*. Ini satu *indicator* yang sangat bagus dari segi *leading indicator*. Kita kena berhati-hati bahawa dia memang memberikan tanda-tanda positif tetapi kita bimbang ia menjadi satu *fall down*. Apatah lagi mengikut suku pertama (*first quarter*) kadar pengangguran Malaysia telah meningkat daripada 3.3% kepada 4% yang dikeluarkan pada 30 Jun dahulu.

Bilangan penganggur meningkat daripada 350,000 kepada 400,000. Nampaknya apa yang saya katakan pada 7 April lalu hampir-hampir akan menjadi kenyataan kerana pada masa itu saya katakan saya telah unjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia bukan -1% pada tahun 2009 tetapi sekitar -5%. Tengok balik *Hansard* saya ada berkata begitu dan telah pun disahkan oleh *World Bank* bahawa kadar pertumbuhan kita tahun ini dianggarkan sekitar 4%.

Kadar pengangguran kita akan meningkat lebih daripada 4.5% kerana keadaan-keadaan yang meruncing, terus meruncing di Amerika Syarikat yang mana kadar pengangguran sudah menjangkau 9.5%. Ini memberi kesan kepada *external demand* khususnya eksport kita. Walau apa pun, usaha yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini, telah membantu mengekang kejatuhan ekonomi.

▪ 1500

Di sini sekarang kita perlu buat pilihan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun melahirkan kebimbangannya untuk terus melakukan *pump priming*, memperkenalkan *stimulus package* yang ketiga kerana beliau bimbang defisit akan menjadi lebih teruk lagi.

Jadi sekarang kita ada dua pilihan. Defisit yang semakin menjadi lebih teruk dan inflasi mungkin pula akan naik, kalau tidak pula akan *reverse* seperti Jepun berlaku deflasi, juga berbahaya.

Itu di satu pihak, di satu pihak lagi membelanjakan lebih banyak wang kerajaan untuk *stimulate* untuk merangsang ekonomi. Ini adalah dua pilihan dan dalam pilihan ini SIAP dapat membantu dengan meningkatkan integriti dengan mengurangkan ketirisan yang bernilai RM540 bilion tadi.

Di sinilah letaknya *relevancy* SIAP ini. Di sini saya ingin mencadangkan dalam keadaan sekarang yang memang benar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri perlu memikirkan secara berhati-hati terutama sebagai Menteri Kewangan yang pertama, antara dua pilihan tadi kita perlu lihat pengurusan risikonya. Risiko ekonomi akan terus bertambah buruk kerana tidak dapat rangsangan yang ketiga ataupun menguruskan risiko yang ada kaitan dengan fiskal defisit.

Pada saya seperti mana yang dikatakan oleh Paul Krugman, risiko yang berkaitan dengan defisit yang lebih besar adalah lebih rendah, ada ya, tetapi lebih rendah berbanding risiko kalau kita tidak membantu merangsang lagi ekonomi ini. Ini antara dua risiko. Kita *revisit*, melawat semula sejarah pada tahun 1930-an, *the world great depression*.

Apa yang dituliskan oleh Christina Romer, "*The Lessons of 1937*", FDR - Roosevelt, dia telah menghadapi dua pilihan ini, dia telah disalah nasihat oleh The Hawkish *on inflation and debt*. Dia telah tersalah makan nasihat daripada kumpulan ini dan beliau meninggalkan opsyen untuk merangsang lagi ekonomi Amerika pada tahun 1937. Apa kesannya? Ekonomi Amerika terus teruk dan Franklin Roosevelt hilang masa depan politiknya. Itulah risiko yang berlaku pada tahun 1937, *the lesson of 1937*.

Jadi eloklah sebelum membuat keputusan, penasihat-penasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melihat balik, "*The Lesson of 1937*" dan defisit ini saya ulangi lagi dapat dikurangkan dengan meningkatkan integriti kerana ketirisan *leakages* dapat disekat maka wang itu boleh kembali kepada kantor kerajaan.

*Now*, dari segi faedah lain dengan dilaporkan telah dikira mungkin Yang Berhormat Mulia Tengku boleh betulkan kalau saya salah. Dari segi CPI atau *Corruption Perception Index* kalau satu mata dapat dinaikkan maka FDI akan meningkat sebanyak 0.5%. Sebanyak 0.5% daripada GDP kita ialah sebanyak RM3.5 bilion dan RM3.5 bilion ini cukup banyak bagi negeri-negeri yang miskin, yang kurang *revenue* macam Perlis kawan saya ini, macam Melaka dan sebagainya.

Jadi ini boleh membantu kepada peningkatan GDP *revenue* kita dengan hanya meningkatkan satu mata CPI. Dalam masa yang sama pula kerana aktiviti ekonomi terangsang, peluang pengkajian meningkat, pendapatan bertambah dengan satu mata CPI ini, pendapatan isi rumah akan bertambah sebanyak 4%. Ini bermakna *average household income* Malaysia kira-kira RM3800, kita akan dapat kira-kira RM150 tambahan pendapatan isi rumah sebulan. Inilah antara faedah kalau rasuah dihapuskan, integriti ditingkatkan.

*Now*, kenapa juga kita perlukan SPRM dan kita perlukan SIAP kerana mengikut kajian Business Ethics Institute of Malaysia daripada 15 kelompok golongan yang dikaji, agak-agak siapa yang paling tidak dipercayai, ataupun siapa yang paling dipercayai? Kalau berdasarkan kajian ini, adakah imam dan polis paling dipercayai, adakah hakim yang paling dipercayai dan bagaimana kedudukan pegawai kerajaan terutama di kalangan penguat kuasa ini?

Mungkin kerajaan juga terdorong ataupun melihat data ini dan membantu untuk merangka SIAP ini cuma saya *caution* kajian ini. Saya rasa kajian ini tidaklah begitu tepat dari segi data integritinya dan hasilnya kerana ia ada satu kategori orang awam, orang awam ini *by definition* boleh meliputi dari orang yang berumur satu hari sampailah yang berumur paling tua dan bisu dan tidak boleh bercakap. Ini orang awam dan orang awam ini pula tidak diyakini oleh masyarakat mengikut kajian tersebut kerana kajiannya adalah di tangga yang keduabelas. Orang yang paling dipercayai ialah;

- (i) doktor;
- (ii) guru;
- (iii) profesor;
- (iv) imam dan polis;
- (v) ahli sains;
- (vi) hakim. *So*, kita perlu lihat keadaan-keadaan ini;
- (vii) pembaca berita TV;
- (viii) jurnalis;
- (ix) Pegawai Kesatuan Sekerja; dan
- (x) polis;

Kita haraplah dua orang tokoh yang saya sebutkan pagi tadi akan dapat diramaikan lagi melalui SIAP ini. Di mana kedudukan pegawai-pegawai kerajaan? Mengikut persepsi rakyat, berdasarkan kajian BEIM ini, tuan-tuan adalah di kategori kedudukan tangga yang ke-11.

Menteri, Datuk Shahrizat Jalil, nombor 13... *[Ketawa]* Lebih teruk lagi orang *business*, orang *business* ini kalau seperti guru dan doktor..., doktor kalau bercakap sepuluh perkataan, 12 perkataan boleh percaya. Guru agaknya dia bercakap sepuluh perkataan, 11 boleh percaya tetapi apabila melibatkan *business leader* ini nombor 14, dia bercakap sepuluh perkataan, 12 tidak boleh percaya... *[Ketawa]*

*Politician* paling akhir, dia cakap sepuluh perkataan, 15 tidak boleh percaya... *[Ketawa]*  
...Pasal dia nombor 15, dan saya dukacita dan kesianlah.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** *[Bangun]*

**Datuk Akbar bin Ali:** Sekejap. Yang Berhormat Mulia sudah jadi *politician* by definisi menjadi Senator agaknya jadi kedudukan Yang Berhormat Mulia mulai hari Isnin hari itu sudah jadi yang ke-15... *[Ketawa]* Dari orang yang bercakap pasal TI, hari ini beliau adalah kalangan sama-sama yang paling tidak dipercayai, nasiblah. Okey Yang Berhormat.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Saya sedikit sahaja hendak tanya termasuk Senator atau tidak itu?

**Datuk Akbar bin Ali:** Saya berasa...

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** ...Yang ke-15.

**Datuk Akbar bin Ali:** ...Kalau Senator kalau ditakrifkan sebagai *politician*, pass atau tidak pass, lulus atau tidak lulus sama sahaja. Saya berasa kita perlu akuilah Senator ini pun adalah *politician* walaupun duduk di sana ada profesor dan sebagainya. Ini pakaian baru kitalah.

#### ■ 1510

*Now*, kerana kajian ini yang cukup jelas menunjukkan persepsi rakyat terhadap kita semua termasuk pegawai penguat kuasa. Maka, sudah wajarlah kerajaan memperkenalkan SIAP ini untuk menangani, mengatasi masalah persepsi integriti ini. Kita boleh mengeluh, kita boleh marah, kita boleh caci, kita boleh kritik tetapi, yang penting apa hendak buat untuk mengatasi masalah ini dan inilah usaha kerajaan...

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Boleh saya mencelah?

**Datuk Akbar bin Ali:** ...Memang suka mencelah. Okey, terima kasih.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** *[Ketawa]*. Nakal dia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tadi, bila disebut nombor 15 itu macam tidak berpuas hatilah. Adakah kerana kita ini ditakrifkan 15 kerana kita selalu menjadi *public figure*, orang yang benar-benar disukai dan juga orang yang boleh membawa sesuatu kepada mereka, sebab itu kita kadang-kadang ini terpaksa menipu. Pertama, gaji tidak berapa cukup sekarang. Kedua, peruntukan tidak cukup. Ketiga, tempoh perkhidmatan ini daripada tiga tahun jadikan ke lima tahun. Terima kasih.

**Datuk Akbar bin Ali:** Ya. Saya rasa, oleh kerana ini adalah kajian persepsi ya, apa Yang Berhormat sebut itu walaupun tidak tepat 100%, memang ada unsur-unsur kebenarannya. Itu sebabnya saya katakan tadi, sebenarnya Puan Hajah Sharifah Azizah mengukuhkan lagi hujah saya, menjadi hujah kita, menjadi *collective ownership*. Syor-syor yang saya kemukakan tadi, tolonglah ditimbang secara positif oleh Kabinet yang diwakili oleh Yang Berhormat Dato Sri Shahrizat Abdul Jalil petang ini. Okey. Jadi, apa yang hendak saya katakan tadi...

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Minta laluan ya?

**Datuk Akbar bin Ali:** Oh, okey Datuk Haji Roslan bin Awang Chik.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ayat ketiga baru bercakap sebab menghormati Datuk sebagai orang Terengganu, ulung-ulung kali boleh menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Saya berasa bangga dan mengucapkan tahniah walaupun terlambat... [Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Daripada hujah Yang Berhormat yang memperkatakan tadi bahawa ukuran integriti ini merupakan 'wang'. Apabila wang itu ditambah maka, integriti itu bertambah. Pada persepsi yang saya dapat Yang Berhormat memberi hujah-hujah bahawa gaji dinaikkan maka, integriti pun naiklah. Adakah itu dimaksudkan begitu? Kalau itulah dimaksudkan, saya teringat satu pepatah Tun Sri Lanang, "*Emas engkau bukan Tuhan, tetapi berlaku sehendak hati*", ataupun pepatah Arab berkata, "*Kalau aku tidak beriman, nescaya aku sembah engkau dinar*". Jadi, apabila Yang Berhormat mengatakan bahawa integriti ini boleh menaikkan integriti seseorang itu melalui kenaikan gaji, melalui kenaikan elaun supaya mencukupi kehendak-kehendak naluri kehidupan mereka. Maka, sudah tentu merupakan bahawa ukuran kita dalam integriti ini hanya wang. Saya harap Yang Berhormat boleh memberi penjelasan dan agaknya salah tanggapan saya. Terima kasih.

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik. Sebenarnya Yang Berhormat Datuk Haji Roslan memberi peluang pula kepada saya, kalau saya tersilap saya membetulkan, kalau saya kurang jelas, saya menekankan lagi. Sebenarnya, tadi saya sudah mengatakan dengan syor-syor saya kemukakan tadi, peningkatan elaun, banyak kemudahan seperti RO dan sebagainya membantu kita membeli, termasuklah *broadband* ini. Ia bukan semuanya berunsur kewangan. Ia berunsurkan kewangan dan kemudahan yang boleh membantu meningkatkan kecekapan dan keberkesanan tugas kita iaitu merupakan sebagai integriti kerana kalau kita berjanji, kita tidak mampu menunaikannya maka, integriti kita tercemar.

Jadi, ia ada dua aspek iaitu satu aspek kewangan dan satu lagi bukan aspek kewangan khususnya terutamanya perkhidmatan. Apabila perkhidmatan yang kita janjikan kita tidak dapat tunaikan, itu boleh mencemar, merosak dan merobek integriti kita. Itu maksud saya Datuk Haji Roslan ya. Sebagai contoh, kalau saya ingin tekankan, kalaulah hendak menjadi *first class* Senator tadi, kita memerlukan pengetahuan yang luas, kita memerlukan maklumat yang banyak, dan kita boleh menyumbang kepada... Oh! Dato Sri Shahrizat terpaksa lari lagi, kerana nanti saya akan minta lagi. Jadi, dibenarkan, tidak boleh. Saya gembiralah, sekurang-kurangnya Dato Sri Shahrizat sudah janji tadikan, akan membawa ke Kabinet. Sahaja aku terima. Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua jika itu mencemarkan sedikit Dewan.

Apa yang hendak saya tekankan Datuk Haji Roslan ialah kalau kita diberikan kemudahan-kemudahan yang boleh meningkatkan perkhidmatan kita maka, ia membantu meningkatkan kecekapan dan sekali gus boleh membantu meningkatkan integriti kerana kita berjaya melaksanakan tugas. Melaksanakan amanah itu adalah sebahagian daripada integriti.

*Now*, tadi saya ada mengatakan bahawa dengan mengurangkan rasuah meningkatkan integriti, ia boleh menyumbang kepada FDI dan boleh menyumbang kepada GDP. Ini semua tidak semestinya kewangan kerana perkhidmatan yang baik ia akan mempercepatkan pengeluaran lesen misalnya, maka ia akan mengurangkan beban hutang yang ditanggung syarikat kerana berhutang kepada bank. Kalau perkara yang boleh diluluskan dalam masa seminggu berbanding tanpa integriti memerlukan tiga bulan hingga enam bulan. Bayangkan kalau ia meminjam RM100 juta, kadar faedah bulanannya berapa banyak? Kalau ia dapat dilaksanakan dalam masa yang singkat, dua hari lesen diluluskan seperti di Australia maka, bayaran faedah kepada bank dapat dibuang, dapat dikurangkan.

*Now*, saya ingin tegaskan di sini bahawa kita boleh meningkatkan GDP, kita boleh menarik lebih banyak FDI melalui salah satu cara bukan *the only thing* tetapi, salah satu cara dengan meningkatkan integriti. Jadi, di sini saya ingin tegaskan bahawa tidak semestinya dasar *affirmative* yang dilaksanakan sejak tahun 1970 mengekang pertumbuhan ekonomi, mengekang kemasukan FDI. Apatah lagi, sudah pernah saya katakan di Dewan ini bahawa dalam tempoh 1970 sehingga tahun 2008 bagi tempoh tiap-tiap sedekad, kadar pertumbuhan GDP kita adalah melebihi 5% dan ada masa kita mencecah 9% dan 10%. Jadi, adalah tidak benar saya rasakan berdasarkan fakta ini apatah lagi ditambah dengan FDI yang meningkat contohnya, tahun lepas sekali ganda daripada apa yang disasarkan oleh *industrial master plan*. Jadi, tidak nampak dasar-dasar yang berunsur *affirmative* itu boleh mengekang pertumbuhan ekonomi dan boleh menyebabkan FDI tidak masuk ke negara ini.

Jadi, dalam usaha kita benar-benar hendak liberalisasi ekonomi dan hendak mengamalkan meritokrasi yang mana seolah-olahnya sekarang sebagai satu *religion*. Kalau mengikut Karl Marx, *religion is the opium of the masses*. Kita harap meritokrasi ini dan liberalisasi ini bukanlah satu *religion*. Jangan salah faham, bukan bermakna saya tidak menyokong meritokrasi dan liberalisasi, saya sokong kerana ini boleh meningkatkan daya saing dan boleh meningkatkan daya tahan dan daya maju. Cuma, ia mestilah dilaksanakan dalam keadaan padang permainan yang sama rata, barulah pertandingan itu adil, barulah keadilan sosial dapat dicapai. Ini kerana, *the ultimate* ialah keadilan sosial bukan liberalisasi. Apatah lagi dalam keadaan sekarang Amerika sudah peluk semula dasar perlindungan, Britain sudah peluk semula dasar perlindungan, *British job for British workers*.

Akan tetapi, kita sekarang hendak pergi terus ke liberalisasi dan kita harap supaya berhati-hati supaya tidak ada orang yang terbunuh dalam proses ini. Ini kerana kalau padang tidak sama rata maka, ia adalah satu pakej baru, satu imej baru yang merupakan imej lama *the law of the jungle* yang dipakejkan semula di mana *the survival of the fittest* yang hanya boleh hidup. Jadi, sebelum duduk, melunjurlah dahulu. Sebelum terantuk, tengadahlah dahulu. Jadi saya cadangkan dasar meritokrasi ini memang baik, liberalisasi juga boleh merangsangkan ekonomi tetapi yang kita nak capai ialah keadilan sosial, maka padang permainan itu hendaklah diratakan supaya sama adil.

■1520

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Yang Berhormat menimbulkan langkah liberalisasi yang telah mula diambil oleh kerajaan semacam kebimbangan telah Yang Berhormat timbulkan. Adakah kebimbangan ini ada hubungannya dengan kedudukan bumiputera yang selama ini ramai orang memikirkan dengan langkah-langkah yang sedia ada cukup untuk melindungi mereka tetapi apabila diperkenalkan liberalisasi, maka terbuka, terdedahlah bumiputera ini kepada satu keadaan yang barangkali apa Yang Berhormat katakan tadi bermain di padang yang sama rata. Adakah maksudnya begitu? Terima kasih.

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Bagi saya, padang yang sama rata itu memang perlu dan dia perlu bukan sahaja bumiputera, diperlukan oleh semua *disadvantage group*, semua kumpulan yang kurang bernasib baik perlu dibantu supaya dapat dinaikkan tahap mereka ke padang yang sama rata dan kalau ada di kalangan itu kaum Cina misal kata, merupakan golongan yang juga tidak bernasib baik, India dan bumiputera, maka semua ini patut dibantu. Sebenarnya, kebimbangan ini adalah kebimbangan ramai kerana misal kata berdasarkan biasiswa nasional yang telah diumumkan dahulu, 68% telah dapat diperolehi oleh satu kumpulan dan 32% hanya diberikan kepada satu kumpulan yang lain.

Kalaulah 68% ini merupakan kumpulan yang begitu beruntung dan 32% ini termasuk dalam kumpulan yang kurang beruntung, maka padang permainan itu tidak rata. Oleh itu, pertandingan tadi, *competition* tadi haruslah mengambil kira stratifikasi sosial. Kalau kita ambil biasiswa bidang pendidikan, maka kumpulan sekolah-sekolah di bandar yang lengkap dengan prasarana, dengan guru yang berkualiti satu kumpulan berbeza dengan stratifikasi sosial sekolah-sekolah di luar bandar yang tidak lengkap dan ada satu stratifikasi sosial yang lain di mana ada sekolah berasrama penuh, ada guru yang di kawasan *urban rural*, ini semua perlu diambil kira supaya pertandingan itu benar-benar adil.

Meritokrasi bagus tapi meritokrasi itu tidak boleh dilaksanakan dalam *vacuum*. Dia mesti mengambil kira konteks keadilan sosial. Namun begitu, saya cukup lega apabila saya membaca surat khabar hari ini, Perdana Menteri telah menghuraikan lagi, telah memberikan gambaran yang lebih jelas bahawa apa yang saya bimbangkan ini akan diambil kira dalam usaha memajukan prinsip meritokrasi dan liberalisasi. Kita lihatlah contohnya bagaimana Ekuinas ini akan dilaksanakan kerana pelaksanaan Ekuinas itu pun kita masih samar-samar dan kita perlu beri perhatian macam kata Datuk Devamany tadi, perlu beri masa untuk dijelaskan dan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Stephen Covey kata, daripada tujuh *habits* itu, salah satunya ialah matlamat, mengutamakan matlamat. Jadi, apakah matlamat SIAP ini? Dengan memikirkan *the end*, matlamatnya, sudah tentu kita akan dapat outputnya ialah undang-undang ini. *Outcome* nya seperti mana yang dihuraikan dalam rang undang-undang ini ada tiga perkara.

- (i) rasuah dapat dibasmi/dikurangkan;
- (ii) integriti dapat ditingkatkan; dan
- (iii) keyakinan dapat dimantapkan.

Ini *outcome* nya. Dalam pada itu, daripada tiga *outcome* ini kita akan dapat lihat nanti sepuluh *outcome* yang lain. Subsidiari kalau saya boleh katakan. Pertama sekali, sudah pasti kalau semua orang laksanakan integriti ini dan diawasi serta dipantau pula, kecekapan dan keberkesanan akan meningkat. Ini bermakna, kalau kita lihat daripada *the ease of doing business*, kedudukan Malaysia pada tahun 2007 adalah di kedudukan yang ke-25. Jauh dari Singapura yang mempunyai kedudukan pertama, New Zealand kedudukan kedua.

Kita perlu tingkatkan kedudukan 25 ini kepada sekurang-kurangnya *the top ten*. Alhamdulillah, pada tahun 2008, kita telah dapat memanjat lima tangga lebih tinggi ke tahap ke-20. Ini belum cukup bagi kita. Maka, SPRM dan SIAP ini adalah antara *vehicle* yang dijangka dapat membantu meningkatkan kecekapan kita. Dalam pada itu, kalau kita lihat berdasarkan *the ease of doing business* juga, nak dapatkan *license* Dato' Yip ya, cukup susah daripada PBT bukan? Disebabkan kita di tangga yang ke-105. Kita memerlukan 285 hari berbanding Korea 34 hari, berbanding pulau kecil di Pacific Island, Vanuatu hanya 51 hari.

Jadi, kita memang banyak ruang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan kedudukan kita. Daripada segi *starting a business*, kita di tangga yang ke-74 kerana kita memerlukan masa 24 hari berbanding Australia saya katakan tadi hanya dua hari. Nak *register a property*, kita di tangga yang ke-67 kerana memakan masa 114 hari berbanding New Zealand, Thailand dan Sweden hanya dua hari. Tuan Yang di-Pertua, kita tidaklah seburuk itu dalam semua bidang. Kita mempunyai kecekapan dalam *getting a credit*, dalam *protecting investors*. In *getting credit*, kita berada di kedudukan yang ketiga selepas Hong Kong dan UK dan kita berada di kedudukan yang keempat selepas New Zealand, Singapura dan Hong Kong.

Jadi, kalaulah dalam dua aspek ini kita boleh cekap dan berkesan, bermakna ada cahaya untuk kita meningkatkan kecekapan dalam bidang-bidang yang kita masih lemah itu. Kalaulah kita dapat tingkatkan kecekapan ini, maka barulah Kuala Lumpur boleh jadi salah satu bandar raya yang mengikut *The Quality of Living Index's* yang dibuat oleh Mercer Human Resource Consulting. Kita akan duduk sama tinggi, berdiri sama rendah dengan Zurich dan Geneva yang mempunyai kedudukan pertama dan kedua dan kita boleh seharum Denmark, Iceland dan Finland.

Dengan kecekapan ini, maka kita akan boleh bertahan di *red ocean* apabila kita bertanding dan kita boleh menumpukan pula *in uncontested market space or the blue ocean*, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masanya kita memperkenalkan SIAP ini kerana kedudukan kita masih berlegar dengan angka 5.1 berdasarkan CPI pada tahun 2007 dan 2008. Kedudukan angka ini adalah lebih buruk kalau kita banding pada tahun 2003 di mana pada masa itu skor kita ialah 5.2. Jadi kalau dulu kita boleh capai 5.2, maka tidak susah kalau untuk kita pertingkatkan ke tahap yang lebih tinggi.

Dalam pada itu yang agak membimbangkan juga, mengikut kajian Institut Integriti Malaysia (IIM), indeks persepsi tahap rasuah yang dibuat kajian oleh IIM tadi, pada tahun 2006, skor kita adalah agak tinggi iaitu 7.04. Malangnya pada tahun lepas, dia menurun kepada 6.76 dengan ini semakin mendesaklah bagi kerajaan untuk memperkenalkan SIAP ini bagi memperbaiki tahap integriti kalangan pegawai kerajaan kita. Jadi tadi saya bercakap satu daripada *outcome* yang lain ialah kecekapan dan keberkesanan meningkat.

#### ■1530

Kedua dia akan meningkatkan produktiviti, kerana lebih banyak masa digunakan untuk bekerja bukan berada di bilik air menghisap rokok, bukan sebelum pukul 5.30 petang sudah pergi yang perempuan tepek, tepek pipi dengan gincu dan bedak. Ini semua sebahagian daripada amanah, kalau masa yang digunakan untuk kerja tidak digunakan untuk kerja. Mengikut kajian yang dibuat, pegawai kerajaan ini minta maaf kalau salah kajian ini salahlah. Daripada masa yang diperuntukkan daripada pukul 8 pagi sehingga pukul 5 petang atau 5.30 petang dari 8.30 pagi, masa sebenar bekerja hanyalah antara 60% ke 65%. Akan tetapi gaji dibayar untuk 100% masa, setelah ditolak macam-macam masa duduk di kantin dan sebagainya, telefon.

Kalau dia cakap lama-lama tu, “ya yang, okey, abang sibuk tapi masih boleh bercakap”, jangan, itu *girlfriend* tetapi, kalau “abang sibuk ni, balik kang cakaplah”, itu dengan isteri... [Ketawa] Saya bercakap memang benda yang biasa, kalau benda yang pelik orang tak percaya, dan saya mewakili *homo sapiens* seperti inilah. Jadi kalau nak pengalaman lagi Yang Berhormat ya, macam juga daripada jauh kita tengok kereta, kalau ada lelaki tu bukakan pintu, itu ada dua kemungkinan, sama ada kereta tu baru takut yang perempuan ni hempaskan pintu atau itu *girlfriend*.

Kalau lagi jauh lagi kita tengok, jadi sama ada itu *girlfriend* dia atau itu kereta baru. Tapi kalau dia tak buka itu gerenti isteri.

Yang ketiga, faedahnya dan kerajaan sedar faedah ini dan kita harus *vocalize* kebaikan ini. Kos pengeluaran akan berkurangan kerana *inversely* bila produktiviti meningkat, kos pengeluaran mesti menurun. Daya saing akan bertambah kukuh dan ini amat penting dalam era liberalisasi dan globalisasi. Para pelabur akan bertambah yakin dan ketujuh peluang pekerjaan akan menokok dan kelapan pendapatan sudah pasti akan meningkat, kesembilan kemiskinan akan menurun dan kesepuluh penyakit sosial akan berkurangan. Inilah faedah yang boleh kita dapat sekiranya SIAP ini bukan sekadar diluluskan, tetapi dilaksanakan sepenuhnya oleh kakitangan kerajaan, khususnya penguat kuasa. Lalu impaknya ialah kemakmuran akan bertambah ruang, keamanan akan terjamin kerana tidak ada sosial *problem*, tak ada *socially* ataupun amat sedikit penyakit-penyakit ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, berapa lama lagi, panjang lagi ucapan Yang Berhormat?

**Datuk Akbar bin Ali:** Kalau nak dipendekkan, saya pendekkanlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Akbar bin Ali:** Oleh sebab mungkin saya kena bagi peluang orang lain Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, selain daripada Dato' Hajah Saripah Aminah, yang saya nampak tercatat yang hendak berbahas, ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain. Ramai lagi Yang Berhormat.

**Datuk Akbar bin Ali:** Baik,

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Akbar bin Ali:** Oleh sebab banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hampir sepuluh orang Yang Berhormat.

**Datuk Akbar bin Ali:** Oh ya betul. Kalau begitu saya rasa eloklah bagi faedah kawan-kawan yang lain, saya pendekkan ini supaya sumbangan idea daripada kawan-kawan yang lain juga dapat didengar oleh Dewan yang mulia ini.

Cuma saya ingin menarik perhatian, berhubung dengan rang undang-undang ini. Di Jadual yang terdapat di muka surat 35, dia ada menyenaraikan 21 agensi yang diliputi oleh rang undang-undang ini. Saya lihat Jabatan Perhutanan yang ada juga Unit Penguat Kuasa, LHDN yang juga terdapat Unit Penguat Kuasa tidak diliputi. Kemudian PBT yang paling banyak menghadapi masalah juga tidak disenaraikan, tetapi saya tidak tahulah sama ada dia terangkum di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kalau terangkum tidak mungkin kerana PBT adalah *under the State List*. Dan oleh sebab dia negeri, maka undang-undang ini tidak merangkum jentera kerajaan negeri, saya perlukan mohon penjelasan.

Selain daripada itu, ada di perkara 1 cerai (5), secara jelas disebutkan SPRM tidak diliputi, mungkin ada kebijaksanaan dan ada penjelasan yang munasabah dari segi undang-undang kenapa tidak diliputi, mungkin sudah tersebut di mana-mana, cuma saya tidak tahu, saya mohon diberikan penjelasan. Dalam pada itu pula, kalaulah SIAP ini dengan anggota-anggotanya memantau 21 agensi ini, saya nak tanya, yang pegawai SIAP ini siapa pula nak pantau integriti dia? Kita tidak boleh terus *assumed* semua ini malaikat-malaikat belaka, jadi adakah pula mereka ini *discover* oleh SPRM atau macam mana ya, mohon penjelasan. Walaupun ada yang lain yang hendak saya perkatakan, saya rasa cukuplah saya berhenti di sini Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, saya dengar hampir satu jam perbahasan Yang Berhormat tadi, cuma saya mendapati yang akhir-akhir itu yang agak menarik sikitlah, yang mungkin menjadi tarikan yang boleh diberi perhatian oleh pihak yang berkenaan. Silakan Dato' Hajah Saripah Aminah.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan bagi saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah mengemukakan Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini. Ini bermaksud kerajaan berhasrat untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ataupun SIAP bagi mengawasi termasuk menyiasat dan mengambil tindakan terhadap pegawai penguat kuasa yang salah laku.

RUU ini bertujuan mempertingkatkan integriti agensi penguatkuasaan, mengurangkan salah laku dalam kalangan pegawai penguat kuasa, dan memupuk keyakinan yang ramai terhadap agensi penguatkuasaan ini. Fasal 4(1) akta berkenaan telah menggariskan lapan fungsi utama suruhanjaya termasuk menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap pegawai, penguat kuasa atau agensi penguat kuasa seterusnya mengadakan siasatan, mengadakan pendengaran berhubung aduan berkenaan.

Rang undang-undang ini juga menunjukkan penambahbaikan seperti penubuhan Jawatankuasa Aduan, terdapat juga kuasa suruhanjaya untuk menyiasat salah laku dan mengadakan pendengaran secara terbuka. Dalam melaksanakan fungsi-fungsinya apakah langkah suruhanjaya dalam melindungi kepentingan orang awam atau orang ramai yang telah membuat aduan di samping fungsi-fungsi suruhanjaya ini yang agak luas. Apakah matlamat sebenarnya rang undang-undang ini dibentangkan?

Dari fungsi yang dinyatakan ini, tafsiran ringkas yang dapat dibuat adalah dua perkara penting, iaitu satu sebagai tempat pengumpulan segala aduan salah laku pegawai penguat kuasa bagi melindungi kepentingan orang ramai, iaitu seksyen 4(a), (b), (c) dan dua sebagai Badan Pemantauan dan Penasihat untuk menambahbaikkan kepada agensi penguat kuasa iaitu seksyen 4 (d), (e) dan (f).

■ 1540

Tuan Yang di-Pertua, untuk menerima aduan rasanya mungkin suruhanjaya tidak mempunyai masalah. Cuma cadangan saya apabila akta ini dilaksanakan kemudahan-kemudahan tempat lokasi atau pejabat untuk menerima segala aduan haruslah menjangkau ke kawasan-kawasan pedalaman dalam negara ini. Kita tidak mahu masyarakat luar bandar mempunyai kesukaran untuk membuat laporan. Mengapa saya berkata demikian, melalui pengalaman yang ada apa-apa pelaksanaan sesuatu perkara atau dasar baru masyarakat luar bandar selalunya terpinggir. Sebagai contoh harga barangan walaupun kerajaan telah menyediakan harga siling namun kesan daripada proses penguatkuasaan yang lemah kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman ini masih lagi tertindas.

Satu lagi isu yang saya ingin utarakan adalah kemampuan badan ini untuk menyelesaikan satu penyiasatan aduan sebelum ianya dirujuk kepada badan-badan tertentu yang berkaitan. Kita sedia maklum isu kecekapan agensi dan pegawai penguat kuasa sering diperlekehkan dan diperkatakan oleh orang ramai. Proses penerimaan aduan yang banyak birokrasi, dan masalah penyelesaian aduan yang lembap dan perlahan secara tidak langsung menampakkan kelemahan sesuatu agensi penguatkuasaan.

Justeru itu saya ingin mencadangkan agar satu tempoh masa yang tetap ditentukan mengikut jenis-jenis kesalahan supaya orang ramai boleh menyemak dan meletakkan kepercayaan mereka kepada badan ini dalam usaha membantu mereka menyelesaikan masalah. Ini kerana seperti yang kita maklum banyak aduan salah laku yang dilaporkan kepada agensi penguat kuasa dipendamkan atau dibiarkan berlarutan atau lebih malang langsung tidak dihiraukan kerana tidak ada satu tempoh tetap yang khusus untuk menyelesaikan satu-satu aduan. Saya juga ingin mencadangkan agar tempoh masa penyiasatan sesuatu aduan itu dijadikan salah satu *indicator* penanda aras KPI bagi suruhanjaya ini.

Pembentangan rang undang-undang ini juga menunjukkan komitmen kerajaan untuk menangani masalah yang berlaku dalam masyarakat berhubung dengan penguatkuasaan oleh agensi lebih 20 penguatkuasaan sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA), Jabatan Kastam Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan sebagainya.

Bolehkah kerajaan menjelaskan setakat manakah kesungguhan kerajaan dalam melaksanakan rang undang-undang ini kerana kita khuatir walaupun mempunyai rang undang-undang yang baik seperti Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini tetapi pelaksanaannya sering kali lemah. Tindakan yang tegas dari kerajaan adalah penting terutamanya untuk menghakis pandangan orang ramai terhadap pegawai penguat kuasa khususnya yang berkaitan dengan rasuah dan sebagainya.

Saya ingin menyentuh fasal 5 rang undang-undang ini berhubung dengan keanggotaan suruhanjaya yang mengandungi tidak lebih dari tujuh orang termasuk seorang pengerusi dan seorang timbalan pengerusi. Apakah rasionalnya kerajaan menetapkan bilangan keanggotaan suruhanjaya ini yang agak terhad? Tidakkah kerajaan bercadang melantik ahli suruhanjaya ini mewakili setiap negeri? Bolehkah kerajaan menjelaskan kriteria pemilihan anggota suruhanjaya ini?

Akhirnya saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan di atas pembentangan rang undang-undang ini yang begitu komprehensif khususnya menangani masalah salah laku pegawai penguat kuasa dan diharapkan agar ianya akan menaikkan imej semua pegawai penguat kuasa seterusnya imej dan integriti negara.

Saya juga ingin menyokong sepenuhnya syor yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali tadi tentang persepsi yang Senator tidak ada kawasan. Senator ada dilantik melalui kerajaan negeri dan juga oleh Yang di-Pertuan Agong iaitu *Federal Seat*, dengan izin. Kawasanya terlalu luas. Tuan Yang di-Pertua, kita bayangkan yang dingin sahajalah yang kita sekarang melalui. Berkenaan dengan elaun bulanan pula, elaun bulanan Senator dan juga pencen. Tuan Yang di-Pertua kalau berkhidmat satu penggal pencennya cuma RM1000 lebih sedikit dan kalau penuh penggal yang kedua pencennya RM2050. Lebih sedikit dari paras kemiskinan bandar. Bagi yang seribu itu taraf langsung kemiskinan.

Selepas pencen, bayangkan kalau dahulu kita didatangi oleh orang-orang kampung, anak-anak yatim, anak-anak kita yang hendak pergi ke IPTA dan IPTS, ibu-ibu tunggal minta bantuan dan lain-lain sedangkan bila kita pencen mungkin kita juga perlu bantuan. Bagaimana kita hendak bantu orang-orang ini sedangkan kita selepas pencen atau kalau sakit duit pencen tidak cukup untuk beli makanan lebih-lebih lagi membeli *pampers*. Saya rasa kualiti MP Dewan Rakyat dan Dewan Negara patut diselaraskan. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Yip Kum Fook.

**3.46 ptg.**

**Dato' Yip Kum Fook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009.

Terlebih dahulu saya mengalu-alukan Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini. Kita menghadapi segelintir penguat kuasa yang kurang berintegriti. Kita jangan disebabkan nila setitik rosak susu sebelanga.

Tuan Yang di-Pertua, pada keadaan sekarang ini kita terdapat penguatkuasaan yang kurang memuaskan. Kalau kita tengok selalunya terdapat penguat kuasa yang kurang arif dari segi undang-undang. Mereka kadang-kadang mengeluarkan saman yang tidak betul, yang tidak mengikut undang-undang kecil atau *by law* mereka. Ini telah banyak menimbulkan khasnya masalah di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Saya setuju dengan Datuk Akbar bin Ali yang telah mengatakan dia pun tidak faham mengapa PBT tidak dimasukkan dalam jadual subseksyen 4 di dalam rang undang-undang ini. Mungkin benar itu adalah di bidang kuasa pihak berkuasa negeri tetapi saya tidak mahu ini dijadikan satu alasan bahawa penguat kuasa selalu tidak mengambil penguatkuasaan kerana mereka tidak tahu bidang kuasa sesiapa. Perkara ini hendaklah dijelaskan dengan lebih jelas lagi.

Satu lagi kita selalu kata kalau tidak buat tak salah, kadang-kadang kalau *you* buat salah. Itu lebih teruk. Penguat kuasa kadang-kadang dia enggan menjalankan penguatkuasaan kerana kalau dia tidak menjalankan penguatkuasaan dia kemungkinan tidak bersalah sebab dia kurang arif dalam undang-undang.

Seksyen dua tafsiran mengenai kesalahan tatatertib perkara ini telah meletakkan kalau tidak mengambil tindakan itu pun menjadi satu kesalahan. Ini adalah bagus sebab dengan izin, *omission* itu adalah satu kesalahan dari segi undang-undang dan ketiga kita mempunyai banyak akta melindungi pegawai yang membuat kesalahan kerana kebanyakan undang-undang atau akta yang kita ada pada hari ini mempunyai satu *exclusion course* iaitu akta boleh melindungi atau Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.

#### ■1550

Tiada tindakan boleh diambil terhadap pegawai berkenaan sekiranya ia menjalankan tugas. Jikalau ikut tafsiran dia, tidak mempunyai niat yang jahat. Ini telah memberi peluang kepada mereka yang bersalah itu boleh lari daripada Undang-undang Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 4 mengenai fungsi suruhanjaya ini. Suruhanjaya ini menerima aduan salah laku daripada orang ramai tetapi kalau kita baca seksyen 23(2)(a). Dalam seksyen berkenaan, butir-butir pengadu hendak diberitahu. Siapa lagi berani beri aduan kepada pihak berkuasa ini, suruhanjaya ini sekiranya semua butir-butir diberitahu dan tidak dijaga. Saya sudah baca dari muka satu hingga ke hujung, tiada satu seksyen yang mengatakan butir-butir itu harus disulitkan. Ini satu kepincangan kalau dari segi undang-undang yang kita hadapi pada masa sekarang. Sekiranya pengadu tidak dilindungi sama sekali, maka sudah tentu aduan akan berkurangan.

Seksyen 4 juga mengatakan fungsi suruhanjaya adalah menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap pegawai penguat kuasa. Teguran saya, kita harus boleh menerima aduan daripada orang ramai tetapi butir-butir hendaklah disulitkan.

Seksyen 17 mengenai anggota pasukan bertugas. Anggota pasukan bertugas mempunyai semua kuasa penyiasatan di bawah Kanun Keseksaan. Siapa yang akan memastikan pegawai itu benar-benar arif dalam undang-undang kerana semua anggota bukan suruhanjaya sahaja. Seksyen 17 mengatakan semua anggota. Jadi, sangat bahaya kerana sekiranya kita baca seksyen ini dengan satu seksyen yang lain iaitu seksyen 41, di mana anggota ini boleh memberhentikan dan memeriksa orang atau kenderaan sekiranya disyaki ada menyalahgunakan kuasa.

Akan tetapi, soalan saya sekiranya seseorang itu belum mendapat aduan macam mana pegawai kita boleh pergi memberhentikan atau memeriksa orang yang berkenaan? Itu mesti setelah pegawai menerima aduan. Selepas menerima aduan kenapa tidak pergi memohon waran? Ini kerana waran tidak diperlukan dalam undang-undang ini. Ini kerana pegawai boleh menyita atau penggeledahan dan penyitaan adalah tanpa waran. Ini sangat bahaya. Ini mungkin *open for corruption*, dengan izin.

Sebenarnya di dalam KPKT iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Bahagian Penguatkuasaan adalah dari segi rancangan perumahan sahaja tetapi saya tidak faham seperti kata rakan saya tadi PBT tidak dimasukkan dan bahagian bomba. Kenapa dikecualikan? Oleh kerana banyak perkara telah disentuh oleh rakan saya, saya ingin mengakhiri ucapan saya ini dengan serangkap pantun...

**Dato' Wong Siong Hwee:** Minta laluan, minta laluan.

**Dato' Yip Kum Fook:** Silakan.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat Dato' Yip itu hendak mengakhiri ucapan dia, maka saya ambil kesempatan di sini untuk minta laluan untuk saya bercakap pada petang ini.

Saya amat dukacita sekali. Pada dua hari lepas iaitu pemimpin, boleh dianggap sebagai seorang pemimpin yang berpengalaman, sudah berapa belas tahun sudah jadi wakil rakyat. Jadi, pada dua hari lepas, selepas pemimpin tersebut hadir atau datang ke Dewan Negara, datang sebagai pemerhati oleh kerana pemimpin atau pun wakil daripada parti beliau dilantik sebagai Ahli Dewan Negara. Pemimpin tersebut adalah Yang Berhormat Lim Kit Siang.

Pada hari ini saya berasa amat dukacita sekali. Dalam akhbar Cina, akhbar bahasa Melayu dan Inggeris tidak ada. Apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Lim Kit Siang itu, maka saya rasa telah menghina Ahli-ahli Dewan Negara. Apa beliau sebut? Dia kata Dewan Negara, di Dewan yang mulia ini adalah tempat pembuangan sampah! Tempat pembuangan sampah telah dikatakan oleh Yang Berhormat Lim Kit Siang.

Maka, kita semua ini sampah termasuk ahli yang telah dilantik baru-baru ini. Ahli dari DAP pun sampah. Yang Berhormat Tunku pun sampah. Tunku telah sebut semalam bahawa 43 tahun DAP pertama kali dapat masuk ke Dewan yang mulia ini. Maka, DAP telah menghantar sampah masuk ke Dewan ini. Saya rasa amat tidak adil bagi kita semua.

■1600

Integriti, manakah integriti beliau? Apa tindakan yang perlu kita ambil terhadap dia yang telah menghina kita semua? Ini bukan di *market*, ini di Dewan. Boleh dia kata kita semua ini sampah? Baik, katalah kita ini sampah, tempat pembuangan sampah, saya nak jadikan dia sebagai anjing liar. Anjing liar sentiasa membawa anak-anaknya pergi ke sampah, cari makan. Saya berharap Yang Berhormat sampaikan mesej kepada bos Yang Berhormat. Kalau dia kata kita sampah, dia lebih sampah lagi... *[Ketawa]* Jadi saya amat dukacita sekali dan satu lagi...

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tadi minta laluan dengan Dato' Yip Kum Fook yang nak akhiri perbahasan dia... *[Ketawa]* Jadi saya minta supaya kalau apa Yang Berhormat nak cakap itu dah jelas, mungkin saya minta Dato' Yip jelas dan lepas itu, ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Okey, satu lagi, satu lagi. Atas pelantikan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, ada juga di dalam akhbar Cina. Ia mempertikaikan pelantikan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara kita. Apa sebenarnya semua ini? Saya rasa kalau lantik dia, tidak ada masalahlah, kalau lantik orang lain semua tak kena. Saya menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian termasuk Yang Berhormat daripada DAP, mesti ambil tindakan tegas. Saya minta Yang Berhormat Lim Kit Siang tarik balik dan minta maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Sekian terima kasih... *[Tepuk]*

**Dato' Yip Kum Fook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya suka menyokong percakapan Yang Berhormat tadi. Kesimpulannya, kita selalu ada mendengar, saya seorang yang beragama. Orang-orang tua saya selalu mengatakan dan mengajar saya bahawa apa yang kita cakap itu melambangkan apa yang kita fikir atau di dalam hati sanubari kita. Sekiranya kita cakap orang sampah, bermakna dalam hatinya penuh dengan sampah, dalam matanya penuh dengan sampah. Itu ajaran orang tua saya... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak akhiri dengan serangkap pantun,

*Petang-petang memburu rusa,*

*Jangan sampai terjumpa hantu,*

*Mentang-mentang memegang kuasa,*

*Jangan angkuh tidak menentu... [Tepuk]*

Saya harap suruhanjaya yang ditubuhkan diadakan masa akan datang, selepas undang-undang ini diluluskan akan menjadi baik belaka dan membuat *contribution* dengan izin kepada negara. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ya Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin. Sebelum pada itu saya minta sekali lagi, Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercadang untuk berbahas tadi untuk mengangkat tangan kalau boleh supaya saya dapat meminta setiausaha untuk mencatatkan. Ada lapan lagi ya, terima kasih. Ya, Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin dan selepas itu Tuan Haji Zamri Yusuf untuk bersedia.

#### **4.04 ptg.**

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya kesempatan dan peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009. Oleh sebab telah pun dua Ahli Yang Berhormat...

[Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Sambung.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang kita semua sedia maklum, bahawa kita sedang menghadapi satu prinsip *1Malaysia*. Dengan adanya prinsip itu, "Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan". Maka kita mengambil iktibar itu, pencapaian diutamakan. Maka itu penubuhan Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini adalah merupakan pencapaian diutamakan.

Maka itulah sebelum ini pun kita sudah ada beberapa suruhanjaya yang telah ditubuhkan seperti salah satu daripadanya, Suruhanjaya Pencegah Rasuah untuk mengatasi masalah rasuah dalam negara ini, bagi mempertingkatkan integriti negara. Kedua, ialah Suruhanjaya Penghakiman dan ini merupakan juga daripada integriti untuk mempertingkatkan institusi kehakiman.

Sebelum ini pun, kerajaan telah pun menubuhkan Institut Integriti Malaysia yang ditubuhkan pada 5 November 2003. Saya tidak akan lupa tarikh ini kerana itu adalah tarikh lahir saya, 5 November. Jadi integriti ini menjadi satu ingatan yang tidak boleh saya lupa, saya lahir pada 5 November. Bila hari ulang tahun integriti, saya hadir. Jadi oleh sebab itu dalam Institut Integriti Malaysia, saya salah seorang daripada ahlinya.

Jadi oleh kerana itulah, maka dengan adanya rang undang-undang yang akan kita bahaskan pada hari ini, petang ini iaitu Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini. Kita akan mempertingkatkan integriti negara kita dan sesuai pula jika kita menyebut nama ringkasnya ialah SIAP. "S-I-A-P", Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan jadi SIAP. Jadi bererti kita menyiapkan diri kita, menyiapkan negara kita, menyiapkan segala apa yang hendak kita tentukan pada masa depan. Ia secara kebetulan, SIAP bererti kita menyiapkan diri... *[Ketawa]* Kebetulan bahawa nama suruhanjaya ialah ringkasnya ialah SIAP.

Jadi oleh kerana itu ia telah memberikan kita supaya bersiaplah, bersedialah untuk menghadapi cabaran-cabaran yang akan datang. Jadi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini mempunyai 55 seksyen. Oleh kerana kedua-dua Ahli Yang Berhormat tadi telah pun membentangkan dan dah membahaskan dan banyak perkara-perkara yang telah pun disebutkan, walaupun saya telah ada di dalam catatan saya tetapi oleh kerana sudah ada, maka itu saya akan pendekkan daripada ini. Saya akan cuba apa yang dapat saya sampaikan.

Jadi fungsi suruhanjaya ini jika dilihat perkara 4, ia ada bersangkutan dengan perkara 16, seksyen 4 dan 16 ada bersangkutan iaitu fungsi. Kita lihat sahaja dalam ini ialah, fungsi suruhanjaya adalah seperti berikut di seksyen 16 mengenai Jawatankuasa Aduan. Jadi jika dilihat dari segi itu, maka itu kita lihat menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap seorang pegawai penguat kuasa atau terhadap sesuatu agensi penguatkuasaan secara amnya dan menyiasat serta mengadakan pendengaran mengenai aduan sedemikian.

■ 1610

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, apakah bezanya di antara Biro Pengaduan Awam kerana kita juga ada sebuah agensi yang diberi nama Biro Pengaduan Awam. Adakah Biro Pengaduan Awam ini juga salah satu daripada agensi yang boleh diselarikan dengan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan? Ini kerana banyak terdapat pengaduan-pengaduan awam melalui Biro Pengaduan Awam ini.

Kita selalu terbaca banyak walaupun tidak secara di akhbar tetapi di dalam blog, internet selalu terdapat Biro Pengaduan Awam. Salah satu daripadanya saya juga ingin mendapat penjelasan iaitu bagaimana dengan aduan-aduan mengenai salah guna kuasa? Di sini ialah agensi penguat kuasa. Bagaimana dengan salah guna kuasa? Salah satu barangkali agensi-agensi kerajaan yang kita tahu agensinya, bukan kerajaannya, agensinya, tidak mengikut undang-undang atau akta agensi tersebut. Apakah tindakan ini juga boleh diambil oleh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini kerana terdapat kadang-kadang banyak agensi-agensi yang tidak mengikut akta dan undang-undang dan mereka melakukannya dengan salah guna kuasa.

Seperti mana yang salah seorang Yang Berhormat tadi telah menyatakan juga soal pengaduan. Ini juga amat penting untuk saya ulangi iaitu melindungi pihak pengadu. Kalau kita tidak dapat melindungi pihak pengadu, ini akan menimbulkan masalah kerana mereka menjadi takut untuk mengadu sesuatu perkara yang boleh disiasat. Juga kalau kita lihat di dalam Suruhanjaya Pencegah Rasuah mempunyai perlindungan kepada pengadu. Jadi mereka boleh dilindungi malah mereka juga diberi satu imbuhan jika sekiranya perkara itu benar berlaku. Inilah di antara perkara-perkara yang saya rasa amat penting dan kira harus lihat.

Dari segi jadual tadi banyak juga kedua-dua Ahli Yang Berhormat tadi sebutkan. Saya juga ingin menyambung mengenai jadual yang telah disebutkan tadi di mana ada di antara agensi-agensi yang tidak termasuk di dalam jadual ini. Akan tetapi saya telah membacanya dan saya melihat bahawa dalam jadual ini, agensi penguat kuasa ini boleh dipinda. Dalam perkara 55, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam warta meminda jadual. Itu barangkali kita serahkan kepada Perdana Menteri dan kita boleh memberi cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh meminda jadual bererti dia boleh tokok tambah jadual-jadual yang tidak ada di dalam senarai ini yang perlu untuk kita menyenaraikannya barangkali di sini.

Walaupun hari ini di dalam rang undang-undang ini tidak ada tetapi di sini telah diberi satu kuasa. Jadi kuasa itu barangkali kita boleh kalau ada di antara kita yang cuba mencadangkan mana-mana agensi seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator tadi maka dia boleh. Sebenarnya boleh dicadangkan kerana ada *clause* yang memberikan kita ruang untuk kita mencadangkan kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh meminda jadual ini. Cuma saya ingin membuat sedikit pembetulan di dalam senarai ini iaitu di bawah sekali disebut di sini barangkali sekarang ini sudah berubah kementerian. Saya hendak memberi pandangan sahaja.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebenarnya sekarang telah diubah. Mungkin boleh diperbetulkanlah menjadi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, sekarang ini sudah diubah. Di dalam akta ini masih menggunakan kementerian yang sama, kementerian yang dahulu. Mungkin ini agaknya tersilaplah. Jadi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini sudah tidak ada lagi. Sudah berubah sekarang menjadi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Itu di antara perkara-perkara yang saya lihat dan lainnya sebenarnya telah pun dikemukakan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat tadi. Banyak perkara yang telah pun dikemukakan. Kita melihat juga bahawa ada beberapa perkara di dalam rang undang-undang ini yang masih lagi kita ingin mendapat penjelasan daripada kementerian atau kerajaan bagi memperjelaskan tujuan-tujuan yang telah pun disenaraikan di sini berhubung dengan penubuhan suruhanjaya ini. Sesuatu suruhanjaya itu adalah amat penting bagi kita mempertingkatkan integriti negara kita.

Jadi setelah seperti mana yang kita juga tahu sekarang ini keadaan integriti di negara kita ini mulai merosot kerana ada beberapa perkara yang kita tidak dapat laksanakan. Seperti mana yang telah disuarakan oleh dua orang Ahli Yang Berhormat tadi beberapa perkara dan saya ingin menyambung sedikit berhubung dengan adakah benar atau tidak oleh kerana kita pernah menyuarakan beberapa kali di Dewan yang mulia ini. Kita lihat *income*, dengan izin ataupun pendapatan pada seseorang pegawai kerajaan atau pun Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negara itu tidak mencukupi maka apakah benar kerana itu menyebabkan berlakunya rasuah?

Barangkali ini boleh diperjelaskan kalau itulah berlaku maka itu kita harus memikirkan dan mempertimbangkan apakah perkara itu benar seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Saya ingin melihat bahawa perkara-perkara seperti itu hendaklah diteliti terlebih dahulu sebelum kita membuat apa-apa kenyataan. Oleh kerana itulah maka integriti ini amat penting sekali. Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini amat penting di dalam kita melaksanakan dasar-dasar kerajaan bagi menentukan masa depan negara kita supaya dapat terus dihormati oleh seluruh dunia kalau boleh, bukan sahaja di seluruh negara. Akan tetapi seluruh dunia menghormati seperti mana yang kita semua sedia maklum mereka sentiasa menghormati Malaysia sebagai satu negara yang amat berbeza dengan negara-negara yang lain. Kita mempunyai berbilang kaum, agama, bangsa, keturunan dan budaya tetapi masih boleh bersatu dan bersama meneruskan perjuangan kita dengan adanya perpaduan kaum itu.

Maka itulah saya amat menyokong dan memberikan sokongan dan sentiasa memberikan maklumat kepada semua pihak bahawasanya *1Malaysia* ini merupakan salah satu daripada usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan untuk menjadikan Malaysia ini supaya dihormati oleh orang kita, tidak bergaduh, tidak berpecah belah selain daripada kita memperkukuhkan serta menghormati setiap kaum yang ada di negara kita ini. Maka rakyat didahulukan dan ini amat penting. Jikalau rakyat tidak didahulukan kita memberi kepada bukan rakyat, kita selalunya akan menimbulkan masalah. Pencapaian perlu diutamakan jadi itulah perkara-perkara yang harus kita memandangkan berat kepada penubuhan Suruhanjaya Integriti ini dengan adanya kita mempertingkatkan integriti negara kita ini dalam semua bidang, jabatan kerajaan dan mungkin termasuk juga pihak swasta. Kita akan dihormati oleh seluruh dunia bahawa Malaysia mempunyai kedudukan yang cukup baik.

Maka kita hormati apa yang telah dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin kita yang terdahulu sehinggalah ke hari ini dan kita sama-sama memberi sokongan supaya kita terus mencipta satu nama yang besar di seluruh dunia. Demi memberi kesempatan kepada rakan-rakan yang lain, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya dengan ini mohon menyokong Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009. Sekian, terima kasih.

■1620

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Saya masih belum ada nama yang sampai ke tangan saya tetapi tadi saya ada nampak iaitu Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf. Silakan.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dengan peluang dan ruang yang diberikan kepada saya pada petang ini juga kepada rakan-rakan Senator yang lain untuk kita sama-sama membincangkan tentang Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009.

Saya bangun untuk membincangkan Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini adalah kerana rang undang-undang ini daripada segi hasratnya adalah penting. Dalam usaha untuk kita memantapkan *rule of law* kita di Malaysia sebagai sebuah negara yang bukan sahaja berasaskan hukum yang ada tetapi juga melaksanakan hukum tanpa rasa *fear of favor*, dengan izin, maka isu kewibawaan institusi-institusi yang kita gariskan di sini, yang terlibat adalah dianggap penting. Oleh yang demikian saya ingin menyentuh dan memberikan perhatian kepada beberapa isu yang disebutkan dalam rang undang-undang ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini diharapkan sangat selepas berfungsi nanti dengan sempurna, maksud saya bukanlah sekadar menjadi niat murni kita khususnya rentetan kepada laporan yang telah kita terima yang sangat banyak berkaitan dengan beberapa institusi penguatkuasaan seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Pengangkutan Jalan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bahagian penguatkuasaannya dan khususnya yang *last but not least*, dengan izin, yang paling banyak kita terima berkaitan dengan Polis Diraja Malaysia. Berbanding dengan 16 lagi institusi yang termaktub dalam rang undang-undang ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, integriti Malaysia juga secara langsungnya agak sedikit tercabar dalam hari-hari terakhir ini iaitu apabila kita mendapat tiga dakwaan, bukanlah pendakwaan tetapi tiga dakwaan yang dibuat oleh pihak luar negara yang kita harapkan Kerajaan Malaysia mengambalnya serius. Bukan sahaja kita menjawab dalam akhbar-akhbar media Malaysia tetapi kita mengambil langkah yang sebaiknya untuk menjaga integriti Kerajaan Malaysia supaya tidak tercabar sedemikian rupa.

Pertama, saya merujuk kepada bagaimana dikaitkan dengan kononnya ada bank Malaysia yang akan digunakan. Bagi saya, saya rasa belum digunakan. Dakwaan ini adalah bank Malaysia akan digunakan untuk pembayaran kepada penghantaran senjata ke Myanmar oleh Korea Utara. Saya merujuk perkara ini kepada kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Setiausaha Akhbar Rumah Putih, atau *White House*, pada 26 Jun. Yang menyebut antara isi kepada perbualan telefon di antara Presiden Obama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ialah untuk memastikan pelaksanaan resolusi 1874 dipatuhi.

1874 ini adalah yang ditetapkan oleh *United Nations* pada 12 Jun dipatuhi. Juga yang mencabar kita ialah kerana mereka juga akan menghantar kedatangan rombongan khas pelaksanaan resolusi 1874 untuk dipatuhi yang diketuai oleh Ambassador Philip Goldberg yang dijadualkan akan sampai ke Malaysia pada hari Ahad ini. Ini satu. Kedua, saya rasa ini juga mencabar integriti Kerajaan Malaysia yang perlu kita perjelaskan dan kita selesaikan ialah bagaimana Kerajaan Thailand mereka juga mendakwa saudara Thaksin juga ada sampai ke Malaysia.

Mungkin mereka tidak dapat membuktikan dan kita harus menjelaskan kerana ia mencabar integriti Malaysia secara umumnya walaupun tidak secara khusus mana-mana yang kita bincangkan di sini.

Ketiga, yang sedang ditangani. Saya ucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kerana sedang menangani satu lagi dakwaan yang diberikan kepada Malaysia tentang bagaimana kononnya Malaysia adalah pusat transit penyeludupan tenaga-tenaga kerja ke kawasan-kawasan lain melalui Malaysia. Jadi hal ini yang saya pastikan ketiganya sedang ditangani dan kita harapkan yang kedua di atasnya juga ditangani dengan baik sebagai menjaga integriti kerajaan Malaysia. Jadi Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang rang undang-undang...

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Yang Berhormat saya mohon mencelah, boleh?

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Ya. Silakan.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebentar tadi Yang Berhormat ada menyebutkan tiga yang berkaitan dengan Kerajaan Malaysia. Apakah pandangan Yang Berhormat mengenai apakah integriti seorang Ahli Parlimen itu kalau persidangan Dewan Negara baik pun Dewan Rakyat ditonton oleh seluruh dunia dengan Ahli Parlimen yang menunjukkan sikap seolah-olah budak mat rempit? Apakah pendapat Yang Berhormat? Kita tahu pada sesi pembukaan Parlimen tempoh hari pakai ikat kepala itu. Ikat kepala itu orang pun kata. Kalau anak-anak saya mereka sebut *punk*. Saya pun tidak berapa faham. Namun lebih kurang begitulah ayatnya.

Jadi adakah ini menunjukkan integriti yang terbaik yang telah ditunjukkan oleh pembangkang untuk mencerminkan negara Malaysia ini memang negara yang baik atau pun sengaja hendak mencemarkan kedaulatan negara dan juga Parlimen Malaysia? Terima kasih.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Terima kasih dengan pandangan yang diberikan tadi. Sebahagian besarnya adalah pandangan dan juga sedikit sahaja komen yang berkaitan dengan integriti Parlimen Malaysia. Sebab itulah integriti ini melibatkan semua *level* atau pun semua peringkat dan tahap dan juga melibatkan semua orang. Nanti saya akan sentuh sedikit dalam ini tentang beberapa perkara termasuklah Parlimen kita kerana berdasarkan kepada keanggotaan suruhanjaya ini kita akan sebutkan nanti bagaimana satu benda yang hampir *impossible* yang melainkan hanyalah niat murni kita. Harap ia nya akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada *point* tadi. Dalam kita membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini atau pun dalam ringkasannya SIAP yang diperkenalkan oleh beberapa Ahli Dewan Negara tadi. Bagi saya dalam SIAP ini untuk kita mengawasi institusi-institusi penguatkuasaan yang disenaraikan ini sekiranya dapat dilaksanakan dengan baik tanpa penyelewengan.

Sekiranya sikap keadilan dan kebertanggungjawaban telah wujud kepada teras kepada perjalanan institusi penguatkuasaan ini saya rasa ertinya kita tidak perlukan suruhanjaya ini sekiranya telah ada. Namun kita mengakui berdasarkan laporan-laporan yang kita terima, jabatan-jabatan ini perlu diberikan pemantauan untuk kita bina integriti lebih baik ke hadapan.

Sebab itulah saya juga mengharapkan SIAP ini dapat kita laksanakan dengan sebaiknya dapat kita lancarkan dan dapat dijalankan dengan sesempurnanya untuk kita mengawasi badan-badan yang terlibat ini. Walaupun pada umumnya bagi saya masih lagi dari segi menyentuh tentang agensi yang terakhir yang disebutkan di sini iaitu Polis Diraja Malaysia. Bagi saya walaupun pada umumnya di Malaysia ini pada tahap ini masih lagi kita anggap sebagai sebuah negara yang aman untuk kita diami. Akan tetapi kita tidak boleh menafikan bahawa masalah jenayah dan kebimbangan rakyat sehinggakan di beberapa kawasan perumahan baik di Kuala Lumpur mahupun di negeri Kedah, rakyat telah memilih untuk mengadakan peraturan sendiri dengan cara kawalan sendiri taman-taman mereka.

Oleh sebab mereka menganggap kawalan keselamatan oleh pasukan polis dengan bilangan yang ada gagal menjamin keselamatan mereka semasa di bawah penyeliaan Menteri Dalam Negeri yang lalu. Insya-Allah SWT kita akan cuba melihat perubahan yang boleh dilakukan melalui Menteri Dalam Negeri yang baru ini. Dengan harapan dan doa kita ia akan berjaya. Jadi sekali lagi saya menyebut, walaupun dalam keadaan yang begini, akan tetapi telah menjadi satu yang telah kita ketahui umum bagaimana pertambahan semakin besar tentang kadar jenayah yang meningkat begitu ketara dalam beberapa tahun terakhir.

Bertambah parah lagi semenjak negara turut dihipit dengan kemelut ekonomi sekarang. Justeru itu, kita tidak boleh membiarkan kadar jenayah dalam negara terus meningkat yang berkait secara langsung dengan *efficiency*, kecekapan, amanah pada tanggungjawab dan tugas, pertanggungjawaban yang mencabar prestasi pasukan penguatkuasaan. Sebab itulah kita harapkan rang undang-undang ini akan menyediakan satu agensi yang akan mengawasi secara langsung perjalanan Polis Diraja Malaysia dan juga jabatan yang hampir sama melibatkan tentang keselamatan di dalam dan juga sempadan Malaysia iaitu melibatkan polis, Jabatan Imigresen, pasukan maritim, kastam dan juga Jabatan Pengangkutan Jalan.

#### ■1630

Jadi Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu beberapa tahun dahulu bekas Perdana Menteri Malaysia telah membentuk Suruhanjaya IPCMC yang memberikan cadangan-cadangan yang agak mengejutkan. Syor-syor IPCMC telah dibahaskan di Parlimen dan di luar Parlimen dan saya percaya juga di peringkat Jemaah Menteri juga turut dibincangkan juga beberapa kali.

Namun yang kita lihat adalah mereka menerima tekanan dan bantahan yang cukup kuat daripada Ketua Polis Negara dan juga pasukan polis yang akhirnya kita melihat kerajaan mengalah dan IPCMC ketika itu tidak dilaksanakan.

Bagi saya masih ramai lagi anggota polis yang bekerja dengan cukup baik prestasinya memuaskan, tahap pengorbanan perkhidmatan yang cukup membanggakan. Jadi mengapa harus pasukan polis diperangkap semata-mata untuk mempertahankan beberapa kerat orang atasan polis yang mungkin bersekongkol dengan pihak-pihak yang menjadikan masalah untuk mencegah jenayah di Malaysia semakin sukar.

Jadi pengalaman ini saya sebutkan sendiri sebagai pengalaman saya berinteraksi dengan beberapa pegawai polis peringkat bawahan khususnya dalam tiga keadaan yang berbeza. Saya pernah berada di balai polis untuk beberapa jam, dalam kes saya membuat laporan tentang bagaimana rumah saya dipecahkan dan dimasuki penjenayah. Beberapa jam kita berada di sana berbincang dan mendapatkan kerjasama, jadi kita boleh faham tentang kerjasama yang telah diberikan oleh pasukan polis dan juga pengalaman saya lapan jam dan empat puluh lima minit berada di balai polis ketika ditahan melalui gerakan FRU ketika kami cuba melancarkan Bilik Gerakan Pilihan raya Bukit Selambau yang ketika itu mereka menggunakan kaedah kekerasan dan menahan di balai polis selama lapan jam dan empat puluh lima minit.

Dalam ketika itu pengalaman saya berinteraksi dengan pegawai polis, beberapa peringkat dalam peringkat IPD itu. Saya mengagumi mereka kerana kerjasama cara mereka melaksanakan tugas, bagi saya mereka sangat profesionalisme mereka sangat tinggi, mereka tidak mengambil kira soal status dan pangkat seseorang, dilayan sama rata. Sama ada Ahli Dewan Negara kah, atau peniaga goreng pisang atau penganggur kah itu sama saja dan 31 orang daripada kami yang ditahan itu selama lapan jam dan empat puluh lima minit diberikan air mineral hanyalah 24 botol untuk memberikan kerjasama supaya kita lebih akrab rasanya.

Jadi sebab itu saya rasakan berdasarkan pengalaman ini usaha baik mereka ini khususnya polis-polis peringkat bawahan ini dengan sikap mereka yang sangat baik ini kita tidak harus dicemarkan hanyalah dengan segelintir pegawai atasan yang bertindak untuk mempertahankan pemimpin tertentu. Jadi sebab itulah saya ingin merujuk supaya rakan-rakan kita dapat kembali merujuk dan mengingatkan kembali ingatan kita dengan kita merujuklah laporan yang dikeluarkan oleh IPCMC yang mana suruhanjaya yang cukup besar yang dipengerusikan oleh bekas Ketua Hakim Negara, yang menjelaskan tentang beberapa perkara tentang perubahan yang harus segera dilakukan untuk menjaga integriti pasukan Polis Diraja Malaysia.

Selain itu yang juga mencabar yang harus kita siasat segera sekarang ini ialah bagaimana terakhirnya kita menerima laporan akuan bersumpah yang terbaru yang dikeluarkan oleh Datuk Mat Zain Ibrahim, bekas Pegawai Kanan Polis yang menyatakan bahawa beberapa perkara.

Bagi saya inilah merupakan antara isi penting pokok yang harus dilalui oleh Agensi Suruhanjaya Integriti Penguatkuasaan nanti untuk melihat tentang bagaimana untuk kita memperkemaskan, menjaga integriti Malaysia. Jadi Tuan Yang di-Pertua, begitu jugalah hasil-hasil siasatan yang dilakukan oleh suruhanjaya-suruhanjaya sebelum ini. Kalau tadinya Suruhanjaya IPCMC, begitu jugalah dengan suruhanjaya yang menyiasat video V K Lingam, juga mengeluarkan beberapa maklumat, beberapa kenyataan yang menegur sikap yang dilakukan, tetapi akhirnya bagaimana kita melihat laporan-laporan ini ditinggalkan begitu sahaja.

Oleh sebab itu dalam kes ini saya sebutkan sekali lagi, rang undang-undang sentiasa sangat murni dan kita harapkan ianya boleh dilaksanakan dan kita tidak mahu perkara ini berlaku seperti mana yang telah dikeluarkan sebelum ini melalui suruhanjaya-suruhanjaya yang telah diadakan. Bagi beberapa agensi lain daripada 21 yang dinyatakan di sini, bagi saya agensi kedua yang ingin saya berikan pandangan ialah bagaimana tentang Jabatan Imigresen Malaysia yang kita rasakan juga satu jabatan yang cukup penting dipertingkatkan integritinya kerana kita boleh lihat bagaimana kemasukan pendatang asing yang begitu ramai dan bagaimana untuk kita pertingkatkan tahap ini untuk menjaga mengawal sempadan Malaysia, kemasukan daripada semua arah dan juga sikap apabila kita ingin menghantar kembali pendatang-pendatang asing atau tenaga kerja luar ini haruslah menjaga *rules of law*, undang-undang yang menjaga nama baik Malaysia.

Agensi, penguatkuasaan yang ketiga yang juga bagi yang banyak kerap kita menerima teguran, laporan daripada rakyat dan orang ramai adalah Jabatan Pengangkutan Jalan. Ada yang mengatakan bahawa penguat kuasa daripada JPJ ini lebih ditakuti daripada polis trafik. Itu kenyataan yang kita terima yang saya sebut ini sebagai pengajaran kepada SIAP nanti khususnya pengusaha kenderaan perdagangan seperti bas sekolah yang mengangkut anak cucu kita pergi dan balik ke sekolah oleh sebab kos bertambah akibat terpaksa membayar beberapa orang pegawai tertentu maka kos bertambah dan kita harus membayar menggunakan bas dan lori, van sekolah dan sebagainya dengan bebanan bayaran yang lebih bertambah.

Agensi yang seterusnya yang ingin saya sentuh di sini ialah Jabatan Kastam dan Eksais Diraja yang juga disebut dalam senarai ini. Pada pandangan kita pada pandangan umum, agensi ini telah dapat melaksanakan tugas dengan baik kerana kita dapat melihat bagaimana mereka boleh membanteras penyeludupan-penyeludupan yang pelbagai perkara daripada bahan yang paling mahal atau bahan yang paling berbahaya daripada dadah, ganja dan sebagainya hinggalah kepada binatang-binatang yang tidak masuk akal kepada kita dijadikan bahan penyeludupan kepada kita seperti tenggiling, ular, kura-kura dan sebagainya.

Akan tetapi yang kita peliknya sebagai peringatan yang saya hendak sebut di sini supaya selepas ini melalui rang undang-undang ini, melalui suruhanjaya ini harus disegerakan disiasat kerana mengikut apa yang kita lihat berapa banyak pun tangkapan yang dibuat tetapi yang kita dapat lihat ditahan lori, trak dan sebagainya yang ditahan hanyalah barang yang terlibat. Apakah ini satu kenderaan yang menggunakan satu operasi melalui komputer, melalui alat kawalan jauh dan sebagainya yang kita tidak pernah lihat tangkapan dibuat ke atas pengendali kenderaan yang terlibat.

Oleh sebab itulah kita mengharapkan supaya teguran ini dapat dilihat dan khususnya SIAP ini dapat mengingatkan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja bahawa kita rakyat Malaysia sedar dan sedang melihat apa yang berlaku dan kita harapkan mereka perbaikilah sistem gerak kerja mereka sekiranya benar-benar tidak dapat menahan pengendali orang tersebut kita boleh terima tetapi kita harus siasat melihat kerana tidak masuk akal kepada kita kenderaan yang begitu berat tidak boleh lari dengan begitu laju, tidak boleh dipandu laju tetapi ketika ditangkap dan ditahan hanyalah dapat lori, trak kenderaan dan sebagainya tidak pula termasuk pengendalinya sekali.

Jadi Tuan Yang di-Pertua tentang rang undang-undang ini sedikit sahaja lagi saya ingin sentuh tentang bagaimana pelaksanaannya yang saya bimbangkan takut hanya menjadi niat murni kerajaan dan juga kita di Dewan Negara yang bakal meluluskan undang-undang ini, ialah bagaimana kita akan melantik tujuh orang anggota suruhanjaya. Hanya tujuh orang anggota suruhanjaya yang akan menganggotai Suruhanjaya SIAP ini dan kita mengharapkan tujuh orang ini tujuh orang *Superman, Superboy Mat Bon* dan sebagainya tujuh orang yang sangat hebat untuk mengendalikan perjalanan suruhanjaya ini kerana mereka akan bermesyuarat dengan kuorumnya hanya empat orang tetapi mereka akan memantau 21 agensi yang ada di seluruh Malaysia.

Semua tadi agensi yang kita sebut yang agensi berjalan dengan agak baik. Bila agensi berjalan dengan agak sederhana, agensi yang sangat bermasalah, agensi yang pelbagai tadi mereka akan mengawasi 21 agensi yang akan dipantau yang berada di seluruh Malaysia. Tujuh orang anggota ini akan mengawal satu Malaysia untuk melihat perjalanan Satu Malaysia, menjaga integriti Satu Malaysia. Jadi persoalannya sejauh manakah niat murni ini boleh diterjemahkan dalam pelaksanaan?

■1640

Jadi Tuan Yang di-Pertua, tentang khusus secara langsung kepada teguran saya kepada rang undang-undang ini yang saya perlukan sedikit penjelasan daripada pihak kementerian. Pertamanya, saya ingin merujuk kepada muka surat 9, bagi fasal 5(1). Kita ingin tanyalah apakah kajian yang cukup, yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian dengan mencadangkan supaya Suruhanjaya ini dianggotai oleh tujuh Pesuruhjaya. Apakah bilangan tujuh ini satu nombor yang dianggap magis, yang boleh melaksanakan kerja-kerja dan tugas yang akan kita amanahkan ini?

Biarlah ianya berdasarkan kepada satu laporan dan kajian yang baik, yang dibentangkan oleh mana-mana pihak. Bukan sekadar kita kata, "Pejabat Peguam Negara tahu apa yang mereka hendak buat dengan draf undang-undang". Itu *simple* sangat jawapannya.

Keduanya, saya rujuk kepada muka surat 11 bagi fasal 9(3) dengan kuorum empat orang ini. Saya rasa ia harus dipertimbangkan dan perlukan sedikit penjelasan daripada kementerian, kenapa kuorumnya empat orang? Bukankah sepatutnya kuorum yang lebih baik adalah lebih tinggi? Ini kerana kerja yang akan kita laksanakan adalah satu tugas yang sangat mulia dan sangat memerlukan dedikasi yang bukan hanya 100%, tetapi memerlukan anggota yang bersifat *superman* untuk melaksanakan tugas ini.

Kemudian, saya merujuk kepada muka surat 13, fasal 16(1) dan muka surat 14, fasal 17(1) "*Suruhanjaya boleh menubuhkan apa-apa bilangan Pasukan Petugas yang difikirkannya perlu...*". Jadi, berdasarkan fasal 17(1) ini saya perlukan sedikit penjelasan, kenapa disebutkan "*...apa-apa bilangan Pasukan Petugas...*", tidak disenaraikan dan tidak dibantu dengan menyediakan penelitian tentang skop yang perlu mereka laksanakan, berbanding dengan hanyalah bagi satu sikap, satu cek kosong kepada pasukan ini untuk mengadakan apa-apa bilangan pasukan petugas yang difikirkan perlu.

Seterusnya, pada muka surat 17, fasal 23(4). Di sini dibenarkan ditubuhkan Jawatankuasa Aduan melalui Suruhanjaya ini, yang mana saya lihat hasilnya Suruhanjaya Aduan inilah yang paling berpengaruh dalam Suruhanjaya ini. Walaupun Suruhanjaya Aduan ini ditubuhkan oleh Suruhanjaya SIAP tadi, tetapi apabila dilihat kepada skop yang ada pada Suruhanjaya Aduan, skopnya sangat teliti bagi kategori aduan antara (a) hingga (f). Mereka boleh kategorikan laporan-laporan aduan yang mereka terima, yang akhirnya jika tidak dipantau dengan baik, Jawatankuasa Aduan ini hampir kesemua aduan yang diterima akan diselesaikan oleh Jawatankuasa Aduan dan mungkin tidak dibawa kepada pihak Suruhanjaya SIAP.

Seterusnya ialah tentang muka surat 19, fasal 26(1), Dapatan Jawatankuasa Aduan. Di sini ditunjukkan bagaimana Dapatan Jawatankuasa Aduan ini untuk merujuk aduan itu kepada pihak berkuasa tatatertib yang berkenaan untuk pertimbangan Suruhanjaya. Jadi, saya ingin penjelasan, siapakah yang melantik pihak berkuasa tatatertib ini dan apakah lagi skop yang terlibat dan di manakah laporan pihak berkuasa tatatertib ini harus dikemukakan selain daripada dikemukakan kepada Jawatankuasa Aduan yang terlibat ini.

Saya rasa itu sahaja yang ingin saya dapatkan penjelasan lanjut daripada pihak kementerian. Jadi, Tuan Yang di-Pertua bagi saya rang undang-undang ini memberikan kepada kita satu niat yang saya sebut daripada awal dan saya ulangilah. Niat yang murni yang saya juga melihat kemurnian niat yang ada pada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini.

Cuma, pelaksanaannya didapati sangat sukar dan dengan bilangan yang cukup terhad tadi, saya harapkan pihak kementerian dapat melihat, mengkaji dan paling tidaknya memperjelaskan kepada kita rasional kenapa bilangan ini disebutkan di sini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Silakan Yang Berhormat Senator Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim.

#### **4.44 ptg.**

**Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana dibenarkan untuk membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009, atau dengan ringkasnya SIAP. Di dalam bab integriti, saya ingin menyentuh hanya kepada aspek polis dan tahap profesionalisme polis di negara ini. Ini ialah sebab fungsi dan kuasa PDRM jauh sangat berbeza jika kita membandingkan dengan fungsi dan kuasa agensi-agensi kerajaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2004, saya telah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai salah seorang Pesuruhjaya di dalam Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis bersama teman-teman saya yang terdiri daripada dua bekas Ketua Hakim, seorang bekas Ketua Polis Negara dan badan-badan bebas dalam melihat dan mengkaji tingkah laku badan kepolisan yang ada di negara kita. Dengan kajian yang sungguh mendalam, kami telah merumuskan bahawa kita memerlukan sebuah suruhanjaya bebas yang memantau badan polis ini dan juga melindungi hak asasi manusia. Jadi, bukan untuk membuat bantuan kepada polis, tetapi yang lebih penting ialah untuk melindungi hak asasi manusia.

Saya mengambil contoh kes Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dipukul sehingga separuh mati semasa dalam tahanan polis. Saksi-saksi penting di dalam kes ini merupakan pegawai polis sendiri dan pegawai polis kanan kerana Anwar berada dalam tahanan polis ketika itu. Pada awalnya, polis memang mempunyai niat untuk berbohong apabila Ketua Polis Negara memukul Anwar di dalam lokap di Bukit Aman. Malah Perdana Menteri juga mengeluarkan kenyataan bahawa Anwar mencederakan dirinya sendiri. Saksi polis dari kalangan pangkat tertinggi dipanggil untuk memberi keterangan dan gagal untuk bekerjasama. Sungguhpun terdapat banyak bukti yang menunjukkan bahawa tindakan ini adalah dari angkara Ketua Polis Negara pada ketika itu.

Suruhanjaya yang dibentuk pada tahun 2004 telah mengusulkan 125 cadangan bagi memperbaiki badan polis dan mencadangkan agar sebuah suruhanjaya bebas (IPCMC) ditubuhkan. Selepas lima tahun, cadangan ini masih tidak dapat dilaksanakan. Apakah alasan kerajaan untuk menolak IPCMC? Polis sekarang berada dalam satu masalah moral dan etika yang besar. Jenayah yang dilakukan oleh polis, bebas berleluasa. Polis tidak akan mengadakan siasatan yang adil terhadap jenayah yang dilakukan oleh polis. Ini adalah satu fakta yang tidak dapat dinafikan. *There is no police force in the world that has been known to be able to police itself.*

Tidak seperti *London Metropolitan Police*, badan polis di Hong Kong dan Australia, polis dihormati dengan diletakkan di tahap yang tinggi.

#### ■1650

IPCMC atau mekanisme ini dirangka atas prestasi negara-negara ini. Mengikut rekod, sebarang kematian yang berlaku di dalam lokap dengan bekas lebam sering ditutup tidak ada polis yang didakwa. Jumlah kematian di dalam tahanan meningkat menurut statistik yang dikeluarkan oleh kerajaan, terdapat 150 kematian dari tahun 1990 hingga 2004 ataupun 10.7% kematian dalam setahun. 108 kematian dari tahun 2000 hingga 2006 maknanya 18% setahun dan 85 kematian di antara tahun 2003 hingga 2007, maknanya 21.25% setahun.

Menurut laporan *Malaysia Kini* pada 7 Februari 2005, dari tahun 1990 hingga September 2004 sebanyak 1,583 kematian direkodkan di 28 penjara seluruh negara. Angka tertinggi adalah pada tahun 2003 di mana seramai 279 banduan mati. Menurut kenyataan bekas Perdana Menteri Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi pada 23 April 2007, seramai 108 kematian dalam tahanan polis dilaporkan pada tahun 2000 hingga 2006.

Laporan BERNAMA pada 8 Julai 2008 pula melaporkan seramai 85 kematian dari tahun 2003 hingga 2007. Atas kesedaran itu, kami di dalam suruhanjaya mencadangkan agar sebuah suruhanjaya bebas polis yang dipanggil *Independent Police Complaints and Misconduct Commission* (IPCMC) ditubuhkan.

Saya tidak faham mengapa cadangan di dalam IPCMC ditolak, memandangkan pihak polis terlibat di dalam penyalahgunaan kuasa yang meluas berbanding dengan agensi-agensi yang lain. Ada 21 agensi tetapi yang kita tahu di negara ini polislah yang orang kata, *part of the problem* dengan izin, agensi-agensi yang lain itu kurang.

Tuan Yang di-Pertua, polis sekarang gagal menyelesaikan masalah jenayah yang semakin teruk. Pada tahun 2003 *Royal Commission of Inquiry* (RCI) melaporkan terdapat sebanyak 156,315 kes dan angka tersebut melebihi 200,000 kes pada tahun 2007. Rasuah yang dilakukan oleh polis sungguh memalukan, jadi ada pula orang yang kata, *we have the best police force in the world that money can buy*, dengan izin.

Polis juga dengan terang menyalahgunakan kuasa mereka dan melanggar hak asasi manusia dalam tugas mereka menjaga keamanan. Polis menangkap orang yang berpakaian hitam, orang yang menyalakan lilin dan menyumbat mereka-mereka yang menyanyikan lagu Hadhari ke dalam lokap selama tiga hari. Semasa sekumpulan orang mengadakan nyalaan lilin pada 22 Mei 2009 menuntut DUN Perak dibubarkan, mereka dilokap selama tiga hari. Menurut pengalaman mereka, ada orang yang ditahan bersama mereka di dalam lokap mempunyai kunci di sel yang lain dan kemudiannya memukul tahanan yang lain. Persoalannya, bagaimana tahanan tersebut boleh menyimpan kunci sel yang lain kalau bukannya dari anggota polis bertugas.

Tuan Yang di-Pertua, dari sudut integriti kita mesti merujuk kepada tahap profesionalisme polis. Ahli-ahli Dewan mestilah faham bahawa IPCMC dirangka bukan hanya untuk melindungi hak rakyat tetapi juga menjaga kebajikan polis. Kita mahu pastikan bahawa polis menjalankan tugas mereka mengikut undang-undang, peraturan dan prosedur yang betul.

Sebagai sebuah negara membangun, kita masih tidak lagi meratifikasi *convention on torture* oleh PBB seperti negara-negara yang lain. Saya ingin mengambil contoh tidak berapa lama dahulu pada 20 Januari 2008, di mana mendiang Kugan Ananthan mati di dalam lokap. Bedah siasat kedua dan gambar-gambar yang diambil membuktikan terdapat cedera akibat pendarahan dalaman kerana dihentak secara kuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan seolah-olah usaha kami di dalam suruhanjaya adalah satu usaha yang sia-sia sekiranya IPCMC tidak dijalankan serta masa kami dibazirkan dan wang perbelanjaan tidak dimanfaatkan. Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita hendak berbincang berkenaan isu integriti, kerajaan patutlah memeluk konsep bertanggungjawab seterusnya.

Misalnya, sekarang saya merujuk kepada Aturan Mesyuarat yang diusul oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 20 Jun 2009 dan dibahasakan di Dewan Rakyat. Usul tersebut berkaitan dengan penggunaan bajet akibat daripada penyusunan semula selepas pemindahan kuasa Perdana Menteri yang berkuat kuasa pada 10 April 2009 yang lalu.

#### ■1700

Menurut Peraturan Mesyuarat 66A peraturan-peraturan majlis Mesyuarat Dewan Rakyat tertakluk kepada satu rang undang-undang perbekalan yang telah diluluskan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 66 "*Mana-mana peruntukan semula, peruntukan perbelanjaan boleh dibuat melalui suatu usul oleh seorang Menteri.*"

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak kata itu, apa yang di bincang dan dibahasakan di dalam Dewan Rakyat patutnya di hantar di sini. Kalau tidak maknanya, apa yang disahkan di sana kita pun tidak dapat. Saya tengok dan tidak faham apakah perkara yang telah dijelaskan di sana. Terima kasih.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Okey, dijemput Datuk Maijol Mahap.

#### 5.02 ptg.

**Datuk Maijol Mahap:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk turut membahaskan satu rang undang-undang yang saya kira yang amat penting bagi negara kita ini. Dengan ini saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana membawa rang undang-undang ini ke Parlimen untuk dibahas seterusnya diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang adalah bermatlamat untuk mempertingkatkan lagi integriti agensi penguat kuasa yang mengurangkan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa dan memupuk keyakinan orang ramai terhadap agensi penguatkuasaan.

Sebagai permulaannya saya ingin melontarkan beberapa pertanyaan kepada kerajaan pertamanya ialah saya teringat dahulu kita pernah menubuhkan satu suruhanjaya untuk menyiasat salah laku polis. Kita telah pun menubuhkan suruhanjaya tersebut dan membelanjakan begitu banyak wang ringgit dan dapatannya sudah di buat. Akan tetapi setakat ini kita tidak nampak apakah yang selalunya di ambil oleh kerajaan dan adakah rang undang-undang SIAP ini adalah lanjutan kepada *findings* atau dapatan suruhanjaya tersebut. Apakah itu satu rangkaian *findings*, dengan izin yang telah dibuat oleh suruhanjaya tersebut.

Yang kedua ialah mengenai seksyen 1(4) iaitu senarai agensi penguatkuasaan yang akta yang terpakai baginya iaitu sebanyak 21 agensi di sini. Akan tetapi apa yang saya ingin soal di sini ialah tidak ada tertulis di sini Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (MACC) ini tidak ada. Adakah ini disengajakan, adakah sebab-sebab tertentu kenapa ini tidak ditulis di sini. Adalah mereka ini tidak tertakluk di dalam siasatan walaupun misalnya pegawai-pegawai mereka ini membuat salah laku, adakah mereka ini *immune* daripada penyiasatan di bawah akta ini?

Yang ketiga ialah apakah yang kita harapkan, apakah *expectation* kita selepas terlulusnya akta ini daripada pihak polis? Sebentar tadi saya mendengar bahas daripada Yang Berhormat Tunku. Beliau telah mengatakan tentang keburukan-keburukan polis tetapi saya kurang setuju dengan Yang Berhormat sebab di negara kita walaupun ada negatif-negatif yang kita boleh cakap mengenai polis. Akan tetapi banyak perkara yang positif serta bagus-bagus dan baik-baik yang dibuat oleh polis. Saya mempunyai keyakinan kepada kecekapan polis di Malaysia dan mereka ini adalah badan yang tercekap di antara di dunia yang saya percaya. Jadi daripada SIAP ini, apa yang boleh kita harapkan daripada polis adakah satu lonjakan yang lebih dalam segi kecekapan mereka, dari segi mereka menjalankan tugas mereka seharian demi menjaga ketenteraman negara kita.

Yang keempat, apakah hubung kait SIAP ini dengan *National Integrity Plan* yang telah pun diwujudkan serta dilancarkan pada beberapa tahun yang lalu. Ekoran daripada pelancaran *National Integrity Plan* ini, maka *Malaysia Institute Integrity* juga telah diwujudkan dan sedang beroperasi sekarang sebagai suatu institut menangani soal-soal integriti di negara kita,

Seterusnya, mengenai dengan pengurusan aduan yang mana terdapat dalam seksyen 22 sampai 24. Ini dalam seksyen 22(1) yang menyatakan bahawa "*Suruhanjaya mempunyai kuasa untuk menyiasat apa-apa aduan salah laku yang diterimanya daripada orang ramai, atau dirujuk kepadanya oleh mana-mana orang*". Saya ingin melihat sini tentang keberkesanan, di masa lalu kita ada pengalaman mengenai dengan ini. Apa yang saya maksudkan ialah Parlimen ini punyai satu *committee* iaitu *Parliamentary Select committee* ditubuhkan dan pernah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Tan Sri Bernard Dompok sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri suatu ketika dahulu.

Apa yang saya nampak dan perhatikan bahawa, Menteri tersebut telah pernah mengadakan *hearing* atau pendengaran dan telah memanggil pegawai kerajaan tetapi malangnya pegawai-pegawai kerajaan itu enggan datang menghadiri *hearing* tersebut.

Saya masih ingat Menteri berkenaan telah memanggil pengarah atau pegawai-pegawai Pendaftaran Negara untuk memberi keterangan mengenai IC-IC palsu, mengenai kad pengenalan yang diperoleh melalui dari pintu belakang di Sabah. Akan tetapi pegawai berkenaan enggan datang untuk menjawab atau memberi keterangan di *hearing* tersebut. Dengan adanya SIAP ini, adakah jaminan bahawa pegawai-pegawai ini yang harus datang bila dipanggil dan nanti datang dengan memberi keterangan supaya ketelusan dan juga apa yang hendak di cedok sebagai bukti keterangan itu akan dapat diketahui daripada mereka. Jadi saya harap kerajaan dapat memberikan penerangan terhadap ini.

Walau apa-apa pun Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyokong rang undang-undang ini. Satu daripada inti wawasan 2020 kita ialah mengenai perlunya satu integriti yang tinggi dalam masyarakat kita. Malaysia berhasrat menjadi negara maju pada tahun 2020, kemajuan transformasi ke arah negara maju bukan hanya berdasarkan kemajuan teknologi dan ekonomi. Ia juga perlu kemajuan dalam sosial, budaya intelektual dan juga spiritual, untuk mencapai ini *ethic* dan integriti haruslah ditingkatkan agar ianya menjadi sebahagian daripada budaya masyarakat kita.

#### ■1710

Integriti adalah mengenai individu, yang mempunyai nilai-nilai murni, seperti keikhlasan, amanah, *accountable* dengan izin, *transparency*, cekap, dan berfikiran waras. Pegawai-pegawai kerajaan, lebih-lebih lagi mereka yang terlibat dalam penguatkuasaan dasar dan peraturan kerajaan, mestilah mempunyai integriti. Mereka haruslah menjalankan kewajipan dan amanah bersesuaian dengan kepentingan awam. Mereka tidak boleh menyalahgunakan kuasa mereka, untuk kepentingan peribadi dan juga kepentingan keluarga atau saudara-mara mereka. Kalau wujud percanggahan, kepentingan awam hendaklah mendahului kepentingan peribadi. Pegawai-pegawai kerajaan atau pentadbiran awam hendaklah telus, atau *transparent*, jujur, *accountable* kepada ketua-ketua dan pegawai-pegawai bawahan mereka dan juga kepada semua pelanggan-pelanggan mereka.

Cabaran ke-4 Wawasan 2020 ialah, dengan izin, *to establish a fully moral and ethical society, who citizen are strong in religious, and spiritual values, impute with the highest ethical standard*. Rang undang-undang ini, saya percaya adalah satu daripada rangkaian matlamat kerajaan untuk mencapai Wawasan 2020. Saya juga percaya bahawa, rang undang-undang ini adalah juga sebahagian daripada usaha kerajaan untuk mengurangkan rasuah, salah laku, salah guna kuasa, meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian dan mengurangkan rentetan birokratik. Ia juga meningkatkan *corporate governance*, iaitu tadbir urus dalam pentadbiran awam di negara kita.

Integriti adalah soal yang serius dalam pentadbiran kita. Saya memuji kepada kerajaan kerana mempunyai pandangan jauh dalam hal ini, di mana setakat ini kerajaan telah menubuhkan *Special Cabinet Committee under Government Management Integrity*. Mengolah *National Integrity Plan* dan menubuhkan *Malaysian Institute of Integrity*. Kini, kita mempunyai Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009, iaitu rang undang-undang ini.

Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat beberapa cadangan di sini mengenai dengan, bagaimana kita boleh tingkatkan lagi integriti di kalangan pegawai-pegawai kerajaan dan semua lapisan masyarakat di negara kita ini. Dalam konteks ini, saya ingin mencadangkan agar *Malaysian Institute of Integrity*. Harus membuat *engagement* yang lebih kepada semua agensi penguatkuasaan, di dalam akta ini, iaitu agensi-agensi yang disebut dalam seksyen 1(4), supaya kefahaman adalah lebih baik dan meningkat mengenai integriti di kalangan pegawai-pegawai awam.

Kedua ialah, saya juga ingin mencadangkan agar Institut Integriti Malaysia, membuat *engagement* yang lebih dengan izin, kepada sektor swasta seperti masyarakat peniaga *Chamber of Commerce*, penuntut-penuntut IPTA dan penuntut-penuntut IPTS, serta ahli-ahli profesional yang dari kalangan muda. Saya juga ingin mencadangkan agar Institut Integriti Malaysia, membuat *engagement* yang lebih kepada parti-parti politik kita di Malaysia ini, sama ada dalam kerajaan ataupun pembangkang. Saya juga ingin mencadangkan, supaya Institut Integriti Malaysia ini membuat *engagement* yang lebih kepada NGO-NGO, badan-badan agama, ketua-ketua kampung, dan juga JKK.

Saya juga berharap, agar rakyat Malaysia akan dimaklumkan, secara meluas tentang adanya *avenue* mereka di dalam akta ini, untuk membuat aduan kepada suruhanjaya ini, terhadap mana-mana pegawai kerajaan dalam agensi penguatkuasaan seperti yang tertulis dalam akta ini. Ertinya di sini Tuan Yang di-Pertua, apabila kita sudah luluskan akta ini, maka saya berharap, kerajaan akan memberikan satu sebaran kepada rakyat supaya mereka mempunyai *avenue*.

Mereka tahu bagaimana kita mahu kompelin bagaimana kita mahu membuat aduan dalam apa yang tersebut dalam akta ini, iaitu agensi-agensi yang berkenaan. Bagaimana caranya? Saya cadangkan, kerajaan menubuhkan pusat-pusat, di mana mereka boleh membuat aduan terhadap pegawai-pegawai di seluruh negara kita. Di setiap negeri, kalau boleh di setiap daerah pun ada tempat mereka. Ada *avenue* mereka membuat aduan, supaya semangat akta ini akan lebih difahami dan juga dapat dicapai oleh kerajaan kita. Saya juga cadangkan, orang ramai mempunyai...

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Yang Berhormat, boleh saya mencelah?

**Datuk Maijol Mahap:** Silakan.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Satu cadangan yang baik untuk menubuhkan tempat-tempat di mana orang ramai boleh menggunakan tempat itu untuk membuat aduan.

Apakah tidak boleh dalam hal ini, digunakan kemudahan yang ada, iaitu Biro Pengaduan Awam, apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Maijol Mahap:** Saya setuju. Apa yang saya tahu, Biro Pengaduan Awam ini adalah *centralize*, dengan izin, di Jabatan Perdana Menteri. Seorang Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ditugaskan untuk mengendalikan hal ini, tetapi dengan jumlah kakitangan yang terhad. Jadi, pada masa ini, apa yang saya lihat ialah, akses rakyat kepada pusat ini adalah terhad. Jadi, saya setuju supaya ini diperluaskan juga, supaya rakyat mempunyai *avenue* untuk membuat aduan. Saya yakin dan percaya bahawa kerajaan melalui akta ini, mempunyai jentera yang lebih, *machinery* yang lebih untuk memberi peluang kepada rakyat untuk membuat aduan. Terima kasih Yang Berhormat.

Sebagai penutupnya, saya melihat di sini bahawa, jumlah ahli suruhanjaya yang akan dilantik adalah tujuh orang. Walaupun jumlah itu sedikit, menjadi satu subjek yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf tadi, sama ada berkesan ke tidak. Akan tetapi, setahu saya semua suruhanjaya ini mempunyai suruhanjaya yang terhad. Tidak banyak, kerana mereka ini suruhanjaya. Yang membuat kerja seharian itu, adalah kakitangan-kakitangan dan pegawai-pegawai yang dilantik untuk menjalankan tugas seharian yang telah diputuskan oleh suruhanjaya tersebut. Dalam hal ini, saya juga berharap agar, individu daripada negeri Sabah tidak dilupakan untuk dilantik menganggotai suruhanjaya ini. Itu sahaja yang ingin saya sampaikan Tuan Yang di-Pertua. Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Okey, silakan Yang Berhormat.

**Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah:** Terima kasih Puan Yang di-Pertua. Saya hanya hendak menyebut satu perkara sahaja. Akan tetapi sebelum itu, memang ingin saya menyatakan, perlunya suruhanjaya ini ditubuhkan. Bila nanti ditubuhkan, saya hendak minta jaminan supaya suruhanjaya ini benar-benar menepati fungsi yang diamanahkan kepadanya.

Saya katakan begitu Puan Yang di-Pertua, kerana menurut..., berdasarkan pengalaman saya sendiri di Parlimen ini, di Dewan Rakyat dalam Parlimen yang lalu. Ada satu jawatankuasa yang kalau tidak salah saya bernama, Jawatankuasa Integriti Parlimen, yang mengumpulkan pelbagai bentuk aduan daripada orang awam. Saya pernah dipanggil untuk memberi keterangan di depan jawatankuasa ini. Jawatankuasa itu, di waktu itu, dipengerusikan oleh mantan Ahli Parlimen, Profesor Dr. Wan Hashim Wan Teh, dan turut dianggotai oleh Yang Berhormat Lim Kit Siang pada masa itu, dan juga Yang Berhormat Datuk Halim, Ustaz Halim dari Kelantan.

Saya dipanggil untuk memberi keterangan bersabit daripada satu aduan. Satu pihak yang menyabitkan perbuatan salah laku, perbuatan *non-compliance* dari seorang penjawat awam. Saya memberikan maklumat yang dipinta waktu itu. Jadi, *simply* saya diminta datang terus ke sini untuk memberi maklumat itu, tetapi hingga setakat ini, sudah tiga, empat tahun berlalu, tidak ada apa-apa susulan daripada panggilan yang dibuat ke atas saya, oleh Jawatankuasa Integriti Parlimen ini.

## ■ 1720

Saya difahamkan bahawa Jawatankuasa Integriti itu bersifat *ad hoc*. Walaupun bersifat *ad hoc* tetapi ini adalah satu *structure* dengan izin, satu struktur yang bermaksud untuk memastikan bahawa penjawat-penjawat awam patuh terhadap undang-undang yang telah dimaktubkan maknanya...tetapi jangan sampai berlaku *non-compliance* dengan izin. Akan tetapi apabila ada sesuatu aduan tentang *non-compliance* ini dan dipanggil oleh pihak tertentu untuk memberi maklumat tetapi susulan tiada. Jikalau ini berlanjutan Tuan Yang di-Pertua, saya rasa yang saya takutkan kalau-kalau ini nanti akan menjejaskan kredibiliti institusi-institusi yang kita wujudkan.

Saya sedar sekali lagi bahawa Jawatankuasa Integriti Parlimen yang saya sebutkan itu khabarnya bersifat *ad hoc*. Akan tetapi pergi ke serata negeri mengumpulkan pelbagai bentuk aduan dan menimbulkan harapan di kalangan masyarakat awam bahawa sesuatu akan dilakukan untuk memastikan bahawa perbuatan-perbuatan salah laku, perbuatan-perbuatan *non compliance* oleh penjawat awam akan diambil tindakan. Jadi, pihak yang mengadu itu setelah membuat aduan dan mendapati memang ada susulan tetapi apabila tidak ada susulan lanjut maka pihak yang mengadu itu mulai merasa patah semangat dan merasa seakan-akan timbul sedikit rasa tidak percaya. Ada unsur-unsur rasa tidak percaya dengan mudahnya. Jadi itulah saya harap supaya dipastikan apabila suruhanjaya ini ditubuhkan nanti jangan suruhanjaya ini menerima nasib berfungsi sebagaimana Jawatankuasa Integriti Parlimen yang katanya bersifat *ad hoc* itu. Terima kasih.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya turut membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan dan menyampaikan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin kerana menunjukkan kesungguhan untuk meninggikan integriti Kerajaan Malaysia di mata dunia.

Usaha yang sedang kita pertimbangkan sekarang iaitu mengadakan satu undang-undang, menubuhkan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 ini jelas menunjukkan usaha yang terus menerus dilakukan oleh kerajaan di samping beberapa usaha lain yang bertujuan seperti yang saya katakana tadi untuk meninggikan taraf integriti negara kita ini keseluruhannya. Bukan hanya tertumpu kepada integriti badan-badan penguatkuasaan yang tersenarai sebanyak 21 badan yang mengikut undang-undang ini bolehlah ditambah dari semasa ke semasa jika difikirkan perlu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita jangan lupa dalam hari ini kita mempunyai institut yang kita namakan Institut Integriti.

Saya menggantungkan harapan yang banyak kepada institut ini, kepada institusi ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua untuk memberikan perhatian lebih banyak kepada masalah pendidikan. Apa sahaja bentuk pendidikan yang boleh kita lakukan, yang boleh membawa kepada maksud ataupun yang matlamat meninggikan integriti keseluruhan pegawai-pegawai awam, keseluruhan pegawai penguat kuasa, pimpinan dan sebagainya. Kita selalu mendengar orang berkata, dia seorang pemimpin yang baik. Seorang pemimpin yang berwawasan, seorang pemimpin yang ada integritinya. Jadi apakah sebenarnya kita maksudkan integriti di situ? Adakah kesungguhan menjalankan kerja sahaja ataupun menjalankan sesuatu kerja dengan penuh tanggungjawab, dengan penuh rasa tulus dan ikhlas dan tidak mudah digoda oleh bermacam-macam tawaran yang berupa macam-macam jenis. Biasanya godaan-godaan semacam ini, banyak tertumpu atau ditumpukan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dalam penguatkuasaan.

Jadi, saya rasa bukan tidak mustahak undang-undang seperti ini. Undang-undang ini mustahak tetapi pokok segala-galanya saya rasa lebih tertumpu kepada pendidikan. Jadi sebab itu, oleh sebab kita tidak mempunyai sekolah ataupun kolej ataupun universiti yang khusus mengajar hal-hal yang ada hubungannya dengan integriti. Kita berharap Institut Integriti Malaysia ini boleh mengambil langkah dari semasa ke semasa untuk menjalankan pendidikan yang bertujuan menjadikan pegawai-pegawai kita mungkin pemimpin-pemimpin kita dari bawah sampai atas tergolong daripada manusia yang berintegriti.

Apabila pegawai-pegawai, apabila pemimpin-pemimpin sudah bersifat demikian, sudah tinggi integritinya maka undang-undang bagaimana baik sekalipun tidak boleh mengatasi sifat-sifat yang telah ditanam begitu baik dalam diri pegawai-pegawai tadi dan hal ini memang lah tidak dapat dihasilkan dalam waktu yang pendek. Ia memerlukan satu waktu jangka panjang dan ia memerlukan apa yang dapat kita sebut dengan izin satu *delivery attend* untuk melaksanakan hal ini. Walau bagaimanapun, saya memandang berat dan mengharapkan seperti juga Yang Berhormat sahabat-sahabat yang lain supaya pelaksanaan undang-undang ini penubuhan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan dan hal-hal yang berkaitan dengannya dapat dilaksanakan dengan baik. Memang menjadi semacam tabiat kita Tuan Yang di-Pertua. Kita lebih banyak merasa sangsi, merasa ragu-ragu yang sesuatu yang hendak kita unjurkan. Walaupun kita diberi jaminan bahawa apa yang hendak dilaksanakan itu baik.

Misalnya kita ambil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang baru dilancarkan oleh mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ramai yang bercakap sebelum dan selepas pelancaran itu bahawa kita hanya boleh melihat kepada susunan-susunan undang-undang yang begitu cantik tetapi kita tidak boleh berharap kepada pelaksanaan undang-undang ini.

Jadi sebab itu masih ada terdengar sekarang rasa tidak puas hati komen-komen yang tidak positif yang tidak memberangsangkan bahawa adanya Suruhanjaya Pemberian Rasuah ini keadaan rasuah di negara kita ini tidak bertambah kurang. Malah, ada sesetengah mengatakan sebagai ejekan kepada adanya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ini bahawa semakin bertambah rasuah.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Yang Berhormat Dato', boleh kita sambung esok? Masa sudah cukup.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Baik. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sekarang.

Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Khamis, 9 Julai 2009. Terima kasih.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.***